



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 7**

**Selasa**

**29 Mac 2022**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Memperkenankan Akta-akta

(Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2021) 2022

(Halaman 35)

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021

(Halaman 63)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, SSM, DSNS, SUNS, SPMP, SPJK, SSAP, SPDK (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad, DMSM, SSAP, DIMP (Dilantik)
3. “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin, PMW [Menteri Kanan Pendidikan] (Dilantik)
4. “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] (Dilantik)
5. “ Datuk Lim Ban Hong, DMSM, BKT [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Dilantik)
6. “ Dato' Sri Ti Lian Ker, SSAP, DSAP, DIMP, JMN [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Dilantik)
7. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
8. “ Dato' Ajis bin Sitin, DIMP, AMP (Pahang)
9. “ Tuan Aknan a/l Ehtook, JSM, PSK (Dilantik)
10. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah, DIMP (Dilantik)
11. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin, AMN, BKT, PJB (Perlis)
12. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee, PJN, DIMP, JSM, AMN (Dilantik)
13. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad (Dilantik)
14. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan JP (Dilantik)
15. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, DPSM, JMW, AMW (Dilantik / Wilayah Persekutuan Labuan)
16. “ Datuk Bobbey Ahfang bin Suan, PGDK, JSM, ADK, BSK (Sabah)
17. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai, PMW (Dilantik)
18. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
19. “ Dato' Haji Husain bin Awang, DPMT, JP (Terengganu)
20. “ Dato' Isa bin Ab Hamid, DIMP (Dilantik)
21. “ Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid, PWP, DIMP (Perak)
22. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, DIMP, AMK, DNS, PJK, PPK (Johor)
24. “ Datuk John Ambrose, PGDK (Dilantik)
25. “ Puan Noraini binti Idris (Sabah)
26. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz, DIMP, AMP, AMN, PPN. (Pahang)

**AHLI HADIR (samb/-)**

27. Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Dilantik)
28. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong, DCSM (Melaka)
29. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim, PPN (Dilantik)
30. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu, DPSM, KMN, PMP, PJK (Dilantik)
31. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad, JMK (Kelantan)
32. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya, PMW (Dilantik / Wilayah Persekutuan Putrajaya)
33. “ Tan Sri Dato’ Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad, PSM, SPMP, SSAP, DPMP (Dilantik)
34. “ Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali (Dilantik)
35. “ Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
36. “ Dato’ Nelson a/l Renganathan, DIMP (Dilantik)
37. “ Dato Dr. Nuing Jeluing, PSBS, KMN, PBS, ABS (Sarawak)
38. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
39. “ Datuk Paul Igai, PJN, AMN, PBS, JSM (Dilantik)
40. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi, PMW (Dilantik)
41. “ Datuk Razali bin Idris, DPSM, PJK, BCM (Dilantik)
42. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
43. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
44. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
45. “ Puan Susan Chemerai Anding (Dilantik)
46. “ Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar, DPMP, AMN, KMN (Perak)
47. “ Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
48. “ Dato Zaiedi bin Haji Suhaili, PSBS, KMN, PBS, ABS (Sarawak)
49. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, SMW, DIMP, KMN, PPN (Dilantik)
50. “ Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, PJN, DGPN, PMW (Dilantik)

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, DIMP [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu, SSAP, SMT, JP (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Ahmad bin Yahaya (Kedah)

**AHLI TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, SSAP, DPMS, DSAP, DPNS [Menteri Kewangan] (Dilantik)
2. “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik)
3. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon, DPMP [Timbalan Menteri Pendidikan I] (Dilantik)
4. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
5. “ Dato' Wira Othman bin Aziz, DGMK, DSDK, BKM, ASK (Kedah)

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)] (Jeli)
2. “ Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batang Sadong)
3. “ Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I] (Paya Besar)
4. “ Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)] (Kuala Kangsar)
5. “ Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Timbalan Menteri Pertahanan] (Tanah Merah)
6. “ Datuk Muslimin bin Yahaya [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Sungai Besar)
7. “ Dato' Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I] (Bagan Serai)
8. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermeyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Masjid Tanah)
9. “ Dato' Haji Rosol bin Wahid [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna] (Hulu Terengganu)
10. “ Dato' Dr. Mansor bin Haji Othman [Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air] (Nibong Tebal)

**HADIR BERSAMA (*samb/-*)**

11. Yang Berhormat Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak)] (Mukah)
12. “ Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Pengkalan Chepa)
13. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Pendang)
14. “ Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi I] (Tanjung Piai)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Nor Yahati binti Awang

**Setiausaha Dewan Negara**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

-

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Muhamad Fazal bin Mahat  
Nor Aizafasya binti Zainal  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juara  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili  
Nurul Syakirah binti Ibharim  
Suhaila binti Sariffuddin  
Siti Fatimah Nurain binti Mohamad  
Nor Afina binti Mohamed Rashid  
Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Selasa, 29 Mac 2022**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Paten (Pindaan) 2022;
2. Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022;
3. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022;
4. Akta Petunjuk Geografi 2022.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan yang pertama, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid. Dipersilakan.

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia.

*Menanti si dara tinggal di teratak,  
Teratak terletak di hujung jalan,  
Nombor satu soalan terletak,  
Menanti jawapan merungkai simpulan.*

1. **Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan apakah status pelantikan guru secara “*one-off*” yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini.

**Menteri Kanan Pendidikan [Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]:** Dia bagi pantun.

*Jambu air jambu batu;*

*Ini jawapan nombor satu... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan pengambilan khas seramai 18,702 orang pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *one-off* bagi mengisi kekosongan guru di sekolah KPM. Urusan pengambilan PPP ini adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku pihak berkuasa melantik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pengambilan guru baharu KPM adalah berdasarkan kekosongan jawatan dan padanan opsyen mata pelajaran. KPM telah memperkenalkan kaedah kluster mata pelajaran bagi pengambilan guru secara *one-off* agar dapat membuka peluang kepada lebih ramai graduan untuk memohon berdasarkan kepada pemetaan ijazah sarjana muda dengan mata pelajaran yang bersesuaian.

Graduan yang memiliki bidang pengkhususan utama tertentu boleh memohon untuk mengisi kekosongan mata pelajaran lain yang dikategorikan dalam kluster yang sama. Dalam aspek kriteria pemilihan pula, keutamaan diberikan kepada graduan yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan daripada universiti awam, universiti swasta dan universiti luar negara untuk dilantik secara tetap.

Selain daripada itu, calon juga perlu memenuhi syarat skim perkhidmatan, memenuhi padanan kluster mata pelajaran dan berjaya dalam temu duga SPP. Temu duga tersebut menilai kompetensi umum seperti sikap, penampilan diri, pengetahuan am dan *competency functional* seperti kandungan mata pelajaran dan pedagogi. SPP telah selesai melaksanakan urusan pelantikan dan tawaran pelantikan telah diumumkan secara berperingkat. Sehingga kini, seramai 13,770 orang calon telah berjaya ditawarkan lantikan tetap sebagai PPP DG41 oleh SPP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga 28 Mac 2022, seramai 13,255 seorang guru baharu telah berjaya ditempatkan ke seluruh negara manakala baki 515 lagi akan ditempatkan mulai 11 April 2022. Berdasarkan status terkini, masih terdapat 4,932 kekosongan jawatan di bawah pengambilan khas ini yang perlu diisi oleh calon-calon yang layak. KPM yakin pengambilan guru secara *one-off* merupakan satu pendekatan untuk mengatasi masalah kekurangan guru di seluruh negara.

KPM akan terus meneliti dan berbincang dengan agensi pusat bagi mencari kaedah dan pendekatan terbaik bagi mengisi lebih banyak kekosongan guru daripada semasa ke semasa. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid:** Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, apakah nasib graduan pendidikan keluaran universiti yang masih tiada peluang mendapatkan penempatan mengajar di sekolah selepas sesi pengambilan *one-off* ini selesai?

Saya juga mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan kerjasama yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi khususnya dalam menentukan pengambilan pelajar jurusan pendidikan yang dilihat semakin kurang keperluannya di sektor kerajaan dan akhirnya kelak akan menambah kadar pengangguran. Terima kasih.

**Datuk Dr. Mohd. Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

■1010

Pertama sekali berkaitan dengan pengambilan graduan pendidikan yang mempunyai ikhtisas pendidikan. Ini merupakan satu perkara yang kita telah tekankan dari hari pertama sekali kita umumkan bahawa pengambilan *one-off* ini, keutamaan adalah untuk graduan pendidikan. Itu keutamaan kita untuk graduan yang mempunyai ikhtisas pendidikan dan itulah yang kita laksanakan di sepanjang masa dalam konteks kita melaksanakan pengambilan *one-off* ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendekatan yang digunakan buat pertama kali dalam pengambilan secara *one-off* ini akan juga digunakan dalam konteks pendekatan pada masa akan datang. Penekanan adalah kepada usaha untuk menggunakan pendekatan kluster. Maknanya kalau dahulu graduan fizik ini dengan Ijazah Pendidikan Fizik sebagai contoh, dia akan kena tunggu kekosongan opsyen fizik di sekolah, baru dia boleh isi.

Jadi, bila keluar graduan universiti- fizik, yang mana tidak ada kekosongan ke sekolah, maka peluang ia untuk mendapat tempat itu adalah amat rendah. Pendekatan yang kita guna buat pertama kali dalam pengambilan *one-off* ini yang kita akan gunakan untuk pengambilan akan datang kita gunakan kluster.

Untuk mereka yang mempunyai Ijazah Pendidikan Ikhtisas dengan Fizik ini, apa lagi opsyen mata pelajaran yang dia boleh ajar di sekolah. Dalam konteks ini, bukan saja Fizik, Matematik dan beberapa buah mata pelajaran lain yang boleh turut diajar. Melalui pendekatan ini, graduan pendidikan, tidak jadi macam sebelum ini. Kalau dulu pendekatan, opsyen dia yang itu saja, *and then* kluster dia, tidak ada kluster, *one to one*.

Sekarang ini dengan adanya kluster, graduan pendidikan mempunyai peluang yang lebih luas. Oleh sebab itu dalam konteks pengambilan *one-off*, kita dapat lihat ada graduan yang mempunyai ikhtisas pendidikan yang telah *graduate* dan keluar daripada universiti beberapa tahun yang lepas iaitu lima hingga enam tahun lepas, baru mendapat peluang. Ini kerana pendekatan kluster yang digunakan ini memberi ruang yang lebih luas.

Yang kedua adalah berkaitan dengan soalan tadi, jumlah murid dan pelajar yang dikeluarkan oleh IPTA. Sebenarnya itu soalan yang cukup baik Yang Berhormat. Saya hendak

ambil peluang untuk jelaskan, dalam MoU bersama Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2006, telah dinyatakan MoU ini bertajuk, “*Menangani Ketidak Seimbangan Antara Keperluan dan Penawaran Guru Bagi Meningkatkan Kualiti Pendidikan Negara*”. Ini MoU tahun 2006.

Dalam MoU tersebut, ketetapan memorandum adalah seperti berikut, IPG melatih secara khusus guru prasekolah dan sekolah rendah serta latihan dalam perkhidmatan universiti awam (UA), melatih secara khusus guru sekolah menengah, kolej matrikulasi, kolej komuniti dan politeknik. Ini MoU tahun 2006.

Oleh sebab itu dalam konteks ini, guru sekolah rendah umumnya dibekalkan melalui IPG di seluruh negara. Kita ada 27 IPG, yang bekalkan guru sekolah rendah kepada sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Untuk Graduan Ikhtisas Pendidikan di universiti awam, peluang mereka adalah di sekolah menengah dan juga kolej komuniti, politeknik dan sebagainya.

Oleh sebab itu apa yang paling penting adalah untuk universiti memastikan mereka sentiasa selaraskan keperluan kami di sekolah menengah dengan jumlah graduan yang bakal keluar daripada sistem sewaktu keperluan itu ada. Jadi, penyelarasan antara KPM dan KPT ini adalah amat penting dan kita sentiasa maklumkan kepada KPT apakah keperluan KPM. Adalah amat penting untuk universiti mematuhi keperluan ini supaya tidak ada isu berkaitan dengan lambakan graduan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Soalan tambahan.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Menteri terima kasih.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Siapakah Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Muhammad Zahid.

**Datuk Razali bin Idris:** Oh! Berebut dengan Yang Berhormat Senator Zahid. Okey baik. Keutamaan kepada sahabat.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Masih dalam pelantikan guru secara *one-off*. Guru-guru yang dalam subjek mana yang paling kritikal, guru-guru yang hendak diambil ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Berkaitan dengan mata pelajaran kritikal, banyak mata pelajaran yang kita senaraikan secara keseluruhannya. Namun berdasarkan *latest*, apa yang terkini, antara mata pelajaran yang tidak ada *supply* yang mencukupi dalam pasaran dalam kalangan graduan yang mempunyai ikhtisas beberapa buah mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris. Yang ini kita cuba yang terbaik untuk cari bekalan guru-guru yang ada ikhtisas dalam Bahasa Inggeris. Namun jumlahnya adalah amat terhad.

Selain daripada itu juga, mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam juga, khususnya Pendidikan Islam. Bekalan guru Pendidikan Islam ini dalam konteks tertentu juga adalah amat

terhad dalam kalangan mereka yang mempunyai ikhtisas. Ikhtisas maknanya Ijazah Pendidikan dalam Pendidikan Islam. Jadi, ada beberapa buah mata pelajaran lain yang kita beri perhatian, kita ada senarainya. Namun secara keseluruhannya yang paling kritikal, yang paling sukar untuk kita dapat merupakan Bahasa Inggeris. Pelbagai pendekatan sedang kita usahakan untuk memastikan kita mempunyai bekalan yang mencukupi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut KPM memberi keutamaan kepada graduan yang mempunyai ikhtisas pendidikan dalam pengambilan *one-off*. Namun di luar sana terutamanya pembangkang, sentiasa memainkan isu bahawa KPM tidak memberi keutamaan kepada graduan yang mempunyai ikhtisas. Jadi, soalan saya daripada 13,770 orang calon yang terpilih, berapa daripada kalangan golongan pendidikan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan soalan tersebut, kita sedar di luar sana ini ada yang kata KPM tidak memberi peluang kepada guru yang- kepada calon yang mempunyai ikhtisas pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 13,770 yang telah ditawarkan perjawatan ini, kesemuanya merupakan graduan yang mempunyai ikhtisas pendidikan. Jadi maknanya, keutamaan kita memang kepada graduan yang mempunyai ikhtisas pendidikan. Seperti mana saya sebut tadi, pendekatan kluster kita ini memberi ruang yang lebih luas kepada graduan-graduan pendidikan untuk mendapat peluang menjadi guru.

Selain daripada itu juga, saya sebutkan tadi. Dalam konteks tertentu, kita cuba dapatkan graduan yang mempunyai ikhtisas, yang berjaya dalam temu duga, kita kena ingat kena ada proses, walaupun mempunyai ikhtisas yang telah berjaya melalui proses pemilihan itu termasuk temu duga. Maka sekiranya tidak mempunyai calon yang mencukupi, barulah kita akan lihat pada calon-calon lain untuk dilantik secara *contract of service*.

Itu yang sedang dilaksanakan kerana kita tidak boleh menunggu jumlah yang mencukupi sehingga tiga ke-empat tahun lagi hendak selesaikan mata pelajaran tertentu sepertimana saya sebut tadi. Antaranya mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan sebagainya yang memang memerlukan jumlah guru yang lebih ramai berbanding dengan bekalan di kalangan mereka yang mempunyai ikhtisas.

Umumnya memang keutamaan kita untuk graduan yang mempunyai ikhtisas dan kita telah laksanakan kesemua, sehingga ke hari ini 13,770 orang ini yang diambil merupakan graduan yang mempunyai ikhtisas. Kita akan lihat, apa pendekatan selanjutnya berdasarkan bekalan yang ada untuk baki lebih 4 ribu orang lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin, Menteri Kanan Pendidikan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Datuk Wira Koh Nai Kwang.

**2. Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kementerian akan meningkatkan kriteria dan had dalam permohonan kad kredit bagi mengurangkan kadar kebangkrapan di kalangan golongan belia.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Salam Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong atas soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik kebangkrapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi, hanya 8.9 peratus daripada jumlah kes kebangkrapan dari tahun 2017 sehingga tahun 2021 adalah disebabkan oleh hutang kad kredit. Jumlah kes kebangkrapan yang disebabkan oleh hutang kad kredit juga semakin menurun daripada lebih 1,000 kes pada tahun 2017 kepada 438 pada tahun 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bilangan ini hanya merangkumi 0.005 peratus daripada jumlah pemegang kad kredit utama. Bagi mengawal tahap keberhutangan pemegang kad kredit, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan beberapa syarat pemberian kad kredit untuk memastikan hanya pengguna yang berkemampuan sahaja diberikan kad kredit. Yang pertama, kelayakan pendapatan minimum untuk pemegang kad kredit dinaikkan daripada RM18 ribu setahun kepada RM24 ribu setahun sejak Mac 2011.

■1020

Kedua, pemegang kad kredit yang berpendapatan RM3,000 sebulan atau kurang, hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar kad sahaja serta mempunyai had maksimum kredit tidak melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad kredit bagi setiap pengeluar;

Ketiga, institusi kewangan tidak dibenarkan untuk menaikkan had kad kredit pemegang kad tanpa mendapat persetujuan mereka terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, institusi kewangan dikehendaki mempertimbangkan situasi pemegang kad kredit yang menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman akibat kesihatan, pengangguran atau sebab-sebab munasabah yang lain dan menawarkan pelan pembayaran balik alternatif yang sesuai dengan keadaan dan situasi kewangan pemegang kad kredit.

Selain itu Yang Berhormat Senator, pemegang kad yang menghadapi masalah kewangan dan kesukaran untuk membayar balik pinjaman boleh menghubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapat khidmat nasihat kewangan ataupun bantuan pembayaran semula hutang. AKPK Yang Berhormat Senator, menyediakan pelan pembayaran semula pinjaman untuk pemegang kad kredit melalui rundingan dengan institusi kewangan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah, apakah keberkesanan AKPK yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam membantu orang ramai khususnya golongan belia untuk menyusun atau menstrukturkan semula pembayaran hutang kad kredit supaya mereka tidak diambil tindakan kebangkrapan? Terima kasih.

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas persoalan berkaitan keberkesanan AKPK. Untuk makluman Yang Berhormat, AKPK sebenarnya institusi di bawah Bank Negara yang sentiasa terbuka untuk membantu individu dan PKS.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat sebentar tadi adalah berkaitan dengan keberkesanan AKPK. Untuk makluman Yang Berhormat, 80 peratus daripada 100 peratus permohonan yang tiba di AKPK dapat diselesaikan. Berbaki 20 peratus itu disebabkan yang pertama, mereka secara sukarela untuk menarik diri daripada program pelan pengurusan kredit dan yang keduanya, sebilangan kecil yang tidak mempunyai pendapatan.

Akan tetapi pengkhususan soalan Yang Berhormat tadi adalah berkaitan golongan belia. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 100 peratus permohonan itu, 15 peratus merupakan golongan belia. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, AKPK mempunyai pelan pengurusan kredit secara kadar normalnya sepuluh tahun. Akan tetapi bagi untuk orang muda, kita lakukan proses supaya orang muda ini dapat keluar daripada pelan pengurusan kredit ini lebih cepat. Kadar normal yang saya beritahu sebentar tadi sepuluh tahun, tetapi untuk orang muda, kita cuba mempercepatkan empat ke-lima tahun. Itu untuk pemulihan.

Akan tetapi AKPK juga melakukan program pencegahan di mana kita lakukan program, ceramah, forum, seminar dan juga kita mengadakan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan belia dapat kita libat urus dan kita pastikan mereka dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

**Tuan Seruandi bin Saad:** Apakah rancangan tempoh jangka masa panjang kerajaan yang boleh memberi impak kepada aspek pengurusan dan pembangunan kewangan anak-anak muda yang berhadapan dengan masalah gaji bulanan yang tidak setara dengan kenaikan kos sara hidup mereka?

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kerajaan sentiasa mengadakan usaha yang menyeluruh dan bersungguh-sungguh untuk memastikan keupayaan menguruskan kewangan ini secara berkesan, memandangkan golongan muda ini lebih celik kewangan dan mempunyai daya tahan yang lebih tinggi dan mereka ini amat penting untuk kita pastikan supaya masa hadapan mereka lebih terjamin dalam usia muda untuk mereka uruskan kewangan.

Itu sebabnya di bawah Bank Negara Malaysia, kita telah memperkenalkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 di mana di dalam Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan ini, kita ada satu program dinamakan *Financial Education Network*, dengan izin, untuk kita memupuk keyakinan dan keupayaan lebih tinggi dalam kalangan anak muda dalam menguruskan kewangan. Kita adakan Bulan Literasi Kewangan, kita adakan program untuk tahap celik kewangan, kita adakan program #MyDuitStory. Apa yang menarik, interaksi hampir 1.5 juta orang anak-anak muda yang terlibat sekali dalam program tersebut.

Akan tetapi saya yakin dan percaya Yang Berhormat, kita mesti melihat keupayaan anak muda. Itu sebabnya kita juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan mereka juga dapat diberi perhatian seawal mungkin di peringkat tadika dan peringkat taska juga diberi pendedahan kepada literasi kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan lain?

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dalam hal penggunaan kad kredit baharu ini, kita sebenarnya Ahli-ahli Parlimen sukar untuk mendapatkan kad kredit dari bank ini. Kita diklasifikasikan sebagai *politically exposed person*. Adakah kementerian sedar akan perkara ini? Terima kasih. Seolah-olah dianaktirikan lah. Terima kasih.

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah:** Yang Berhormat, ini merupakan perkara di bawah Bank Negara Malaysia dan telah kita letakkan – betul seperti Yang Berhormat sebutkan PEP ini. Cuma, saya akan semak semula Yang Berhormat, adakah ia menidakkan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Cumanya berbalik kepada perkara asas dalam permohonan kad kredit, iaitu sekiranya Yang Berhormat mempunyai kelayakan daripada segi jumlah seperti mana yang saya telah sebutkan tadi, RM24 ribu sebulan dan Yang Berhormat layak dan saya kira perkara ini saya akan semak Tuan Yang di-Pertua berkaitan keluh resah Yang Berhormat Senator sebentar tadi. *Insyah-Allah* Yang Berhormat, saya akan membantu untuk mempercepatkan proses kad kredit Yang Berhormat... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Dato Dr. Nuing Jeluing. Dipersilakan.

**3. Dato Dr. Nuing Jeluing** minta Menteri Kanan Pertahanan menyatakan, perkembangan terkini penyertaan belia mengikut bangsa dalam pasukan sukarelawan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta bagaimanakah perancangan ATM dalam memastikan penyertaan ini seimbang dengan komposisi kaum di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing yang bertanya mengenai perkembangan terkini penyertaan masyarakat berbilang bangsa dalam pasukan sukarelawan Angkatan Tentera Malaysia.

Untuk makluman Senator dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, angkatan sukarela ATM terdiri daripada Rejimen Askar Wataniah, Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia dan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia yang dianggotai oleh orang awam secara sukarela. Kewujudan angkatan sukarela ATM dalam masyarakat diharap dapat menyemaikan nilai-nilai murni Angkatan Tentera Malaysia dalam jiwa rakyat, sekali gus mengeratkan lagi hubungan orang awam dengan tentera. Anggota sukarela ATM juga merupakan platform yang kondusif untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan belia dan beliawanis.

Pada masa ini, penyertaan angkatan sukarela ATM semakin meningkat dari segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, hasil kesedaran dan keyakinan yang tinggi terhadap konsep pertahanan menyeluruh dalam membantu benteng pertahanan negara. Bagi mempromosi angkatan sukarela ATM, markas pasukan simpanan bagi ketiga-tiga perkhidmatan akan melaksanakan program promosi turun padang pasca endemik di seluruh negara melalui pasukan atau unit mengikut zon dan kawasan tanggungjawab di setiap negeri termasuklah untuk negeri Sabah dan Sarawak.

Kementerian Pertahanan juga telah menggariskan komitmen dan keutamaan kerajaan dalam merangka strategi jangka panjang bagi meningkatkan penglibatan rakyat dalam pertahanan negara melalui Kertas Putih Pertahanan, Pelan Strategik MINDEF 2021 hingga 2025 dan Sistem Pengurusan Strategik ATM. Kerajaan juga komited untuk terus meningkatkan sokongan dan komitmen majikan serta orang ramai terhadap tanggungjawab dan peranan bagi meningkatkan semangat patriotisme serta penyertaan pelbagai bangsa dalam angkatan sukarela ATM melalui penguatkuasaan dan kesedaran terhadap Akta Angkatan Tentera 1972. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih semua.

■1030

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Saya difahamkan bahawa pada masa kini, elaun harian bagi anggota Askar Wataniah Tentera Darat bagi seorang pegawai dibayar pada kadar RM9.60 sejam manakala bagi anggota lain-lain pangkat dibayar pada kadar RM8 sejam.

Soalan saya, adakah kerajaan akan menyemak semula kadar elaun harian dengan menaikkan kadar lebih tinggi bagi menggalakkan lebih ramai orang awam menyertai pasukan

simpanan ATM terutama daripada kalangan orang awam yang mempunyai kepakaran seperti aspek kejuruteraan dan bidang perubatan serta lain-lain kepakaran. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan yang amat baik. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator tadi dan untuk pengetahuan semua lah Ahli Dewan yang mulia ini, kadar elaun harian kehadiran latihan tempatan bagi pegawai Askar Wataniah dibayar pada RM9.80 sejam. Manakala bagi anggota lain-lain pangkat, dibayar pada kadar RM8.00 sejam.

Kedua-dua kadar elaun ini merupakan kadar bayaran baru yang baru diluluskan dan mula kuat kuasa pada Januari tahun ini, 2022. Kadar bayaran ini melibatkan kenaikan sebanyak RM2.00 bagi pegawai dan lain-lain pangkat Askar Wataniah selepas lapan tahun tidak dinaikkan sejak tahun 2013. Jadi, ini kenaikan yang baru, dinaikkan.

Kenaikan ini juga merupakan lanjutan daripada permohonan kenaikan kadar elaun harian kehadiran latihan tempatan oleh Kementerian Pertahanan kepada Kementerian Kewangan pada Oktober tahun lalu. Kementerian Pertahanan juga akan sentiasa menyemak dan berusaha menambah baik kadar bayaran elaun kehadiran latihan tempatan dari semasa ke semasa sebagai galakan kepada orang awam untuk menyertai Rejimen Askar Wataniah.

Sebagai contoh, pihak kementerian telah mencadangkan kenaikan elaun harian berdasarkan kadar upah bagi seorang pegawai sebanyak RM100 sehari ataupun RM12.50 sejam dan lain-lain pangkat adalah sebanyak RM72 sehari ataupun RM9.00 sejam. Perkara ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3, Tahun 2011 iaitu Dasar dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian yang menetapkan kadar upah pekerja sambilan harian berdasarkan kelayakan akademik yang bersesuaian dengan jenis tugas yang dilaksanakan.

Namun Yang Berhormat Senator, ia masih lagi tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan berdasarkan kemampuan kewangan. Jadi, saranan dan cadangan Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing, *insya-Allah* saya akan bawa ke pengurusan tertinggi MINDEF untuk dipertimbangkan. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang amat prihatin dan cakna kepada pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia. Terima kasih...  
[Tepuk]

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya meminta Kementerian Pertahanan untuk menjelaskan, adakah perancangan pembinaan kem baharu Askar Wataniah di Sabah dan Sarawak sebagai galakan kepada penduduk tempatan menyertai pasukan simpanan Tentera Darat dalam mendepani cabaran jenayah rentas sempadan di Kalimantan dan juga di Pantai Timur Sabah. Terima kasih.



**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato Dr. Zaidi. Sudah doktor kan?... *[Ketawa]* Maaf ya. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato Zaidi ini saya cakap Yang Berhormat ini rajin. Selalu tanya soalan Kementerian Pertahanan.

Okey, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator bagi pihak Kementerian Pertahanan, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana satu-satunya negeri yang memperuntukkan sejumlah RM2.3 juta setiap tahun kepada Tentera Darat.... *[Tepuk]* Orang Sarawak sebelah saya ini tepuk kuat betul.

Bagi tujuan aktiviti menggalakkan lebih ramai rakyat Sarawak menyertai pasukan simpanan Askar Wataniah Tentera Darat. Geran khas ini adalah satu-satunya geran yang diperuntukkan mana-mana negeri di Malaysia. Tidak ada negeri lain yang memperuntukkan sebanyak ini. Jadi, kita berharap kerajaan negeri lain juga bagilah peruntukan geran seperti mana negeri Sarawak pada masa hadapan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator, Kementerian Pertahanan pada masa ini tiada perancangan untuk membina kem baharu Askar Wataniah di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan orang awam dalam pasukan Askar Wataniah Tentera Darat, kementerian ini sedang melaksanakan rancangan penstrukturan semula dan penubuhan baru terutama melibatkan pasukan-pasukan Kor Tentera Darat Askar Wataniah termasuk di Sabah dan Sarawak seperti yang digariskan melalui Pelan Strategik Hala tuju Askar Wataniah tahun 2022 hingga 2030 yang akan dilaksanakan mulai tahun 2024.

Perancangan penubuhan pasukan-pasukan Kor Tentera Darat Askar Wataniah di Sabah dan Sarawak ini merangkumi komponen pasukan Tentera Darat dari Rejimen Askar Jurutera Diraja, Rejimen Artileri Diraja, Kor Perkhidmatan Diraja, Kor Polis Tentera Darat, Rejimen Semboyan Diraja dan Kor Ordinan Diraja termasuk pasukan woksyp Askar Wataniah bagi menambah baik aspek kekuatan dan pengurusan harian Rejimen Askar Wataniah di kedua-dua negeri tersebut.

Ini secara tidak langsung akan turut membantu aspek promosi dan galakan kepada penduduk tempatan untuk menyertai pasukan Rejimen Askar Wataniah di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya lebih kepada konsep khidmat negara. Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan adakah terdapat sebarang perancangan di bawah kepimpinan Menteri Kanan dan Kementerian dalam mengembalikan Program Latihan Khidmat Negara. Terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator yang bertanya. Mengenai PLKN yang dahulu kita ada PLKN, buat masa ini tidak ada perancangan untuk mengembalikan PLKN. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz atas jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip, dipersilakan.

**4. Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apa strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang serta pelan tindakan khusus untuk sektor pelancongan Malaysia bagi menyambut langkah pembukaan semula sempadan negara oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua, penularan COVID-19 bukan sahaja telah merencatkan industri pelancongan di Malaysia malah seluruh dunia terkesan olehnya. Dalam usaha untuk membantu industri ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah membangunkan Pelan Pemulihan Industri Pelancongan dan Kebudayaan pada tahun 2020 untuk membantu, memulihkan dan merancakkan kembali industri pelancongan negara.

Pelan ini dibangunkan hasil daripada penelitian dan pelbagai sesi libat urus dengan pemegang taruh termasuk penggiat industri. Ia mengandungi pelan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk industri ini kembali bangkit meliputi tiga fasa utama iaitu:

- (i) pembukaan semula ataupun *re-opening*, dengan izin;
- (ii) pemulihan iaitu *recovery*; dan
- (iii) daya tahan iaitu *resilience*.

Apabila aktiviti industri pelancongan negara terhenti sepenuhnya susulan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP), kerajaan telah memulakan langkah awal dengan menghulurkan pelbagai bantuan dan insentif bagi meringankan beban penggiat industri ini yang hilang punca pendapatan. Antara insentif yang diambil termasuklah:

- (i) bantuan tunai;
- (ii) skim pembiayaan mudah;
- (iii) program subsidi upah; dan
- (iv) pelaksanaan moratorium untuk pelbagai jenis pinjaman.

Untuk makluman juga, pada tahun 2020 dan 2021, MOTAC telah memperuntukkan sebanyak RM61 juta bagi penyaluran bantuan kewangan kepada lebih 20 ribu orang pengusaha pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC iaitu syarikat ataupun agensi

pelancongan TOBTAB, ejen syarikat MM2H, pengusaha inap desa, pemandu pelancong dan pengusaha spa serta pusat urut kaki di seluruh negara.

#### ■1040

Pada masa yang sama, MOTAC turut melanjutkan tempoh kelonggaran hal-hal berkaitan *fee* lesen dan kompaun kepada TOBTAB dan pemandu pelancong berlesen bagi membantu mereka. Kelonggaran ini diberikan sehingga Jun 2022.

Elemen utama untuk industri pelancongan dapat memulakan pemulihan merupakan pergerakan dan kebenaran untuk aktiviti ini dijalankan semula. Oleh sebab itulah MOTAC telah memainkan peranan untuk mempersiapkan agar ia dibenarkan semula bagi memberi ruang untuk penggiat industri boleh menjana pendapatan mereka semula.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, MOTAC telah membantu membangunkan Prosedur Operasi Standard untuk pembukaan semula aktiviti industri pelancongan dalam negara seterusnya memberi tumpuan sepenuhnya untuk sektor pelancongan domestik. Bermula dengan langkah kecil untuk kebenaran aktiviti pelancongan dalam negeri ataupun *interstate*, dengan izin, sehinggalah kebenaran aktiviti ini secara rentas negeri iaitu *intrastate*.

Saya ada sedikit lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Dibenarkan ya. Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk merangsang dan merancakkan pelancongan domestik iaitu:

- (i) pemberian baucar diskaun ataupun rebat sebanyak RM20 juta bertujuan meningkatkan promosi pelancongan Malaysia dan juga kuasa membeli untuk pengguna;
- (ii) pemberian dana sokongan sebanyak RM5 juta bagi aktiviti promosi dan penggiat pelancongan dalam bentuk bantuan kewangan kepada penggiat industri pelancongan tempatan; dan
- (iii) pelancaran dan Promosi Pakej Cuti-cuti Malaysia Penjawat Awam yang memberi tumpuan kepada lebih kurang 1.6 juta orang kakitangan kerajaan di seluruh negara.

Dalam pada masa yang sama, pelbagai bantuan dan insentif baharu dan sedia ada terus disalurkan bagi membantu penggiat industri untuk terus lonjak semula. Sebagai makluman untuk tahun 2022 sahaja, kerajaan akan terus menyalurkan bantuan-bantuan menerusi Bajet 2022. Antaranya Tuan Yang di-Pertua:

- (i) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA;
- (ii) inisiatif Pelaksanaan Program Subsidi Upah berjumlah RM600 juta;
- (iii) Bantuan Khas Tunai berjumlah RM85 juta yang memanfaatkan lebih 20 ribu orang pengusaha pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC; dan

- (iv) Geran Padanan berjumlah RM30 juta bagi tujuan pembaikan hotel bajet serta Geran Pembaikan Pengusaha Inap Desa yang berdaftar dengan MOTAC yang boleh memanfaatkan lebih 4000 orang penggiat industri pelancongan dalam sektor ini.

Jadi di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju dengan cadangan MOTAC untuk melaksanakan gelembung pelancongan domestik Langkawi yang telah dilancarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Larangan Aktiviti Rentas Negeri masih berkuat kuasa dalam usaha untuk melonjakkan semula aktiviti pelancongan domestik setelah sekian lama terhenti sepenuhnya.

Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik Langkawi yang dilaksanakan bermula 16 September 2021 ini mengguna pakai Prosedur Operasi Standard yang telah dibangunkan oleh MOTAC dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan. Jadi, Projek Rintis ini juga kemudiannya membuka ruang kepada pembukaan aktiviti rentas sempadan.

Seterusnya, *insya-Allah* kita akan adakan pembukaan sempadan antara bangsa ini antara strategi kita seterusnya. Sebenarnya panjang lagi sedikit sahaja jadi saya tidak mahu ambil melainkan dibenarkanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat cukuplah itu. Cukup.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Cukup? Saya rasa cukup padat juga jawapannya tadi kan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan dan jawapan tadi. Cuma, saya hendak tambah sedikit hendak tarik perhatian MOTAC.

Tahun lalu kita hampir rugi RM165 bilion kerana ada yang gulung tikar pemain-pemain industri dalam industri pelancongan ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sebagai contoh Thailand. Thailand sekarang ini ia hendak- menggalakkan pelancong datang, ia bagi kelonggaran. Kelonggaran ia ialah pelancong bebas kuarantin. Apakah kita juga ada rancangan seumpama itu? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. *Insya-Allah*, kita juga kalau dibuka sempadan nanti kita juga tidak akan mengkuarantin mereka yang datang, pelancong akan datang.

Cuma, prosedurnya ialah apabila mereka sebelum meninggalkan negara mereka, dua hari sebelum itu perlu ada ujian PCR dan bila sampai ke Malaysia dalam masa 24 jam, mereka perlu menjalankan ujian RTK itu secara profesional supaya mereka dapat di rekod. Itu sahaja yang mereka perlu lakukan. Tidak ada dikuarantin melainkan mereka didapati positif maka akan dianjurkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Itu sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan lain? Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya ialah, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengenal pasti agensi pelancongan yang melakukan penipuan dalam penawaran skim pelancongan? Sejauh manakah tindakan yang dibuat untuk mendidik rakyat agar tidak terjerat dengan penipuan ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya.

Sebenarnya kita mempunyai penguat kuasa dan kita bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain juga dan penguat kuasa kita memantau semua ini. Malah, ingin saya nyatakan di sini, dikongsi di sini juga malah kita sudah mengambil tindakan. Ada yang kita keluarkan, dengan izin, *Show Cause Letter* kepada mereka yang telah tidak mematuhi undang-undang kita.

Kita dari semasa ke semasa memang sentiasa menguar-uarkan perkara ini sebab itu ada mereka sudah mula bertanya mereka hendak pergi umrah ke mereka hendak melancong ke mula bertanya dengan kita dan kita mempunyai rekod agensi-agensi yang memang sudah kita ambil tindakan.

Jadi, antara perkara inilah yang kita lakukan untuk membantu mengurangkan masalah ataupun cabaran seperti ini berlaku dalam negara kita. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya kerana ia juga memberi kesedaran kepada mereka yang lain di luar sana.

Namun begitu, boleh berhubung dengan MOTAC terutama dengan Bahagian Pelesenan untuk bertanya lanjut kalau perlu terperinci jawapannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri Menteri Pelancongan, Seni dan Kebudayaan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Silakan.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Tuan Yang di-Pertua...*

*Terima kasih sama-sama;  
Soalan saya nombor lima.*

**5. Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana perancangan strategik dan hala tuju Inisiatif Lelaki Qawwam yang akan diperkenalkan serta hasil yang diperoleh daripada sesi meja bulat yang telah dijalankan baru-baru ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif untuk membincangkan isu pemerkasaan peranan kaum lelaki melalui Persidangan Meja Bulat: Inisiatif Lelaki Qawwam yang dilaksanakan pada 30 November 2021. Persidangan ini adalah untuk memandu hala tuju inisiatif dan pelan tindakan bersesuaian bagi melaksanakan inisiatif ini.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kaum lelaki memainkan peranan penting dalam memastikan keharmonian keluarga, kesejahteraan dan hala tuju keluarga dalam mencapai matlamat hidup yang sempurna dan bahagia. Memperkasa peranan lelaki khususnya lelaki Muslim amat penting supaya dapat berfungsi dengan baik sebagai pemimpin, pelindung serta pembela kepada golongan wanita, ahli keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Allah S.W.T berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 34... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, “Kaum lelaki merupakan pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan”. Oleh sebab Allah telah melebihkan orang lelaki dengan beberapa keistimewaan atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan, memberi nafkah sebahagian dari harta mereka.

Perkataan “*qawwamuna*” dalam ayat ini adalah jamak *plural* kepada perkataan “*qawwam*” dalam Bahasa Arab. “*Qawwam*” pula adalah sirah *mubahala* kepada perkataan “*qaim*” yang membawa maksud sangat bertanggungjawab dalam sesuatu perkara.

Kerana itu dalam mentafsirkan maksud “*Qawwam*” dalam ayat ini para ulama seperti Ibnu Kafir, al-Tabari, al-Qurtubi, Ibnu Asyur dan lain-lain memberikan pelbagai ringkasan tafsiran “*qawwam*” itu bermaksud pemimpin, pemelihara, pembela, pelindung dan pemberi nafkah kepada wanita.

#### ■1050

Justeru itu, inisiatif Lelaki *Qawwam* bukan sesuatu yang baharu bahkan sebagai menyahut seruan Allah dalam firman ini. Inisiatif ini adalah untuk memupuk tanggungjawab sebagai seorang lelaki, suami dan ayah dalam sesebuah keluarga di samping menghidupkan suasana menyayangi, menghormati wanita serta memainkan peranan untuk saling lengkap melengkapi dalam sesebuah keluarga.

Ini adalah kerana lelaki adalah insan yang dipilih oleh untuk menjadi khalifah selari dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud... [*Membaca sepotong hadis*] Yang terbaik di antara kalian adalah yang terbaik terhadap keluarganya dan aku adalah yang terbaik terhadap keluarga ku.

Tuan Yang di-Pertua, pohon sedikit masa. Beberapa resolusi telah pun dicapai dalam persidangan meja bulat tersebut;

- (i) mendaya upayakan peranan lelaki sebagai bapa dan suami yang boleh menjadi ikon kepada keluarga bagi mengukuhkan kestabilan institusi kekeluargaan dalam pembinaan bangsa dan negara;

- (ii) meningkatkan keupayaan dan kemahiran kepada kaum lelaki dalam memikul tanggungjawab yang lebih besar melalui pelbagai bidang pekerjaan terutama dalam sektor yang kritikal; dan
- (iii) melaksanakan kajian ke atas dasar dan program sedia ada di peringkat persekutuan ataupun negeri yang memerlukan penambahbaikan.

Sehubungan itu, satu bentuk pelan komunikasi, yang holistik dan komprehensif dalam melaksanakan program-program bagi menangani isu ini berdasarkan dasar sedia ada dan pelan tindakan sosial telah pun diwujudkan. Pelaksanaan pelan komunikasi Inisiatif Lelaki *Qawwam* yang telah dirangka ini akan diharap memberi manfaat kepada kesejahteraan keluarga sejajar dengan iltizam Wawasan Kemakmuran Bersama melalui pendekatan Keluarga Malaysia yang menjadi hala tuju pentadbiran negara ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan silakan Yang Berhormat Senator Hajah.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Alhamdulillah*, tahniah dengan apa yang diusahakan ini. *Insyallah* mudah-mudahan Keluarga Malaysia kita sentiasa dalam keadaan aman sejahtera. Seterusnya, tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengumumkan bahawa suami yang gagal membayar nafkah, akaunnya akan dibekukan.

Jadi, susulan kepada Inisiatif Lelaki *Qawwam* yang diperkenalkan ini. Apakah ada bentuk-bentuk pembaharuan lain yang sedang dirangka kerajaan bagi menambah baik peranan lelaki dalam institusi perkahwinan? Dalam isu penguatkuasaan pembekuan akaun misalnya, adakah kerajaan bersedia untuk bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi mendaftarkan semua maklumat mengenai status perkahwinan, perceraian dan kematian bagi semua warganegara Malaysia tidak kira bangsa atau agama bagi tujuan memudahkan pencarian maklumat peribadi seseorang warganegara. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary:** Terima kasih soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh yang sangat prihatin kepada nasib wanita dan juga keluarga yang teraniaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memahami kesukaran para isteri yang diceraikan kerana kehilangan tempat bergantung apatah lagi kepada isteri yang tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan sendiri. Bagi menjaga kepentingan wanita dan anak-anak dalam isu tuntutan nafkah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai pembekuan akaun suami yang ingkar membayar nafkah kepada bekas isteri setelah mendapat perintah mahkamah. Pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai perkara ini pastinya memberi kelegaan kepada para isteri yang menghadapi masalah ini dalam isu tuntutan nafkah.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia menyambut baik agar Jabatan Pendaftaran Negara mendaftarkan semua maklumat mengenai status perkahwinan, perceraian, kematian semua

warganegara Malaysia tidak kira bangsa atau agama. Bagi merealisasikan perkara ini, Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia atau SPPM merupakan sistem pendaftaran perkahwinan, perceraian dan rujuk orang Islam yang diselaraskan.

JAKIM akan melaksanakan integrasi maklumat dengan JPM perancangan berintegrasi ini dalam peringkat perbincangan dan akan dilaksanakan pada tahun 2023. Sehubungan itu pentingnya ditekankan Inisiatif Lelaki *Qawwam* agar semua lelaki dapat memainkan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Dengan itu, kebertanggungjawaban lelaki terhadap keluarga dan tanggungannya dapat dilunaskan walaupun setelah pembubaran sesebuah perkahwinan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah pun dijawab dan sama dengan soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sama ya?

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan lain? Silakan.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Nombor lima ke nombor enam Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Nombor lima ke nombor enam? Nombor limalah?... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya, setakat ini apa pendirian dan tindakan pihak kerajaan untuk meminta pihak suami yang bekerja, yang mampu dan bekerja untuk membayar PERKESO kepada isteri? Setakat mana tindakan dan juga penilaian kerajaan terhadap hal tersebut? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad juga seorang yang sangat prihatin kepada nasib wanita. Berkenaan soalan Yang Berhormat itu, itu berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi, barangkali Yang Berhormat sekiranya ada ruang boleh mengajukan soalan yang sama kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri yang memberikan jawapan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah.



**6. Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, jenis-jenis bantuan berbentuk sokongan moral dan mental yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada pesakit COVID-19 dan mereka yang telah kehilangan ahli keluarga akibat COVID-19.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 ini sememangnya telah menyebabkan rata-rata masyarakat terkesan sama ada seseorang itu merupakan pesakit COVID-19 atau mereka yang kehilangan orang yang disayangi ataupun juga mereka yang memberi perkhidmatan atas perkara COVID-19 ini sama ada hospital, di klinik kesihatan ataupun di tempat pemberian vaksin umpamanya.

Jadi, kini masalah pandemik COVID-19 telah mendatangkan satu lagi pandemik yang senyap iaitu masalah emosi dan kesihatan mental. Jadi, sebab itulah institusi kekeluargaan juga terjejas apabila kematian ahli keluarga. Apabila kematian ahli keluarga akibat COVID-19 serta permasalahan masalah-masalah yang dihadapi seperti tekanan kewangan akibat kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan dan juga tempat bergantung.

Kementerian Kesihatan mengambil serius impak pandemik terhadap kesihatan mental masyarakat terutamanya pesakit COVID-19 dan mereka yang kehilangan keluarga yang tersayang. Beberapa tindakan penting telah dilakukan;

- (i) KKM mewujudkan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial ataupun disebut MHPSS, *Mental Health and Psychosocial Support Services* di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, hospital dan klinik kesihatan. Pasukan ini dilatih untuk memberi bantuan awal psikologi ataupun *Psychological First Aid (PFA)* serta intervensi lanjut jika pesakit ini bertambah teruk. Jadi, mereka ini dilatih untuk mendengar, untuk melihat tanda-tanda stres dan juga untuk memberikan *link* atau rujukan kepada pakar-pakar;
- (ii) perkhidmatan talian bantuan sokongan psikososial yang telah dimulakan sejak awal 2020 dengan kerjasama agensi kerajaan dan juga NGO seperti JAKIM, KPWKM dengan Talian Kasihnya dan juga contohnya, NGO Mercy, Pertama, MIASA dan MMHA. Perkhidmatan sampai Februari 2022, perkhidmatan talian ini telah menerima sebanyak 280,472 panggilan. Daripada ini, 73 peratus memerlukan intervensi sokongan emosi psikologi dan kaunseling;
- (iii) inisiatif terkini KKM memasukkan komponen kesihatan mental ke dalam aplikasi MySejahtera di bawah ikon *Digital Health Care*. Jadi, masuk sana kita masuk kepada *Digital Health Care*, masuk pada minda

sihat, tengok ada empat perkara di situ. Penggunaan aplikasi ini boleh mendapatkan maklumat tentang talian bantuan sokongan psikososial, informasi tentang kesihatan mental dan saringan kesihatan mental sendiri.

Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Selain itu, inisiatif yang dinyatakan di atas, kerajaan telah menyediakan inisiatif lain seperti kit Pakej Penjagaan COVID-19 ataupun PPC yang mengandungi beberapa item penjagaan diri untuk golongan B40.

#### ■1100

Selain daripada itu, NADMA juga telah meluluskan bantuan sebanyak RM94.3 juta bagi Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 kepada 18,867 orang pemohon. Sebanyak RM47.9 juta bagi Bantuan Khas COVID-19 kehilangan pendapatan kepada 38,836 orang pemohon yang layak dan lengkap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Soalan Tambahan.

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Soalan tambahan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah.

**Dato' Arman Azha Abu Hanifah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Selain daripada pesakit, ahli keluarga, golongan petugas barisan hadapan terutama doktor, bantuan perubatan dan semua warga kerja di hospital juga merupakan yang berisiko tinggi yang menghadapi *stress* ini.

Hasil daripada kajian, terdapat 53.8 peratus daripada golongan ini menghadapi tekanan yang melampau dalam pekerjaan mereka. Soalan saya, setakat ini apa pencapaian perkhidmatan kesihatan mental seperti yang dikatakan, psikososial dan talian bantuan psikososial ini? Bagaimanakah kementerian mengukur keberkesanan dan juga kejayaan program ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat Senator yang begitu prihatin. Kalau saya lihat soalan ini, penekanan dia kepada *health care workers*. Maknanya di samping pesakit yang ditanya dan mereka yang kehilangan, bagaimanakah pula tentang impak kepada yang memberi itu?

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sarankan, saya sebutkan daripada awal jawapan saya tadi, yang terkesan ini, sebab itu ia dinamakan *silent pandemic* atau pandemik senyap. Oleh sebab, ramai yang kena, satu dunia kena, semua kena. Malah kita yang dekat ini pun ada yang terkena juga, secara sedikit, secara banyak, tidak sama. Akan tetapi impak yang besar, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi kepada pemberi atau *health care workers*.

Jadi, sebab itulah kita membuat- contohnya, saya sebut tadi saringan sendiri, di samping melalui MySejahtera ataupun saringan sendiri melalui program DASS umpamanya. Di mana pengisian, borang-borang pertanyaan untuk melihat sejauh manakah terkesan

kepada pemberi-pemberi perkhidmatan. Dalam lawatan saya ke pusat vaksinasi, PKRC di seluruh negeri, saya selalu kata, "*Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul*".

Mereka yang bekerja di bawah itu, yang datang sekali cakap, ini cerita lain. Yang bekerja, yang duduk di situ setiap hari bagaimana? Bagaimana tentang anak-anak-anak dia, bagaimana tentang keluarga dia dan sebagainya. Oleh sebab itu kita membuat penilaian DASS ini kepada kita punya *health care workers*, pemberi khidmat dan juga sukarelawan.

Kita melihatlah, kita memberikan taklimat sebelum dipanggil *pre and post deployment* untuk melihat adakah mereka ini terkesan disebabkan beban kerja yang ada dan sudah pasti KKM mengambil berat dan memberi bantuan rehat dan keperluan yang ada kepada mereka yang terlibat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Soalan tambahan.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Dato' Haji Husain bin Awang.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya ingin mengemukakan satu soalan tambahan kepada kementerian. Apakah mekanisme yang digunakan oleh kementerian untuk melaksanakan bantuan ataupun sokongan moral dan sokongan mental ini di kawasan luar bandar yang selalunya terpinggir daripada mendapat perhatian dan bantuan dari pelbagai pihak? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan. Kali ini kawasan luar bandar pula. Seperti yang saya sebut dalam jawapan saya tadi, bahawa contohnya, kita buat Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) ini di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, klinik kesihatan, kita buat di hospital-hospital, kita pergi sampai ke bawah itu. Jadi, kita tidak akan melepaskan sesiapa. Malah kerajaan telah menempatkan seramai 200 orang pegawai psikologi kaunseling secara kontrak di daerah-daerah dan di klinik-klinik kesihatan.

Jadi, sudah pastinya, mekanisme yang dijalankan ini dan juga beberapa perkara lain seperti kalau saya hendak sebut di sini dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat, diwujudkan apa yang dikatakan *Let's TALK* Minda Sihat iaitu satu kaedah di mana kita menceritakan, mendengar dan juga memberitahu di mana tempat-tempat untuk mendapatkan rawatan jika ada terkesan daripada segi emosi, daripada segi keperluan kewangan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang akan dipinggirkan, malah di kampung-kampung dan sebagainya kita ada sebanyak 1,160 buah klinik kesihatan di seluruh Malaysia untuk menjalankan program ini dan juga sebanyak 60 buah hospital untuk menjalankan program ini di samping talian psikososial yang dilakukan oleh NGO-NGO tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan tambahan lain? Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Puan Noraini binti Idris.

**7. Puan Noraini binti Idris** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, tindakan serta bentuk pengauditan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian terhadap pengurusan sumber manusia syarikat ATA IMS Berhad di Johor Bahru yang dikatakan telah melakukan eksploitasi dan penindasan buruh seperti mana yang didedahkan oleh portal berita antarabangsa "*Channel 4 News*".

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah melaksanakan pemeriksaan penginapan dan kemudahan pekerja yang disediakan oleh pihak ATA IMS Berhad, sebuah syarikat yang mengeluarkan barangan elektronik untuk pasaran eksport bagi memastikan majikan mematuhi peruntukan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

Selain daripada itu, pemeriksaan berkanun ke atas syarikat juga dilaksanakan bagi memastikan perundangan, perburuhan seperti Akta Kerja 1955 dan Akta Umur Minimum Persaraan 2012 dipatuhi oleh pihak majikan. Pihak Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah menjalankan pemeriksaan pada 5 Mei 2021, susulan aduan yang diterima berkaitan dengan tuntutan segera untuk memeriksa akta berkaitan standard penginapan yang disediakan oleh Dyson dengan izin, *urgent request to inspect ATA Dyson manufacturing facilities regarding accommodation standard*. Hasil daripada pemeriksaan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) siasatan mendapati sebanyak lima unit penginapan yang disediakan oleh majikan tidak mempunyai perakuan penginapan, walaupun begitu, penginapan tersebut adalah dalam keadaan baik dan sesuai didiami mengikut Akta 446; dan
- (ii) Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah membuka empat Kertas Siasatan di bawah seksyen 24D Akta 446 atas kesalahan tidak mempunyai akuan penginapan dan ATA IMS Berhad telah dikenakan kompaun bagi setiap kesalahan yang dilakukan tersebut.

Selain daripada itu, susulan laporan daripada *Malaysiakini*, berhubung dakwaan pekerja-pekerja melebihi tempoh masa yang ditetapkan dan melebihi tempoh kerja lebih masa yang dibenarkan iaitu sehingga 186 jam dan ikatan hutang, dengan izin, *debt bondage*.

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia bersama-sama dengan Jabatan Imigresen Malaysia telah membuat pemeriksaan seterusnya pada 3 Julai 2021. Dalam siasatan tersebut, didapati tiada sebarang pelanggaran waktu kerja dan kerja lebih masa di bawah Akta Kerja 1955. Serta berkaitan ikatan hutang tetapi didapati wujudnya pelanggaran dalam pengiraan gaji dan kelewatan pembayaran gaji.

Walau bagaimanapun, majikan telah mematuhi selepas notis pematuhan dikeluarkan oleh jabatan. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia akan sentiasa memantau dan membuat penyiasatan susulan ke atas syarikat-syarikat lain. Ini supaya semua perspektif amalan buruh paksa termasuk elemen jenayah pemerdagangan orang dapat ditangani sekali gus merealisasikan hasrat negara menghapuskan amalan buruh paksa menjelang tahun 2030. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Puan Noraini binti Idris:** Ya. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Jadi, isu mengenai eksploitasi tenaga buruh asing ini bukan sahaja dalam kes ATA IMS Berhad di Johor Bahru, tetapi juga melanda industri kelapa sawit di negara kita. Di mana pada awal Februari dan Mac lalu, Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat (AS) telah menyita sebanyak empat penghantaran minyak sawit keluaran negara kita dengan nilai kira-kira lebih RM10.33 juta atas tangkapan eksploitasi tenaga buruh asing.

■1110

Jadi soalan saya, bagaimanakah pihak kementerian dapat menangani tanggapan negara luar yang dilemparkan pada Malaysia mengenai isu eksploitasi tenaga buruh asing ini dari aspek pemantauan dan penguatkuasaan ke atas syarikat? Terima kasih.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris yang membangkitkan soalan *spot* yang saya pun jangka soalan ini akan keluar. *Alhamdulillah spot* saya itu betul, mungkin saya akan dapat *A plus* dalam jawapan soalan ini.

Jadi, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah menjalankan beberapa inisiatif bagi menangani larangan import produk negara ke pasaran Amerika Syarikat seperti:

- (i) menjalankan aktiviti pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat yang dikenakan perintah tahan pelepasan untuk menyiasat dakwaan buruh paksa dalam operasi pengeluaran syarikat;
- (ii) menjalankan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengenal pasti kesalahan-kesalahan eksploitasi lain yang boleh membawa kepada elemen pemerdagangan orang.

Sepanjang tempoh 2011 sehingga 2021, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia bersama-sama agensi lain di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) telah menjalankan 99 Operasi Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran. Daripada 99 operasi ini, 51 Kertas Siasatan telah dibuka dan 48

kes telah diselesaikan tanpa membuka Kertas Siasatan kerana ia melibatkan isu gaji dalam bidang-bidang agensi penguatkuasaan.

Yang lain sepertimana Program Pendidikan Perburuhan oleh syarikat-syarikat yang terkesan dengan Perintah Tahan Pelepasan. Saya minta Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Untuk beri sedikit masa sebab ini melibatkan integriti negara. Soalan yang dibangkitkan ini melibatkan *international trade war*, dengan izin.

Jadi kita melihat kepada keadaan ini, pihak Jabatan Tenaga Kerja Manusia di bawah KSM ini mengambil tanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan- *Task Force* bagi enam buah industri iaitu pembuatan, subsektor getah, industri perabot, sektor elektrik dan elektronik, sektor restoran dan pembersihan, perladangan dan pembinaan.

Ini sektor-sektor yang kita tumpu kerana ia ada kaitan dengan 10 elemen perkara-perkara yang ditetapkan oleh ILO supaya kita mematuhi ILO ini. Inisiatif-inisiatif ini juga kita mengambil serius supaya amalan buruh paksa yang didakwa berlaku dalam negara kita ini tidak berlaku.

Kementerian Sumber Manusia bersama dengan beberapa buah agensi lagi membuat penguatkuasaan dan pendekatan sosial bersama-sama dengan pemegang-pemegang taruh bagi memerangi amalan eksploitasi pekerja di negara ini. Sebanyak 11 indikator yang ditetapkan oleh ILO dan memang kita *comply* ataupun kita mematuhi kesemua 11 indikator ini. Cuma ada lagi sedikit perkara yang menyebabkan kita dituduh terlibat dalam buruh paksa kerana mereka yang datang ke sini membawa keluarga dan mungkin anak-anak mereka di bawah umur terlibat membantu ibu bapa dalam sektor perladangan ini. Jadi pertamanya yang ditetapkan oleh ILO ialah:

- (i) sekatan pergerakan yang kita perlu patuhi;
- (ii) penahanan dokumen pengenalan diri;
- (iii) isolasi;
- (iv) penyalahgunaan kerentanan (golongan OKU);
- (v) keadaan tempat tinggal dan tempat kerja yang teruk (Akta 446);
- (vi) kerja lebih masa berlebihan;
- (vii) keganasan fizikal dan seksual;
- (viii) ancaman dan ugutan;
- (ix) penahanan gaji;
- (x) penipuan; dan
- (xi) penghambaan hutang.

Ini 11 perkara yang ditetapkan oleh ILO. Malaysia mesti mematuhi supaya kita boleh menjaga integriti tidak dituduh terlibat dengan pemerdagangan orang dan juga buruh paksa-*force labour* ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang, dipersilakan.

**8. Dato' Haji Husain bin Awang** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, sejauh mana kajian yang dibuat berhubung cadangan pembinaan lebih banyak Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART), dan bandar span- *sponge city*, di kawasan yang berisiko banjir.

**Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Mansor bin Othman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator dengan soalan nombor lapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merancang dan melaksanakan Program-program Rancangan Tebatan Banjir Secara Struktur dan Bukan Struktur dalam mencapai penyelesaian masalah banjir yang holistik dan optimum. Rancangan Tebatan Banjir Secara Struktur meliputi komponen kerja yang luas merangkumi Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART), pembinaan kolam takungan banjir empangan dan lain-lain.

Fungsi SMART ini juga seiring dengan konsep Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang menekankan kawalan kuantiti dan kualiti air larian di punca- *control at source*, dengan izin, dan kawalan kualiti melalui Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak untuk mengurangkan impak banjir dan pencemaran. Amalan terbaik yang disarankan dalam MSMA adalah seperti berikut:

- (i) kolam takungan banjir;
- (ii) *wetland*;
- (iii) *soil*;
- (iv) penyuraian air hujan; dan
- (v) tempat letak kereta telap air.

Manakala bandar span- *sponge city* merangkumi konsep mengekalkan air daripada punca, memperlahankan aliran, merawat air secara semula jadi dan bersedia untuk mengadaptasi kepada persekitaran. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada konsep *sponge city* terdapat dalam garis panduan MSMA. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah bersetuju pemakaian MSMA sebagai syarat-syarat kelulusan pelan pembangunan melibatkan infrastruktur saluran bermula 1 Januari 2001.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selepas terbuktinya kejayaan pengoperasian SMART dalam mengurangkan impak banjir di bandar raya Kuala Lumpur, KASA melalui JPS sedang meneliti beberapa cadangan berkenaan pembinaan Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART) dan kos pembinaan terowong SMART ini adalah sangat tinggi, pembinaannya sangat kompleks dan akan memakan tempoh masa yang lama.

Sehubungan itu, kajian secara terperinci adalah sangat perlu supaya dapat memberi faedah kepada negara dan rakyat bagi mengurangkan impak banjir kilat yang lebih menyeluruh di bandar Kuala Lumpur. Cadangan pembinaan SMART dan bandar span di kawasan yang berisiko banjir perlu diteliti mengikut kesesuaian dan keperluan geografi setempat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, sejauh mana mitigasi meminimumkan risiko bencana banjir mengambil kira proses geologi berantai lembangan sungai? Apakah pendekatan pihak kementerian dalam mengurangkan kejadian tanah runtuh dan kuantiti puing yang mengalir ke hilir pada masa akan datang? Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan, sebenarnya selepas kejadian banjir baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri telah pun mengemukakan cadangan ini dengan langkah jangka pendek dan juga jangka panjang yang agak terperinci di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini. Antara langkah-langkah yang dikemukakan seperti saya sebutkan tadi, langkah sama ada kaedah struktur dan juga bukan struktur.

Namun demikian, tindakan yang segera yang dilakukan ialah dengan meneliti dan menilai aset-aset di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengemas kini dan juga menambah baik aset bagi kerja-kerja mitigasi itu. Satu usaha yang dilakukan untuk jangka panjang ini ialah untuk menambah baik Program Sistem Amaran Awal Banjir supaya ia dapat memberi persediaan yang lebih awal sedikit kepada negara dan juga kepada kawasan-kawasan yang terlibat dan juga penduduk-penduduk yang terjejas. Sistem ini dibangunkan oleh kementerian di bawah JPS dan juga MetMalaysia.

#### ■1120

Untuk soalan Yang Berhormat tadi, macam sekarang ini, MET Malaysia pun sedang menguji satu sistem di Johor berkenaan dengan kawasan bencana alam di Johor itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Senator Tuan Apandi.

**Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Apandi.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, adakah kerajaan menemui satu kaedah lain yang kosnya lebih kecil berbanding dengan Terowong Jalan Raya ataupun SMART ini daripada segi untuk menyelesaikan isu banjir kilat? Apakah kaedah yang setakat ini yang kerajaan sudah ketemui? Sekian, terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Perancangan yang dilakukan oleh pihak kementerian ini, satu yang didapati yang kita panggil



*Integrated River Basin Management* seperti yang berlaku di beberapa buah negara terutama yang terkenal sekarang ini di *Murray-Darling River Basin* di Australia. Itu satu yang kita akan dalam- baru-baru ini kita ada sedikit perbincangan dengan pihak kementerian untuk kita kaji keadaan penyelesaian jangka panjang. Itu satu.

Kedua yang lebih penting lagi Tuan Yang di-Pertua ialah kita ada satu konsep yang kita panggil yang saya sebut tadi *Integrated River Basin Management* (IRBM) dan juga MSMA ini. Ini merupakan konsep yang perlu diikuti dan diamalkan oleh pihak PBT dalam merangka pembangunan di sesuatu kawasan.

Sekiranya langkah-langkah yang disebutkan di bawah MSMA dan juga IRBM ini dipatuhi dengan baik, *compliance* dia cukup bagus, maka kita jangka ia akan dapat selesaikan masalah banjir yang ini. Ini ditambah seperti yang saya sebutkan tadi, ramalan awal ini, penambahbaikan sistem ramalan awal bagi kita tahu dengan lebih tepat kejadian banjir ini supaya kita dapat memberi amaran yang lebih awal kepada penduduk yang terjejas dalam sesuatu kawasan itu. Terima kasih.

**Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kejadian banjir kilat ini biasa berlaku apabila hujan itu lebat dan air tidak boleh mengalirlah masuk ke sungai.

Jadi, soalan saya yang pertamanya, ketika ini peruntukan untuk kolam takungan ini diserahkan kepada pemaju untuk menyerahkan tanah dan juga membuatnya. Jadi soalan saya, adakah dalam kajian diletakkan juga peruntukan mengambil alih tanah untuk tujuan kolam takungan bagi kawasan banjir kilat yang telah dikenal pasti? Kedua, adakah kajian juga memasukkan juga kajian untuk mengkaji kapasiti sungai untuk menerima semua kebenaran merancang yang mana airnya dialirkan ke sungai yang terlibat dalam banjir kilat ini? Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kita ambil perhatian apa-apa Yang Berhormat sebut tadi. Jadi berkaitan dengan satu konsep yang kita sebut AIR iaitu kita cuba menambahbaikkan satu langkah mitigasi aset-aset yang ada ini supaya kita dapat tingkatkan. Sekarang ini air yang ada dalam negara kita ini sehingga ke-100 tahun. Mungkin selepas ini macam yang lain ini akan ditambah lebih kepada 200 tahun untuk kita tangani isu banjir ini. Tuan Yang di-Pertua, sudah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan usaha kementerian dalam meningkatkan kesedaran awam dan mewujudkan kerjasama serta penglibatan antara kementerian dan masyarakat tempatan yang berada di kawasan yang berisiko tinggi seperti banjir. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini merupakan satu cadangan yang baik. Memang ada perancangan kita melalui beberapa langkah yang kita ambil terutamanya di kalangan mahasiswa, pelajar dan juga badan-badan bukan kerajaan. Unsur pendekatan sivik kepada masyarakat adalah cukup penting dalam usaha tangani isu banjir ini seperti langkah-langkah yang diambil di peringkat yang kita wujudkan, rakan sebaya alam sekitar umpamanya. Ini ada langkah yang diambil. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air atas jawapan-jawapan yang telah diberikan. Kita bagi ruang tadi lebih kerana kita tahu bahawa masalah banjir amat terdesak pada masa kini.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian.

**10. Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, adakah program-program dan inisiatif yang telah disediakan bagi membantu usahawan wanita di negeri Sarawak, dan jumlah peruntukan yang disediakan serta telah dibelanjakan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Muslimin bin Yahaya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri. Ada dua soalan yang dikemukakan. Pertama, apa program dan inisiatif untuk membantu sesama wanita di negeri Sarawak khusus dan kedua, berapakah jumlah peruntukan?

Tuan Yang di-Pertua, tentang Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) memang sentiasa komited untuk membangunkan usahawan termasuk usahawan wanita khususnya di negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai bentuk program telah kita sediakan dan banyak. Daripada tujuh daripada sembilan buah agensi kita memang terlibat dalam merangkumi pembiayaan pembangunan kapasiti terutamanya kepada usahawan-usahawan wanita di negeri Sarawak. INSKEN iaitu salah satu daripada agensi di bawah kementerian yang memberikan latihan asas perniagaan, latihan perkembangan perniagaan, bimbingan asas perniagaan, bimbingan perkembangan perniagaan setakat ini, telah melatih 719 orang usahawan wanita negeri Sarawak.

Di bawah TEKUN Nasional, kita menyediakan pembiayaan antara RM1,000 hingga RM100 ribu, dan bagi tahun 2022 hingga 31 Januari Yang Berhormat, seramai 348 orang usahawan wanita di Sarawak telah diberikan pembiayaan dengan nilai pinjaman sebanyak RM3.6 juta. Di bawah SME Bank, kita juga menyediakan pelbagai program pembiayaan yang terbuka khususnya kepada golongan wanita. Setakat 28 Februari 2022, SME Bank yang mempunyai portfolio pembiayaan telah merekodkan kelulusan sebanyak 158 buah syarikat

yang dimiliki oleh usahawan wanita Sarawak dan nilai kelulusan Yang Berhormat, sebanyak RM316.55 juta.

SME Corp. Malaysia juga melaksanakan program usahawan internet wanita, Program Peningkatan Enterpris Bumiputera, program permohonan usahawan, Tunas Usahawan Belia dan setakat ini, seramai 157 orang usahawan wanita telah dilatih dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1.49 juta. Di kementerian juga, di bawah bahagian pembangunan ekosistem usahawan KUSKOP, kita ada Program Pemerksaan Usahawan Wanita. Ini kita khusus kepada sektor makanan dan minuman. Bagi tahun 2021, empat orang usahawan wanita Sarawak telah dilatih dan bantuan geran sebanyak RM3,000 setiap orang telah diberikan.

Di bawah Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah menganjurkan 70 kursus yang melibatkan tidak kurang daripada 3,000 orang peserta dan kita tahu, untuk melaksanakan kursus, ada juga geran kepada koperasi sebanyak RM300 ribu setiap tahun sekali pemberian. Antara bidang yang kita fokuskan merupakan pengurusan koperasi, tadbir urus koperasi, perundangan koperasi, kewangan dan akaun koperasi, teknologi maklumat dan komunikasi.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya bagi tahun 2022, sebanyak RM213.7 juta telah kita laksanakan khusus untuk wanita. Sebanyak enam program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Antaranya Program Pemerksaan Usahawan Wanita (PUWAN) yang saya sebut tadi, Jom Jadi Usahawan Berjaya, Usahawan Wanita - UDA, pembiayaan khas wanita, TEKUNITA, dan program usahawan internet wanita. Itu sahaja enam yang telah diberikan kepada wanita. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, Kelantan telah mengalami banjir luar musim pada bulan Februari yang lalu dan melibatkan kawasan Rantau Panjang terutamanya kawasan bebas cukai yang merupakan kebanyakan peniaga wanita. Jadi saya hendak tanya, apakah bantuan segera yang telah diberikan kepada usahawan- usahawan wanita yang terlibat banjir yang telah memusnahkan barang dagangan mereka? Terima kasih.

**Datuk Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan asasnya berkaitan dengan wanita di Sarawak. Jadi berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator, saya tidak memiliki data yang lengkap berkaitan itu. Apa-apa pun saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Soalan asasnya ialah berkaitan dengan wanita Sarawak. Terima kasih.

■1130

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan lain.

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian:** Soalan tambahan kita balik ke Sarawak. tadi Yang Berhormat ada sebutkan pasal INSKEN TEKUN dan SME. Saya hendak berkenaan koperasi, berapa peruntukan yang disalurkan ke Sarawak. Terima kasih.

**Datuk Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat ada dua peruntukan yang kita berikan kepada koperasi iaitu:

- (i) peruntukan daripada MOF; dan
- (ii) dana daripada SKM sendiri.

Untuk Sarawak setakat ini peruntukan daripada MOF adalah sebanyak RM1.61 juta dan dana daripada SKM sebanyak RM857 ribu melibatkan- setakat ini peruntukan yang diberikan sebanyak RM2.41 juta, dan untuk tahun 2022 sehingga Mac ada tujuh buah koperasi yang kita bantu melibatkan peruntukan sebanyak RM536 ribu, dan ini kelulusan kepelbagaian bantuan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat untuk Sarawak apa yang telah kita bantu adalah

- (i) bantuan pembangunan;
- (ii) Program Transformasi Gerakan Koperasi (TRANSFER);
- (iii) Program Pemerkasaan Rangkaian Bekalan Koperasi;
- (iv) Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat dan;
- (v) Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi.

Jadi keseluruhan sebagai yang dinyatakan tadi untuk tahun 2021, 43 buah koperasi telah kita bantu melibatkan peruntukan sebanyak RM2.4 juta dan untuk 2022, tujuh buah koperasi melibatkan peruntukan RM536 ribu. Jadi satu lagi berkaitan dengan skop bantuan sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat.

- (i) ubah suai naik taraf premis bangunan yang ini sekurang-kurangnya lima tahun sekali manakala baki sewaan pajak tanah sekurang-kurangnya 10 tahun; dan
- (ii) pembelian peralatan mesin, kelengkapan termasuk sistem automasi dan berkomputer juga kita berikan. Pembelian jentera pertanian juga kita benarkan tetapi yang tidak boleh pertimbangkan langsung merupakan pembelian kenderaan bermotor, kelengkapan peralatan perabot pejabat dan kos operasi serta mendapat pusingan menjalankan aktiviti peniagaan. Ini kita tidak boleh pertimbangkan untuk kita beri bantuan.

Itu sahaja. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahaya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas jawapan yang diberikan.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tuan Seruandi bin Saad.

**11. Tuan Seruandi bin Saad** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, sejauh mana keberkesanan dan kejayaan Program Jualan Keluarga Malaysia dan adakah ia akan diperluaskan di seluruh Malaysia pada tahun 2022.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Tuan Seruandi bin Saad yang ingin mengetahui sejauh mana keberkesanan kejayaan program Jualan Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bermula pada Disember 2021 dan kini memasuki bulan keempat pelaksanaannya. Setakat 25 Mac 2022, PJKM telah melaksanakan di semua 222 buah kawasan parlimen yang melibatkan sebanyak 1,274 buah lokasi di seluruh negara.

Keberkesanan serta kejayaan program ini dapat diterjemahkan dengan sambutan yang menggalakkan yang diterima daripada pengguna di mana mencatatkan anggaran pengunjung melebihi 2 juta orang dan anggaran hasil jualan mencecah sehingga RM38.09 juta.

Untuk makluman program ini bermula pada 2 Disember 2021 di Parlimen Lembah Pantai dan yang terakhir pada 20 Mac tiga hari yang lalu di Tanjung Manis Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Seruandi bin Saad:** ...Saya ulang sekali lagi. Adakah jualan Keluarga Malaysia ini akan diteruskan sepanjang bulan Ramadhan nanti. Kedua adakah rancangan kementerian akan mengadakan program Jualan Keluarga Malaysia ini bersama dengan MAFI yang mana bagi kita jika jualan Keluarga Malaysia bersama dengan MAFI ini dapat diadakan, harga bekalan makanan yang berpatutan pada bulan Ramadhan dan menjelang Aidilfitri kelak akan memberi keuntungan kepada rakyat. Sekian terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap program ini menunjukkan betapa cakna Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan sekalian bahawa kita ada cadangan untuk menyambung program ini sehingga Jun tahun ini.

Memang kita sambil ini mengadakan program dan kolaborasi ataupun kerjasama dengan MAFI kemudian dengan agensi-agensi lain malah dengan Ahli Parlimen pun memberi kerjasama bersama dengan rakan strategik kita, *mall*- pasar raya, dan juga pusat-pusat membeli belah. Jadi dalam proses mengadakan program ini kita ada dua jenis:

- (i) premium. Premium ini kita adakan dengan sewa kanopi dan sebagainya; dan
- (ii) dengan mengadakan program *in-house* iaitu kita *attach* dengan *mall*, ataupun pasar raya untuk bersama kita.

Dalam masa yang sama kita bekerjasama dengan MAFI, dengan agensi MAFI macam Perikanan, macam NAFAS dan sebagainya untuk mendapat barang-barang yang lebih murah dan dapat sokongan daripada ahli-ahli politik setempat untuk mengurangkan lagi harga subsidi kepada pengguna ataupun pembeli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada soalan tambahan. Silakan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat Jualan Keluarga Malaysia sudah menjadi satu perkara yang menyeronokkan untuk rakyat semua.

Jadi adakah Kementerian mencadangkan untuk menyediakan ini sebagai bukan bermusim tetapi sepanjang-panjangnya menjadikan satu kelebihan atau keutamaan kepada rakyat untuk mendapat barang makanan dengan harga yang lebih munasabah. Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih atas soalan tersebut dan memang kita mengakui bahawa dengan adanya jualan ini harga barangnya jauh lebih rendah 15 hingga 20 peratus lebih murah berbanding dengan harga biasa.

Jadi kita memang ada cadangan dan hasrat serta nawaitu untuk menyambung dan juga memanjangkan kerana kita tahu rakyat terkesan dengan banjir yang terkesan dengan COVID-19, yang terkesan dengan masalah yang kita alami.

Jadi hal tersebut kita perlu dukungan dan sokongan daripada rakan strategik kita dan daripada juga agensi-agensi lain untuk sama-sama sebagai atas dasar Keluarga Malaysia. Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Seterusnya untuk soalan pertanyaan yang akhir saya menjemput Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

**12. Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, langkah yang diambil bagi mengawal harga baja tanaman kelapa sawit agar tidak mengalami kenaikan harga secara mendadak dan luar biasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca kenaikan mendadak harga baja sejak kebelakangan ini.

Indeks keluaran harga menunjukkan secara puratanya harga import atau bahan mentah baja telah mengalami kenaikan sebanyak 9.1 peratus pada tahun 2021. Bagi bulan pula Januari 2022 pula indeks ini telah meningkat sebanyak 15 peratus. Antara faktor utama yang menyebabkan peningkatan harga baja iaitu:

- (i) perubahan polisi negara pengeluar atau pengeksport baja yang mengutamakan penggunaan domestik dan mengurangkan kuantiti eksport sebagai contohnya negara China yang merupakan pengeluar baja terbesar dunia telah mengenakan sekatan ke atas eksport baja untuk memastikan permintaan domestik mereka tidak terganggu;
- (ii) kenaikan kos bahan mentah dan gangguan logistik. Kenaikan kos bahan mentah dan gangguan logistik yang berpunca daripada Perintah Kawalan Pergerakan semasa pandemik COVID-19 di negara pengeluar baja turut mengakibatkan kenaikan harga. Di samping itu Kanada yang merupakan pengeksport baja kedua terbesar ke Malaysia mula sedang mula berhadapan dengan mogok oleh pekerja kereta api yang merupakan sebahagian besar rangkaian logistik dalam penghantaran baja untuk di eksport; dan
- (iii) konflik antara Rusia dan Ukraine tambahan pula konflik di antara Rusia dan Ukraine yang merupakan antara pengeluar baja terbesar dunia meningkatkan lagi spekulasi dalam pasaran ekonomi serta menjejaskan pengeluaran baja menyebabkan kenaikan harga baja.

Untuk makluman Yang Berhormat juga dasar dan pengawalan industri baja bukan di bawah seliaan kementerian ini.

Namun begitu, KPPK sentiasa bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan lain yang berkaitan dalam menangani isu kenaikan harga baja. Dalam pada itu juga KPPK telah mengadakan perbincangan bersama *Fertilizer Industry Association of Malaysia* (FIAM) bagi mencari penyelesaian dan kaedah untuk mengurangkan kesan kenaikan harga terutama kepada pekebun kecil.

■1140

Antara cadangan yang sedang diterokai adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan kerjasama antara pihak pengeluar baja dengan koperasi-koperasi sektor agri-komuniti. Ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesan kenaikan harga dengan pemberian harga istimewa melalui koperasi milik pekebun kecil;
- (ii) koperasi-koperasi agri-komuniti disyorkan untuk membeli baja daripada ahli-ahli pengeluar baja di negara ini secara pukal dan menjual kepada pekebun kecil dengan harga yang lebih berpatutan;

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu sekarang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenaikan harga baja sekali ganda dan isu sekarang ini, kenaikan harga kelapa sawit ini tinggi kerana *supply* ia berkurangan

kerana cuaca dan sebagainya. Jadi saya bimbang, dan *alhamdulillah*, sekali lagi Allah SWT telah membantu rakyat Malaysia dengan kenaikan harga ini, banyak mereka yang tidak terkesan dengan COVID-19 yakni pekebun-pekebun kecil kelapa sawit.

Adakah strategi kerajaan kerana kita tahu yang menguasai baja-baja ini merupakan syarikat-syarikat konglomerat besar atau multinasional yang besar. Ada tidak kerajaan bercadang bersama-sama Indonesia dan sebagainya untuk kita sepakat supaya diadakan tekanan ataupun sampai tahap boikot kerana kelapa sawit ini setahun tidak makan baja itu boleh *survive* lagi. Jadi, sampai tahap boikot supaya mereka apa jua alasan mencari kaedah supaya harga baja ini tidak meningkat sampai sekali ganda untuk membantu khususnya pekebun-pekebun kecil di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Pandangan Yang Berhormat Senator mengatakan kerjasama dengan negara pengeluar utama iaitu Indonesia, saya setuju. Akan tetapi, untuk tidak membeli baja terutama dalam tempoh-tempoh sedemikian, kalau tumbuhan kelapa sawit ini kita tidak mengikut jadual untuk menabur baja itu, maka ia memberi kesan juga kepada hasil. Hasil itu produktiviti. Produktiviti lah yang akan membolehkan kita cemerlang dalam pendapatan.

Jadi, saya rasa itu tak berapa sesuai. Apa-apa pun saya hendak katakan walaupun baja ini bukan di bawah kawalan kementerian tetapi kementerian sentiasa mengambil berat dan berbincang dengan kementerian-kementerian yang berkaitan termasuk yang saya sudah katakan melalui koperasi-koperasi supaya membeli secara pukal untuk mendapatkan baja ini sebab pekebun kecil inilah yang kita utamakan.

Oleh sebab kita tahu bahawa sumbangan kelapa sawit kepada pendapatan negara amat penting dan satu semangat yang amat besar termasuk antara 500 orang pekebun kecil ini memberi sumbangan yang amat besar kepada pendapatan negara. Oleh sebab itulah kerajaan sentiasa memberi perhatian.

Saya rasa setakat ini mungkin kementerian tidak mempunyai cadangan dalam bantuan baja ini walaupun kita tahu selama ini dalam perbincangan bukan sahaja kelapa sawit tetapi ia akan melibatkan kepada tanah pertanian seperti sayur-sayuran dan juga buah-buahan. Kita tahu setakat ini hanya MAFI sahaja memberi subsidi terutama kepada padi sahaja. Jadi kami di pihak kerajaan sedar dan kami akan cuba untuk berbincang balik antara kementerian-kementerian, dan *insya-Allah* kita akan buat apa yang patut. Sekian, terima kasih.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, satu lagi.

**Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di Malaysia ada dua buah loji yang memproses baja iaitu *carbonite* ataupun urea di Bintulu dan di Kedah. Jadi adakah kementerian baik sama ada Kementerian Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri pernah berbincang dengan pihak



Petronas yang mengeluarkan baja urea ini untuk memberikan harga yang di luar daripada harga pasaran khusus untuk membantu pekebun-pekebun kecil di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Memang pernah bincang dalam kementerian. Jadi saya ambil maklum dan kami akan teruskan usaha. Yang penting itulah saya katakan, bagaimana untuk bantu terutama kepada pekebun kecil kita supaya mereka dapat produktiviti yang tinggi, boleh bersama untuk pendapatan hasil untuk bantu kepada pekebun kecil. Jadi kami akan ambil maklum dan akan ambil serius terhadap apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi atas jawapan-jawapan yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi Pertanyaan-pertanyaan Lisan hari ini kita tamatkan. Silakan Setiausaha.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2021) 2022**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.45 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Salam Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2021, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan Tambahan Perbelanjaan Mengurus Pertama 2021 ini dibentangkan menurut Perkara 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Bajet 2021 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan 2021 yang dibentangkan adalah berjumlah RM8413.5 juta untuk membiayai perbelanjaan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Tambahan Perbelanjaan Bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah berjumlah RM8413.5 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut;

Sebanyak RM2235.7 juta adalah untuk pindahan dan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada wang Kumpulan Wang Terkanun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta 61 dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2021 yang berjumlah RM4256.7 juta. Bakinya dibiayai melalui pinjaman dan sebanyak RM6177.8 juta merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian atau jabatan yang telah diberikan kebenaran untuk berbelanja melebihi daripada peruntukan yang membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2021.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kewangan sebanyak RM7806.1 juta;
- (ii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebanyak RM539.6 juta, dan;
- (iii) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM67.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2021 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2022 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Sekarang diminta untuk diteruskan perbahasan. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

**11.49 pg.**

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian.

Adalah di hadapan kita satu jumlah yang perlu kita luluskan demi penggunaan demi masalah negara. Sebelum itu saya merujuk kepada Firman Allah SWT... [*Membaca Firman Allah SWT*].

#### ■1150

Kita merancang tetapi Allah juga merancang. Sesungguhnya perancangan Allah lebih muktamad dan lebih kekal. Sememangnya, kita tidak boleh menafikan bahawa kita tidak boleh meramalkan masa depan secara tepat Tuan Yang di-Pertua. Bahkan, kalau kita lihat kepada permohonan kelulusan tambahan ini berlaku dalam tempoh tiga minggu pada tahun lepas kerana persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat berlaku Disember. Kita selesai mesyuarat Dewan Negara kita bagi kali yang terakhir hampir-hampir ke tahun 2022.

Secara umumnya, kita melihat bila mana kerajaan memohon kelulusan ini kerana kerajaan tidak menjangka dan menduga perkara-perkara seperti itu berlaku. Umpamanya, Pilihanraya Kecil Negeri Sarawak. Yakni yang akan menentukan tarikh pilihan raya kecil itu bukan Kerajaan Persekutuan tetapi yang menentukan iaitu kerajaan negeri. Sudah tentu kerajaan negeri akan memilih waktu yang paling sesuai untuk menentukan tarikh diadakan Pilihanraya Kecil Negeri Sarawak, dan sudah tentu kerajaan negeri mengambil kesempatan daripada kelulusan, dengan izin, MA63 itu untuk membolehkan mereka mencapai kemenangan besar di dalam PRN baru-baru ini.

Jadi, *insya-Allah* yang itu sebagai menjalankan amanah dan tanggungjawab, kerajaan telah mengeluarkan peruntukan tambahan supaya Pilihanraya Kecil Negeri Sarawak itu berjalan dengan baik dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau secara umumnya, kita lihat umpamanya perbelanjaan mengurus, kerajaan telah pun bajet masa pembentangan bajet telah menetapkan satu angka RM236 bilion. Akan tetapi dalam waktu tiga minggu tersebut, kerajaan terpaksa mengeluarkan lebih kurang RM9.5 bilion.

Bila kita melihat kepada penggunaan-penggunaannya, kita melihat keprihatinan dan saya mengajak diri saya, semua Yang Berhormat Senator dan seluruh rakyat Malaysia mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan Keluarga Malaysia ini walaupun sudah beberapa siri memberi bantuan kepada rakyat tetapi dalam tempoh tiga minggu tersebut, masih lagi berani untuk membelanjakan satu angka yang besar demi menyelesaikan kemelut COVID-19 dan sebagainya.

Antaranya, umpamanya satu perbelanjaan yang besar, hampir-hampir RM1 bilion, hampir-hampir RM900 juta dikhususkan untuk bayaran biasiswa. Ini untuk kelangsungan anak-anak kita dan juga para penyelidik untuk meneruskan pengajian mereka sehingga ada yang ke peringkat PhD dan sebagainya. Ini adalah untuk demi strategik negara pada masa akan datang.

Di samping itu juga, kita tengok antara lainnya, kerajaan terpaksa membelanjakan satu kos yang besar demi penstabilan harga minyak masak. Oleh sebab itu, kita minta pihak-pihak

daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya dengan angka yang besar kerajaan keluarkan, dalam tempoh tiga minggu tersebut demi penstabilan harga minyak masak supaya tidak memberi jangkitan kepada kos-kos yang lainnya supaya memantau secara jujur, supaya barangan produk-produk ini tidak terlepas tangan ke negara-negara sebelah, negara-negara berjiran kerana mereka tahu bahawa kos minyak masak di Malaysia lebih murah daripada negara mereka sendiri.

Sekiranya ini tidak dipantau, maka satu kos yang telah dikeluarkan kerajaan, yang sangat besar tidak menemui sasaran 100 peratus kepada negara kita. Oleh sebab itulah, dengan hasrat Tuan Yang di-Pertua sendiri supaya SPR ini lebih nampak berketerampilan supaya benar-benar memainkan peranan bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya rakyat tidak melihat ada kebocoran ini.

Supaya memulihkan keyakinan rakyat kepada kerajaan dan juga pentadbiran eksekutif itu sendiri kerana pembayar-pembayar cukai kita, agar mereka berpuas hati dengan jumlah yang mereka buat dan kerajaan benar-benar mengoptimumkan bajet tambahan yang diperlukan demi *masalah* ekonomi dan kelangsungan hidup rakyat seluruh negara.

Oleh sebab itulah, ini kita tidak dapat tidak kerana dia punya kesan dia, dia punya, dengan izin, *spiral effect* dia kalau minyak masak ini naik, maka sudah barang tentu kos-kos lain juga akan turut naik dan ia memberi kesan dan pengguna secara umumnya negara kita akan terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk meneruskan kelangsungan hidup masing-masing.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, satu kos yang besar juga yang digunakan oleh kerajaan untuk penstabilan bahan tenaga yakni minyak kerana harga minyak kita RON95 antara yang terendah. RON97 sekarang ini memang mahal lah, sekitar RM3.80 lebih satu liter. Sudah hampir RM4 oleh sebab harga minyak telah meningkat secara mendadak dan juga kesan daripada serangan Rusia ke atas Ukraine kerana Rusia merupakan antara negara pengeluar terbesar dan kebanyakan saluran gas dan juga minyaknya adalah melalui Ukraine daripada Rusia.

Jadi, ia memberi impak kepada harga minyak dan penawaran minyak sedunia menyebabkan harga minyak naik dan kita *alhamdulillah* minyak kita premiumnya tinggi kita eksport dan kita import minyak-minyak yang kualitinya rendah tetapi masih sesuai untuk kegunaan kita. Jadi, kerajaan telah terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk penstabilan harga minyak tersebut ini kerana kita tahu segala aktiviti perniagaan dalam negara kita memerlukan pengangkutan. Bukan barang itu datang dengan ajaib seperti lampu Aladdin. Tidak, dia memerlukan rangkaian-rangkaian pengangkutan dan sudah tentu rangkaian-rangkaian pengangkutan ini memerlukan penggunaan tenaga, yakni minyak.

Jadi, sebab itu kerajaan telah membelanjakan supaya mengawal harga ini untuk *masalah* rakyat terbanyak supaya jangkittannya tidak menyebabkan harga-harga yang lainnya turut naik ataupun menjadi alasan kepada pemberi-pemberi khidmat di sektor-sektor

lain untuk mengenakan harga yang tinggi. Terima kasih pada kerajaan dan *insya-Allah* saya rasa adalah sangat layak kepada kita dalam Dewan dan juga rakyat terbanyak di Malaysia untuk mengucapkan terima kasih pada kerajaan Keluarga Malaysia ini.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat bahawa banyak peruntukan yang dikenakan, ditimbulkan RM10. Jadi, kadang-kadang orang tidak faham. RM10 ini untuk memulakan kepala-kepala baru dalam perbelanjaan. Jadi, walaupun RM10 tetapi *insya-Allah* mungkin pada tahun ini dia akan boleh telah dibuka kepala-kepala baru itu membuat perbelanjaan-perbelanjaan bila mana ia diperlukan oleh kehendak dan tuntutan semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kepalanya itu Yang Berhormat.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Banyak Tuan Yang di-Pertua. Yang sebelum-sebelum ini banyak. Di antaranya, umpamanya Kementerian Pertanian, kajian dan juga untuk projek-projek kecil yang pada waktu ini mungkin kerajaan tidak boleh menjangkakan lagi apa projek-projek tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepala Perbelanjaan.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Kepala Perbelanjaan... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab sebut tadi dua kali kepala-kepala itu.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad:** Kepala Perbelanjaan baru, itu kena ada. Jadi, cuma satu lagi Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya dari Kelantan, jadi saya lihat di sini ada dua projek bekalan air untuk negeri Pahang dan juga negeri Kedah. Jadi jumlahnya agak besar, bajet asalnya agak besar Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang dalam RM767 juta untuk Pahang, Rancangan Bekalan Air Pahang dan juga lebih kurang RM600 hingga RM700 juta untuk negeri Kedah.

Jadi, pada satu ketika dulu memanglah Kerajaan Persekutuan ada memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada ketika itu, RM600 juta. Semasa itu saya masih lagi Ahli Parlimen Jeli dan saya terlibat untuk melihat *cheque* tersebutlah di pejabat Menteri Kewangan pada ketika itu.

Akan tetapi, pemberian tersebut adalah dalam bentuk pinjaman. Walhal, negeri-negeri lain pada ketika itu Tuan Yang di-Pertua dalam bentuk geran. Bila geran ini tidak perlu dibayar. *Alhamdulillah*. Akhir-akhir ini, satu persetujuan telah dicapai dalam dua tahun ke-tiga tahun ini antara kerajaan Putrajaya dan Kerajaan Negeri Kelantan di mana untuk memindahkan aset-aset air Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan juga pada masa yg sama pinjaman ini telah ditukar kepada geran.

## ■1200

Jadi, untuk itu saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan Keluarga Malaysia dan kerajaan Putrajaya kerana telah mengurangkan beban kewangan kepada kerajaan negeri kerana kita ingat projek-projek air ini di seluruh Malaysia kita tidak ada yang boleh berdikari lagi. Masing-masing dimulakan oleh geran-geran Kerajaan Persekutuan dahulu walaupun negeri Selangor, walaupun negeri Pahang. Dia bermula dari situ. Akan tetapi memandangkan

negeri-negeri lain Pahang, Selangor, mereka banyak industri dan juga kapal-kapal. Sudah tentu harga air dijual kepada sektor industri dan sektor kapal ini tinggi, jadi membolehkan operator-operator air negeri-negeri tersebut mendapat keuntungan.

Akan tetapi di Kelantan, bahkan di Perlis industrinya tidak begitu banyak untuk memberi pulangan yang baik kepada pengendali-pengendali atau operator-operator air ini. Jadi, sudah barang tentulah satu keputusan yang bijak yang dicapai secara bersama antara Kerajaan Negeri Kelantan dan kerajaan Putrajaya supaya ia tidak membebankan kerajaan negeri.

Kalaulah sektor air ini diberi geran maka banyak penjimatan boleh dilakukan oleh Air Kelantan Sdn. Berhad, dan dengan sendirinya lebih itu dapat digunakan oleh kerajaan Kelantan untuk projek-projek dan pembangunan yang selainnya. Di samping itu juga, kalau dahulu Tuan Yang di-Pertua, projek pembedungan Kelantan dahulu dikendalikan oleh anak syarikat di bawah Perbadanan Menteri Besar Kelantan yang dinamakan MAJAARI.

Akan tetapi satu pencapaian, satu persetujuan telah dicapai antara kerajaan Putrajaya dan kerajaan Kelantan di mana Indah Water Konsortium (IWK) akan mengambil alih semua operasi pembedungan dan dengan sendirinya piawai pembedungan di Kelantan akan selaras dengan piawai di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan ke arah itu. Saya sedia maklum, satu peruntukan telah pun diadakan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi ada isu-isu yang melibatkan isu tanah, yang mana masih lagi di bawah penguasaan kerajaan negeri dan juga masih ada lagi tanah-tanah hak milik persendirian yang terlibat.

Justeru itu ada penyesuaian dan penyelarasan kos yang terlibat supaya binaan-binaan pembedungan ini dapat diambil alih oleh Indah Water Konsortium ini dengan baik dan tidak akan terlibat dengan isu undang-undang dan saman menyaman di mahkamah mana-mana. Jadi, sebab itulah saya *insya-Allah* berjanji akan memainkan peranan yang penting untuk mempercepatkan segala proses pentadbiran dan proses-proses isu penukaran status dan juga isu-isu yang sekiranya berkait dengan perlunya lagi pengambilan balik tanah.

*Insya-Allah* saya berjanji saya boleh memberikan sumbangan khidmat saya untuk mempercepatkan segala proses tersebut bahkan kerajaan negeri sendiri pun sangat mengalu-alukan ia diselesaikan secara segera supaya berlaku satu keseragaman, perundangan, peraturan, tata kelola bagi seluruh operator pembedungan di seluruh negara kerana apabila IWK secara monopoli, dan ia milik syarikat di bawah Kementerian Kewangan. *Insya-Allah*, kerana pengendalian sistem pembedungan ini sangat sukar untuk mendapat keuntungan, terpaksa menerima banyak lagi subsidi kerajaan sehingga ia benar-benar matang dan rakyat benar-benar berkemampuan untuk membayar segala *charge* yang dikenakan oleh Indah Water Konsortium tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok di sini banyak, kalau kita tengok di bawah pembangunan. Kalau tengok misal kata antara kos yang paling besar dalam pembangunan

tersebut adalah untuk Kementerian Kesihatan. Maknanya jumlah yang terlibat adalah sekitar RM3 bilion, RM3.879 bilion. Perbelanjaan ini terpaksa dilakukan kerana nampaknya COVID-19 ini masih lagi degil dan dengan munculnya *Omicron* ini, walaupun Orang Putih kata dengan izin, "*mild*" akan tetapi bilangan kematiannya nampak semakin ramai kerana ramai sistem pertahanan antibodi, dengan izin, badan-badan manusia terutama mereka yang berusia 60 ke atas, antibodi mereka tidak kuat.

Oleh sebab itu lemah, walaupun *Omicron* ini penangannya agak sederhana tetapi kerana sistem pertahanan tubuh orang yang berusia ini tidak kuat menyebabkan ramai berlaku kematian, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu kerajaan telah membelanjakan untuk tujuan ini kerana COVID-19 ini masih berterusan, terpaksa membelanjakan RM3.879 bilion.

Di samping itu juga kita lihat kerajaan telah membelanjakan sekitar lebih kurang RM812 juta di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Kepala P.43 kerana banyak dalam waktu COVID-19 ini mereka yang sewa beli atau sewa rumah-rumah kerajaan, binaan-binaan kerajaan yang tidak mampu, disebabkan pendapatan mereka tergugat atau ada yang putus terus tetapi kerajaan baik hati, telah membelanjakan satu angka tertentu sehinggalah mereka ini pulih, mereka ini kembali dapat berniaga dengan baik.

Jadi *insya-Allah*, apabila kita sampai ke tempoh endemik nanti, *insya-Allah* kita akan melihat bahawa lebih banyak kegiatan-kegiatan ekonomi yang berlaku dan *insya-Allah* apabila itu berlaku maka perbelanjaan tambahan atau subsidi ini dapat dikurangkan secara mendadak. Jadi, ini *insya-Allah* menunjukkan bahawa siri-siri bantuan dan subsidi yang diberikan oleh kerajaan ini adalah untuk memastikan bahawa aktiviti ekonomi kita tidak tersekat, dan mereka yang benar-benar memerlukan diberikan tujuan, telah diberi bantuan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka dalam suasana yang kita tidak pernah merasai.

Saya sudah berusia 62 tahun, inilah kali pertama kita merasai situasi seperti ini. Ini bukanlah benda yang untuk kita mengalah tetapi *insya-Allah* dengan strategi-strategi yang betul, dia boleh membuat kita menjadi kuat.

Tuan Yang di-Pertua, pada musim begini, bukan semua orang kalah. Walaupun ada yang kalah, akan tetapi ramai yang menang. Sektor-sektor perniagaan yang berasas dengan *online*, ramai yang menang. Sama ada di restoran, penjual produk-produk kecantikan, penjual produk-produk *pharmaceutical* yang bersifat tradisional, bersifat moden, banyak yang mendapat keuntungan yang luar biasa dengan tidak ada premis-premis. Dia menggunakan sistem *online* dan oleh sebab itulah, pada waktu inilah, kerana ada peruntukan ini, di bawah kerajaan- token RM10 membukakan Kepala- Kepala apa Tuan Yang di-Pertua?... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepala Perbelanjaan?

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Kepala Perbelanjaan yang baharu ini saya sangat-sangat mengharapkan kerajaan beri fokus kerana dunia sudah berubah, *trend* perniagaan, *pattern* perniagaan telah berubah. Maka sudah tentu kerajaan mesti fokus kepada

format perniagaan masa hadapan dan buat sementara waktu ini menggunakan, dengan izin, sistem *online*.

Sistem *online* sangat mudah kerana sudah semua perkara yang dahulu terpaksa berada dalam *laptop*, dengan izin, berada dalam satu buah komputer yang besar, sudah boleh berada di *handphone*, telefon tangan masing-masing. Inilah benda yang Allah SWT memberi peluang kepada kita untuk memikirkan sesuatu benda yang dahulu kita tidak pernah fikir. Maknanya, inilah perkara yang akan berlaku pada masa hadapan. Sudah tentu kita ramai pakar dalam negara kita dan kita berilah peluang pakar-pakar dan saya mohonlah kepada kerajaan supaya meneliti balik rakyat-rakyat Malaysia yang hebat-hebat di luar negara, yang terlibat, dengan izin, ICT ini, dengan IT atau *information technology* ini supaya kembali dan memberi mereka tempat-tempat yang sesuai supaya sektor ini berkembang dengan baik.

Oleh sebab inilah sektor yang akan merencanakan dan melompatkan kita untuk menjadi negara yang berpendapatan tinggi kerana kalau kita masih lagi dengan sistem manual, sistem runcit rencah sekarang ini saya fikir kita tidak boleh pergi kepada status negara berpendapatan tinggi.

#### ■1210

Dengan sendirinya pendapatan negara daripada punca-punca pendapatan peribadi dan pendapatan syarikat tidak banyak yang kerajaan boleh kutip. Ini kerana keuntungan syarikat-syarikat yang masih lagi menggunakan fahaman tradisional ini ia tidak dapat mendapat keuntungan yang banyak tetapi mereka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah 15 minit.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Macam mana, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah 15 minit.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Okey, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh simpul.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Simpul ya, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita ucap terima kasih kepada kerajaan yang telah menyediakan peruntukan lebih kurang RM842 juta untuk biasiswa dan pinjaman. Inilah pelaburan masa depan, kalau rakyat kita habis pandai, ramai yang bijak *insya-Allah*, inilah mereka yang hendak menyelamatkan negara kita dalam sistem persaingan.

Oleh sebab kita sudah sampai *period*-nya, peringkatnya bahawa kita terpaksa bersaing, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bersaing sebenarnya melahirkan kebijakan kepada diri kita. Kalau kita tidak bersaing, maka kita sentiasa lesu dan mengharapkan sesuatu. Saya ingat ini bukan generasi yang kita hendak bentuk. Kita hendak bentuk generasi-generasi yang bersaing bukan di peringkat lokal tetapi juga di peringkat global, Tuan Yang di-Pertua.

Kita hendak nama orang-orang Malaysia itu hebat, gah di persada dunia, bukan hanya jaguh kampung dalam bab-bab dan sektor-sektor tertentu. Kita hendak jaguh dunia dan *insya-Allah* ini boleh berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin ini sudah berlaku, di antaranya ada



anak Melayu kita yang melibatkan dalam sektor *drone* yakni Aerodyne. Anak muda dari Kelantan dan dia telah melebar luaskan sektor dia ke seluruh dunia sekarang ini, Aerodyne-aerodinamik.

Kerajaan melalui apa jua kementerian sepatutnya memberi sokongan kerana sekiranya dia boleh melebar luaskan ke seluruh dunia, maka dengan sendiri dia akan promosi negara kita, Malaysia. Oleh sebab hendak jadi masyhur itu macam-macam cara, Tuan Yang di-Pertua. Misalannya, Didier Drogba pemain hebat dari Chelsea mewakili Ivory Coast. Oleh sebab dia sahaja, Ivory Coast orang kenali di seluruh dunia, kerana Yaya Toure' sahaja ramai orang kenal. Jadi banyak negara-negara Afrika ini tersohor kerana pemain-pemain bola sepak mereka sahaja. Jadi kita hendak negara kita juga seperti itu.

Kalau boleh sekarang macam badminton dan sebagainya, kita asuh dan beri peruntukan yang munasabah supaya kita melahirkan tokoh-tokoh sukan yang hebat dalam sektor-sektor yang memang kita boleh menang, sektor-sektor yang tidak membabitkan fizikal yang kuat seperti bulu tangkis, skuasy, boling dan sebagainya. Kita kena jaga *consistency* kita supaya kita boleh mempamerkan menjadi juara dunia dan dengan juara dunia inilah- bukan setakat kita mempromosikan Lewis Hamilton melalui PETRONAS di mana sentiasa menjadi jaguh dan melalui itu seluruh negara mengenal Malaysia.

Jadi itulah saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi saya sedikit masa. Saya berharap kerajaan benar-benar menggunakan peruntukan tambahan ini supaya rakyat melihat kebocoran itu kita perkecilkan sekecil-kecilnya supaya manfaat itu dapat dimanfaatkan oleh seramai yang mungkin.

Oleh sebab itulah- satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ingat bahawa seluruh kita dalam Dewan ini lebih kurang 70 orang dan di dalam Dewan Rakyat pula lebih kurang 222 orang. Kita sudah berfikir, berbincang dan berbahas dengan Menteri tetapi akhirnya kita kena akui kelemahan kita sebagai manusia yang mana akhirnya dalam tempoh tiga minggu tersebut Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa mengeluarkan bajet tambahan RM9 bilion lebih untuk mengurus. Inilah kelemahan kita dan kita akui bahawa ada satu lagi kuasa di atas sana yang kita mengharapkan pertolongannya untuk kita melalui tempoh-tempoh, *period* yang seringnya tempoh *period* yang kita tidak pernah menduganya dengan baik dan jayanya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaiikumusalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apendi bin Mohamad.

Diteruskan Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili.

#### **12.14 tgh.**

**Dato Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama ikut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (2021-2022).

Jadi ada beberapa perkara yang telah disenaraikan dalam peruntukan ini, antaranya untuk Suruhanjaya Pilihan raya yang membabitkan satu peruntukan tambahan sebanyak RM67,721,300 iaitu untuk melaksanakan Pilihan raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Dewan Undangan Negeri Sarawak memanglah sepatutnya dibubarkan pada 7 Jun 2021. Bagaimanapun, oleh sebab negara kita berada di bawah Ordinan Darurat, maka kita tidak boleh mengadakan pilihan raya pada waktu tersebut. Jadi terpaksa Pilihanraya Negeri Sarawak tertangguh. Ini satu perkara yg tidak boleh kita nafikan, mesti kita mengadakan pilihan raya umum kerana tempoh Dewan Undangan Negeri Sarawak sudah cukup untuk tamat dan kita juga harus menghormati proses demokrasi bagi memberi peluang kepada pengundi-pengundi yang terdiri daripada rakyat negeri Sarawak untuk memilih sebuah kerajaan yang baru bagi memerintah negeri Sarawak untuk tempoh lima tahun akan datang.

*Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, pada 21 Julai 2021, Ordinan Darurat telah ditarik balik. Ini bermakna bahawa Dewan Undangan Negeri Sarawak boleh diadakan pilihan rayanya pada 18 September 2021. Akan tetapi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengisytiharkan satu lagi proklamasi darurat khas untuk negeri Sarawak. Jadi dengan demikian, maka pilihan raya negeri Sarawak tertangguh lagi.

Akhirnya, pada 3 November 2021, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menarik balik Proklamasi Darurat untuk negeri Sarawak, maka dapatlah Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan dan diadakan pilihan raya pada bulan Disember 2021. Inilah sebabnya kita mengadakan pilihan raya pada tahun 2021 yang tertangguh tetapi ia adalah satu yang perlu diadakan kerana mandat yang diberikan oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum Ke-11 dahulu pada 2016 telah pun tamat dan satu mandat perlu dibuat. Ini satu keperluan di bawah konsep demokrasi berparlimen.

*Alhamdulillah* pilihan raya ini berjalan dengan baik. Daripada segi peratusan pengundi-pengundi yang turun, ada 60.67 peratus iaitu 759,627 orang pengundi turun mengundi daripada 1.252 juta orang pengundi berdaftar di negeri Sarawak. *Alhamdulillah* prosesnya berjalan dengan baik dengan lebih 60 peratus pengundi datang mengundi. Juga pada waktu negeri Sarawak mengadakan Pilihanraya Negeri Sarawak telah mencapai tahap vaksinasi yang agak tinggi. Satu kelebihan mengapa kita mengadakan pilihan raya ialah kita mempunyai tahap vaksinasi yang tinggi iaitu kira-kira 620,180 orang telah pun mendapat dos penggalak daripada 1.8 juta yang telah mendapat dua dos vaksin COVID-19.

Ini satu keadaan yang baik untuk mengadakan pilihan raya, lagipun pada waktu itu keadaan bilangan kes COVID-19 di negeri Sarawak agak rendah. Jadi kita ini susah untuk menjangka, kalau kita katakan misalnya kita hendak tunggu hingga tahun 2022, adakah keadaannya bertambah baik. Nampaknya kalau begini keadaannya dengan tibanya kes *Omicron* dan sebagainya, telah menyebabkan kes menjadi naik ke puluhan ribu. Jadi

keadaannya kalau daripada segi bilangan kes, adalah tidak sebaik seperti tahun lepas di negeri Sarawak tetapi penggunaan katil, bilangan kes kategori tiga, empat dan lima tidaklah begitu tinggi.

#### ■1220

Jadi inilah kesempatan yang diambil oleh negeri Sarawak untuk menjalankan pilihan raya pada 18 Disember 2021 dengan SOP yang begitu ketat sekali. Bagi kawasan-kawasan di dalam bandar, tidak ada kempen bersemuka. Hanya di kawasan-kawasan luar bandar yang mana pencapaian internetnya tidak begitu tinggi, barulah dibenarkan untuk kempen bersemuka dengan keadaan yang begitu ketat prosedurnya. Akhirnya, selepas pilihan raya, tidak adalah nampaknya ada penyebaran kluster pilihan raya di negeri Sarawak. *Alhamdulillah*, Suruhanjaya Pilihan Raya- *Election Commission* telah menjalankan tugas mereka dengan begitu baik. Itulah mungkin sebabnya perbelanjaannya meningkat dengan prosedur-prosedur yang begitu ketat.

Begitu juga, pengundi-pengundi telah memberi sambutan yang baik, turun mengundi hingga boleh mencapai tahap kepada 60.67 peratus. Jadi saya rasa, tambahan ini sebanyak RM67,721,300 adalah suatu yang memang memadai untuk dibelanjakan bagi menjayakan Pilihanraya Umum Negeri Sarawak yang Kedua Belas pada tahun 2021 iaitu bulan Disember 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat dalam rang undang-undang ini dan saya menyokongnya ialah RM3 bilion untuk menampung Bantuan Wang Ihsan dan kerja-kerja operasi kepada mangsa-mangsa Monsun Timur Laut. Ini satu peruntukan yang perlu kerajaan adakan kerana ini satu perkara yang kita tidak duga seperti kata kita baru meluluskan, bahkan di dalam Dewan ini belum diluluskan lagi Bajet 2022. Akan tetapi banjir telah berlaku dan kita memerlukan satu peruntukan tambahan. Saya rasa ini satu perkara yang munasabah untuk kita meluluskan perbelanjaan tambahan ini.

Akan tetapi saya hendak minta kementerian menjelaskan, mengapakah sebanyak RM198 juta diperlukan untuk menampung bayaran kritikal untuk aktiviti pentafsiran yang dijalankan oleh Lembaga Peperiksaan? Ini saya rasa perlu diperjelaskan kerana mengapakah kita perlu peruntukan tambahan seperti ini.

Lain-lain lagi ialah berkenaan dengan permohonan ini dan untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ini adalah untuk menampung subsidi program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Perbelanjaan ini juga perlu kita beri sokongan sepenuhnya kerana kita tahu bahawa harga minyak masak di pasaran telah meningkat dan juga kita perlu satu skim di mana rakyat perlu dibantu untuk kita menjual minyak masak di dalam peket-paket yang kecil dan kerajaan perlu menampung subsidiya.

Akan tetapi yang penting ialah kita harus melihat bahawa sejauh mana kementerian-kementerian dapat memantau keberkesanan skim ini supaya tidak berlaku kebocoran dan tidak ada orang-orang yang mengambil kesempatan. Ini adalah untuk mereka dalam golongan

yang berpendapatan rendah khususnya B40 dan sebagainya, mereka membeli dalam kuantiti yang kecil, satu kilo dan sebagainya. Tidak ada pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan untuk membeli juga minyak-minyak masak seperti ini tetapi tujuannya untuk perniagaan. Kalau untuk subsidi, untuk keperluan sendiri, untuk kehidupan harian, itu memang kita menyokong. Kita berharap, kementerian betul-betul melihat bahawa subsidi ini mencapai sasarannya dan juga tidak disalahgunakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili.

Beralih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff, sila.

**12.25 tgh.**

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Izinkan saya membaca firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa, ayat 58 yang bermaksud, *“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat”.*

Dalam kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menjelaskan bahawa amanah itu ialah sesuatu yang wajib dipelihara dengan sebaik-baiknya dan diserahkan kepada tuannya. Orang yang tidak menjaga amanah dan tidak menyampaikannya menjadikan dia orang yang khianat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak RM8,413,567,300 untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada rang undang-undang ini, ada sebanyak RM67,721,300 untuk Suruhanjaya Pilihan Raya. Apa yang menjadi pertanyaan kepada saya, kita faham apa yang berlaku di Sarawak, pilihan raya terpaksa dilakukan kerana sudah sampai masanya. Bagi negeri-negeri yang belum sampai tempohnya, dalam suasana pandemik ini sepatutnya pilihan raya tidak berlaku sehinggalah sampai masanya. Jadi inilah yang menyebabkan adanya tambahan dalam perbelanjaan negara. Jadi sepatutnya kerajaan tidak perlu mengeluarkan belanja-belanja yang tidak sepatutnya dikeluarkan.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan berhasrat untuk melaksanakan undian secara elektronik- *e-voting* memandangkan negara kita masih lagi

berada dalam suasana pandemik walaupun kita akan menuju ke arah endemik tidak lama lagi tetapi kes masih lagi terlalu banyak dan kemasukan hospital pun masih lagi tinggi?

Jadi, adakah kerajaan sudah menjalankan kajian-kajian untuk melaksanakan pengundian secara elektronik pada masa hadapan? Terutamanya kita boleh mengambil contoh-contoh luar negara yang telah mengadakan undian elektronik seperti di Australia, Estonia, Mexico, Peru dan juga Filipina. Jadi mungkin kerajaan boleh mengambil langkah ini, langkah-langkah untuk kajian supaya kita dapat mengurangkan risiko-risiko penyakit berjangkit ini dari terus merebak dengan adanya pilihan raya umum.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat kepada perbelanjaan perbendaharaan peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun juga telah ditambah. Bila kita melihat kepada suasana yang berlaku pada hari ini, di mana harga barangan sudah makin meningkat, jadi peruntukan tambahan yang diberikan oleh kementerian-kementerian ini hendaklah diguna pakai dengan secara telus. Saya juga ingin berterima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah melakukan pelbagai kaedah untuk menstabilkan harga barangan dan juga berterima kasih kepada kerajaan yang telah mengadakan Program Jualan Keluarga Malaysia.

#### ■1230

Sebagai rakyat di kawasan pedalaman, di kawasan luar bandar mengharapkan program ini diteruskan bukan sahaja setakat bulan Jun yang telah diumumkan tetapi diteruskan sepanjang tahun supaya rakyat terbanyak terutamanya golongan B40 dapat manfaat daripada program ini.

Saya juga bagi pihak rakyat amat berharap dengan penambahan peruntukan daripada kementerian ini juga dapat menstabilkan harga-harga barangan terutamanya di musim-musim perayaan terutamanya khusus di bulan Ramadhan ini pada barangan utama terutamanya minyak masak, ayam dan juga telur pada bulan Ramadhan dan juga di musim perayaan yang kita akan sambut untuk Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji dan seterusnya lah. Jadi supaya harga-harga ini dapat distabilkan, tiada peningkatan pada harga barangan keperluan wajib yang diperlukan oleh rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan portal BERNAMA pada 24 Mac 2022 Bank Dunia mengesyorkan kerajaan untuk meningkatkan penggubalan dasar berasaskan bukti pembangunan PKS dengan meningkatkan pemantauan dan penilaian program kerajaan serta menyelaraskan antara agensi, menyusun semula program PKS untuk menyokong keperluan pendigitalan dan peningkatan kemahiran selain mengimbangi semula campuran dasar ke arah peringkat ideal dengan program yang membabitkan pelaburan swasta.

Justeru itu, saya ingin bertanya apakah usaha kerajaan dalam melaksanakan saranan Bank Dunia tersebut? Jadi, dengan pertambahan bajet ini saya berharaplah supaya pihak kerajaan dapat melakukan kajian-kajian dan seterusnya melaksanakan saranan yang telah dikeluarkan oleh Bank Dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan yang ada ini saya mohon penjelasan juga daripada pihak kerajaan tentang aplikasi MySejahtera di mana kerajaan telah membelanjakan satu jumlah yang besar untuk aplikasi MySejahtera ini, untuk membangunkan aplikasi dan digunakan oleh rakyat. Jadi, rakyat berhak tahu kedudukan sebenar status MySejahtera.

Jadi, adakah benar aplikasi ini sudah dijual kepada pihak swasta? Oleh itu saya memohon supaya Yang Berhormat Menteri sendiri memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini supaya rakyat dapat tahu dengan lebih jelas. Jadi kita tidak mahu lagi ada persoalan-persoalan daripada rakyat kerana tidak memahami dan mereka juga bimbang ke atas data-data ataupun maklumat-maklumat peribadi yang ada dalam aplikasi MySejahtera dijual kepada pihak-pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana rakyat kita masih merangkak membangunkan semula perniagaan dan memulihkan ekonomi sendiri dan negara, kerajaan seharusnya perlu berbelanja dan memacu ekonomi negara. Kita berharap kerajaan lebih telus dan adanya satu sistem pemantauan dalam perbelanjaan kerajaan yang besar ini supaya ia tiada ketirisan. Jadi kita amat berharaplah supaya kita atau di sebelah rakyat ini mendapat maklumat ataupun maklum balas ataupun apa-apa laporan daripada pihak kerajaan supaya kita nampak bahawa perbelanjaan ini tiada ketirisan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja daripada saya. Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2021. Sekian, terima kasih. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff berkaitan dengan pandangan supaya diadakan suatu jawapan oleh menteri berkaitan dengan jualan MySejahtera itu, Dewan ada menerima satu permohonan yang *detailnya* akan dihuraikan esok, insya-Allah.

Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin. Silakan.

**12.25 tgh.**

**Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan usul ini, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2021. RM9.5 bilion peruntukan yang diperlukan untuk kita perhalusi demi kesejahteraan rakyat dan seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi yang berbahas sebelum saya, kita menekankan kepada rakyat agar berlakunya integriti dan ketelusan di dalam kita mengurus perbelanjaan ini supaya perbelanjaan ini dapat dinikmati oleh rakyat dan tidak berlakunya sebarang ketirisan dan menyebabkan akan berlakunya defisit kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perbelanjaan tambahan bagi maksud B4 iaitu sebanyak RM67.7 juta diperlukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk berbelanja melaksanakan Pilihanraya Umum, Dewan Undangan Negeri Sarawak Ke-12. Soalan saya, mengapa perbelanjaan Pilihanraya Kecil Negeri Melaka yang turut dilaksanakan pada tahun 2021, pada 20 November 2021 tidak dimasukkan dalam perbelanjaan ini? Barangkali kita hendak minta respons daripada pihak kementerian.

Seperti yang saya tegas dalam ucapan Titah Diraja baru-baru ini saya merasakan pilihan raya di negeri Melaka dan di Johor berlaku dengan sebab yang tidak munasabah. Maka terpaksa kerajaan melalui Suruhanjaya Pilihan Raya melakukan satu- tambahan perbelanjaan yang ia melibatkan duit rakyat. Untuk kedua-dua pilihan raya ini walaupun ia telah berlaku, barangkali ia boleh menjadi pengajaran kepada kita sebagai ahli eksekutif mahupun legislatif untuk kita melihat RM141 juta ini bukan satu jumlah yang sedikit. Ia satu jumlah yang besar.

Kalau kita tengok dalam bajet tambahan ini kita lihat ada lebih kurang RM1 bilion diperuntukkan untuk biasiswa di bawah JPA dan biasiswa juga di bawah kementerian lebih kurang RM300 juta lebih. Bukankah lebih baik kewangan itu kita berikan lagi kepada kementerian-kementerian ini untuk kita lebih memperbanyak minda-minda ilmuwan, orang yang bijak dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi serta rakyat Malaysia.

Oleh sebab kita tahu untuk kita menjadi negara yang maju, berpendapatan tinggi pastinya kita memerlukan banyak tenaga mahir dan ia memerlukan kepada pelaburan kerajaan di dalam membentuk tenaga mahir ini sama ada dalam bentuk pendidikan, latihan dan sebagainya.

Jadi, soalan saya yang saya ingin sekali lagi kementerian jawab, apakah perbelanjaan Pilihanraya Negeri Melaka ini akan di bentang? Barangkali apakah akan berlakunya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2.0 bagi menangani isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam membicarakan perkara ini juga, ingin saya mengingatkan kepada semua ahli legislatif dan semua ahli politik di luar sana supaya kita kembali kepada apa yang dinyatakan di bawah Titah Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan demokrasi bermusyawarah.

Jadi, dengan indikator-indikator yang telah ditunjukkan melalui Titah Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan pengembangan ekonomi, keyakinan pelabur dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan sekali lagi supaya jangan ada sebarang tekanan-tekanan yang diberikan kepada Perdana Menteri untuk membubarkan Parlimen lebih awal. Kita ada masa lagi.

Seharusnya masa ini kita fokuskan untuk kita membawa rakyat keluar ataupun membiasakan rakyat daripada fasa pandemik COVID-19 kepada fasa endemik yang sering kali kita dengar perbincangan daripada Ahli Dewan Negara mahupun rakan-rakan kita daripada Dewan Rakyat yang semuanya mempunyai pemikiran yang sama bahawasanya rakyat perlu dibantu untuk kita keluarkan rakyat daripada fasa ini.

Kita tahu rakyat tertekan, rakyat banyak yang terkesan dan seharusnya segala tenaga, segala pelaburan perlu diberikan kepada rakyat supaya rakyat dapat menikmati kembali keamanan dan ketenteraman hidup seperti mana yang dirasai sebelum kita berdepan dengan pandemik COVID-19 ini.

■1240

Jadi, saya mohon sangat supaya penataan Titah Diraja berkenaan demokrasi bermesyuarat ini diikat, dipegang dengan jitu oleh kerajaan mahupun pembangkang supaya kita boleh meneruskan pelan kerajaan melalui bajet yang telah dibentangkan dan diluluskan sebelum ini dan juga *Insyah-Allah* bajet tambahan ini supaya ia dapat memberikan kelestarian dan juga kebaikan kepada rakyat sehinggalah tamat tempoh- menjelang PRU-15.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik Ahli Dewan yang mulia ini tentang perbelanjaan tambahan pada Maksud B.11 di mana sebanyak lebih kurang RM4.5 bilion ditampung untuk bayaran subsidi produk petroleum bagi bulan September, Oktober dan juga November 2021 dan juga untuk bayaran pampasan tol, bayaran subsidi Projek Solar Berskala Besar (LLS), dengan izin, dan subsidi projek sokongan tarif ke Sabah Electricity Sdn. Berhad.

Soalan saya, saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri sebagai sebuah negara pengeluar minyak, apakah kadar keuntungan yang diraih oleh negara ketika mana harga petroleum di peringkat dunia meningkat naik sejajar ataupun seimbang dengan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh negara kita dalam memberikan subsidi petroleum ini?

Saya berterima kasih- kami berterima kasih kepada kerajaan kerana mempunyai satu keazaman politik dan mengambil tindakan risiko yang telah dianalisis untuk terus memberikan subsidi kepada rakyat dalam bentuk minyak yang sebenarnya sekiranya berlakunya kenaikan minyak yang mendadak, ia bukan sekadar membebankan pengguna lebu raya ataupun jalan raya, ia juga memberikan kesan domino kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.25 pula iaitu perbelanjaan tambahan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebanyak lebih kurang RM540 juta untuk menampung subsidi program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS), dengan izin. Saya mohon pihak kementerian untuk memberikan penjelasan di Dewan yang mulia ini tentang dakwaan bahawa isu terputusnya bekalan minyak masak bersubsidi yang tular dan memberi kesan kepada ramai pengguna dalam negara kita khususnya yang berpendapatan B40. Ini adalah disebabkan oleh kelewatan kerajaan membayar subsidi tersebut kepada pihak pengilang.

Jadi, apa ia satu kebenaran dan apakah sekiranya perkara ini betul, ataupun benar dan kerajaan mengakui ia adalah daripada kelemahan di peringkat kerajaan, apakah kerajaan dapat memberikan jaminan bahawa isu seperti ini tidak akan berlaku lagi selepas daripada ini? Jadi, sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*



**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumusalam*, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam.

Akhirnya, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

### 12.43 tgh.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat tengah hari, salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kita membincangkan tentang tambahan peruntukan, perkara ini berlaku setiap tahun. Pasti pada anggaran perbelanjaan yang dibentangkan di penghujung tahun pada setiap tahun, pastinya tidak 100 peratus tepat. Oleh sebab itu, kita ada perbelanjaan tambahan. Namun, kita perlu melihat balik apa yang telah dibelanjakan dan apa yang akan dibelanjakan. Lazimnya yang selalu tidak menepati sasaran ialah tentang subsidi. Ini kerana, apabila berlaku perubahan harga minyak, ataupun harga minyak sawit, jadi kos untuk menampung subsidi itu akan bertambah.

Namun, kita juga perlu pastikan bahawa apabila kita membiayai subsidi tersebut, subsidi yang kita hasratkan itu pergi kepada golongan yang disasarkan, bukan kepada pihak-pihak lain. Namun daripada sejak tahun-tahun yang lepas, hasrat kita untuk *rationalize*, dengan izin, subsidi ini belum menjadi nyata. Bertukar Menteri, saling bertukar hasrat yang sama, tetapi pelaksanaannya belum ada.

Ini kerana kita dapati, sekiranya, contohnya kalau subsidi minyak masak direkodkan sebanyak RM600 juta pada tahun lepas. Sekiranya ini dapat dipastikan bahawa disampaikan kepada pihak yang disasarkan, mungkin kita ada penjimatan yang boleh digunakan untuk tujuan lain. Begitu juga dengan petroleum, begitu juga dengan gas. Jadi saya haraplah, Kementerian Kewangan dapat meneliti perkara ini supaya keikhlasan, bukan setakat politik, keikhlasan nasional kita untuk membantu mereka yang perlu dan menggunakan wang seoptimum mungkin dapat dijadikan satu kenyataan. Bukannya omong-omong yang dilafazkan apabila kita memerlukan sokongan daripada orang ramai.

Satu perkara lagi yang saya ingin sebutkan di sini tentang bantuan-bantuan yang diberikan kepada pelbagai pihak. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan, saya harap dapat dipertimbangkan tentang perwujudan subkepada dalam perbelanjaan tersebut. Saya tidak pasti Kepala mana, tetapi adakan satu subkepada untuk memberi batuan atau sumbangan kepada etnik minoriti. Perkara ini tidak pernah dilakukan, tetapi tidak mustahil.

Ini kerana, kita dapati bahawa dalam bajet Kementerian Kewangan sendiri ataupun kementerian-kementerian lain ada kepala sumbangan kepada NGO di bawah kementerian berkenaan. Jadi, kalau Kementerian Kewangan boleh wujudkan satu subkepada untuk bagi bantuan kepada etnik minoriti, banyak kita boleh lakukan. Contohnya, kepada masyarakat minoriti Siam, kita memerlukan wang yang secukupnya untuk memberi sugu hati kepada guru-

guru yang mengajar bahasa ibunda. Ini kerana, selama ini mereka mengajar secara percuma, jadi apabila percuma itu, adalah kekangannya kerana masing-masing pun hendak cari makan.

Jadi, kalau masa itu terlalu banyak untuk kerja-kerja amal, nanti periuk pun tidak berasap. Jadi, kita kena imbangkan, bagilah imbuhan yang sesuai kepada mereka. Saya pernah dan akan terus memohon daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM1.3 juta setahun untuk sebagai membiayai kos pengoperasian kelas-kelas bahasa Ibunda di tempat masing-masing.

Saya harap dengan adanya sub-kepala ini bolehlah kita adakan bantuan ini secara berterusan tanpa perlu saya ataupun mana-mana pihak menulis kepada kementerian setiap tahun. Perkara ini tidak seharusnya berlaku, kerana orang kata, bercakap sekali, cukuplah, tidak payah banyak-banyak kali. Sama-sama faham apa keperluan rakyat.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan juga, mengambil kesempatan berbahas tentang Perbekalan Tambahan ini ialah tentang keperluan yang pernah saya sampaikan hasrat saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu sebanyak RM200 ribu untuk membantukan meningkatkan jati diri remaja Siam di seluruh negara.

Namun malangnya, surat saya pada bulan Oktober 2021 dan juga rayuan saya pada bulan Februari 2022 belum lagi dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya haraplah jangan diproses terlalu lama, kerana kalau lama sangat itu jadi macam Kementerian Dalam Negeri untuk memproses permohonan kewarganegaraan, memerlukan masa sampai tujuh hingga lapan tahun. Ini kerana kalau orang kampung berbahas balik dengan kita, kalau lapan tahun itu, kahwin anak sudah tujuh orang hingga lapan orang, tidak akan hendak proses permohonan itu tunggu sampai lapan tahun.

Sekiranya tidak cukup kakitangan, ada macam-macam cara boleh buat supaya dipendekkan kerana hasrat kita ialah untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian dan juga penjawat awam itu di tahap yang paling baik. Jika tidak cukup wang, ada wangnya, tidak cukup orang, ada orang yang boleh bantu. Saya harap, benda ini dapat diambil tindakan. Mohonlah Yang Berhormat Menteri- kalau Yang Berhormat Menteri ada boleh juga kita bisik-bisik sekali lagi. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada, tolonglah sampaikan mesej saya ini kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bilakah mesej itu disampaikan Yang Berhormat?

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Saya pernah hantar surat pada bulan Oktober 2021 dan juga rayuan pada bulan Februari 2022, Februari tahun ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahun ini.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Ya. Malangnya, belum ada jawapan. Tidak mengapa.

#### ■1250

Tidak apa kita sabar menunggu. Saya harapnya ada jawapan yang positif. Satu perkara lagi yang saya ingin membangkitkan. Semalam, Yang Berhormat Menteri Perpaduan menjawab persoalan saya tentang bantuan kepada rumah ibadat selain Islam.

Jadi, saya pernah mencadangkan kepada kementerian supaya memudahkan proses permohonannya tetapi malangnya kementerian masih lagi menggunakan syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu wang-wang yang dikeluarkan kepada badan-badan pada pihak lain mesti kepada persatuan berdaftar.

Jadi, saya ada menghadapi isu dengan pihak rumah ibadat yang belum berdaftar atas apa jua sebab. Jadi, saya menyediakan satu alternatif yang saya rasa terbaik kerana saya memikirkan bagaimana penjawat awam memikir macam mana hendak selamatkan ataupun menjaga kepentingan wang awam ini supaya tidak jatuh pada tangan yang salah.

Lazimnya, mereka akan bayar ataupun disalurkan kepada badan berdaftar. Jadi, saya telah mencadangkan kepada Kementerian Perpaduan supaya mendaftarkan rumah ibadat masyarakat Siam ini dan bersama dengan tiga orang pemegang amanah supaya mereka ini apabila ada sijil daftar tersebut boleh digunakan untuk membuka akaun di bank.

Jadi, akaun bank itulah digunakan untuk Kementerian Kewangan menyalurkan wang tersebut kepada pihak berkenaan. Jadi, tidak timbullah isu wang itu wang kerajaan pergi kepada poket individu ataupun akaun individu. Namun, oleh sebab syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan begitu *rigid*, perkara ini tidak dapat dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya saya rasa eloklah kita duduk semeja kita bincang macam mana hendak selesaikan masalah ini. Ini kerana hasrat saya ialah macam mana hendak pastikan kerajaan dapat menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat yang memerlukan perkhidmatan ataupun bantuan.

Jadi, sekiranya ada kekangan lazimnya tugas pegawai awam ialah untuk memikirkan macam mana kita hendak bantu ataupun melaksanakan mandat yang telah diberikan oleh kerajaan untuk membantu rakyat. Jadi, sekiranya ada halangan kita sama-sama duduk semeja dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Saya harap Kementerian Kewangan dapat menimbangkan cadangan ini dan sekiranya perlukan surat daripada saya, saya akan menulis kepada Kementerian Kewangan untuk mencadangkan supaya kita adakan satu perbincangan yang serius macam mana kita hendak selesaikan masalah ini.

Tanpa perbincangan tersebut, agak sukar untuk kita selesaikan masalah ini kerana ia jadi macam situasi dalam Bahasa Inggerisnya ialah *Catch-22* ke sini pun tidak boleh, ke sana pun tidak boleh macam keadaan serba salah. Macam kereta tersekat di jalan raya sama-sama tidak boleh gerak. Jadi, harapnya dengan cara ini kita boleh membantu.

Tanpa keseriusan kita untuk membantu, memanglah kerja kita senang, okey. Ini syaratnya *you* tidak perlu syarat *you* punya fasal lah. Sepatutnya tidak begitu sebagai kementerian yang penjawat awam dan juga Yang Berhormat Menteri yang prihatin kepada keperluan rakyat, saya rasa elok kita duduk dan kita bincang cari jalan supaya syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian itu dia sudah langgari.

Masa yang sama, apa yang diperlukan oleh rakyat itu dapat dipenuhi. Tanpa itu agak sukar kita macam berbalah sama sendiri tetapi tidak ada hasil.

Satu perkara lagi yang kita terbaca sekarang ini ialah tentang MySejahtera lah itu tajuk panas kerana macam Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff sebut tadi tentang pembelian penjualan MySejahtera itu. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Kewangan kerana lazimnya sebarang penjualan ataupun belian yang melibatkan wang awam pastinya akan lalui meja Kementerian Kewangan.

Jadi, saya rasa tidak salah kalau kita tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan apakah benar benda itu berlaku? Ini kerana daripada segi teknikalnya mungkin Kementerian Kewangan tidak dapat jawab tetapi itu Kementerian Kesihatan. Akan tetapi asasnya sama ada beli tidak beli, jual tidak jual itu mungkin Kementerian Kewangan dapat bantu menjawab pada kita.

Kadang kita risau data-data peribadi kita ada dalam itu semua, penjualan data sangat berleluasa. Contohnya dahulu di AirAsia data peribadi, di CIMB Bank yang terlepas keluar. Kita tidak pasti apa berlaku selepas itu. Jadi, yang ini pun kita tidak tahu. Ini kerana bila orang lain dapat data kita, kita pun tidak tahu macam mana mereka akan gunakan.

Apa yang kita tahu bila ada iklan-iklan jualan yang datang tanpa diminta, itu salah satu mungkin satu cara mereka menggunakan data kita untuk dijual. Hendak jual data tidak susah, jual nombor telefon pun cukup. Buku-buku rekod yang kita masuk kedai kalau tidak pakai MySejahtera itu tulis nama dan nombor telefon itu.

Kalau tulis betul-betul, mereka boleh gunakan itu dua, tiga kupang- satu pun cukup sudah. Kalau saya ada entiti untuk berniaga contohnya dan berniat untuk mencari jalan pendek untuk mendapatkan maklumat, itulah satu caranya. Ini kerana saya boleh *blast* apa pun orang kata Bahasa Melayunya kita tembak sekali gus kepada 300 orang pelanggan saya menggunakan nombor-nombor telefon yang saya beli itu.

Saya tidak kisah namanya siapa pun tidak apa nama tidak betul pun tidak apa tetapi saya ada nombor telefon yang mungkin betul mungkin tidak betul, tidak kisahlah. Jadi, ada keuntungan orang menjual dan ada keuntungan daripada pihak pembeli tetapi yang mangsanya ialah kita yang tuan punya maklumat.

Jadi, kalau MySejahtera itu diguna sedemikian dengan bilangannya ratusan berjuta-juta maklumat, saya rasa orang yang mendapat maklumat tersebut dapat membuat keuntungan yang tinggi. Jadi, saya harap benda ini dapat dijelaskan dan ada juga cadangan daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat supaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan datang menjelaskan kepada kita di sini.

Saya tidak pasti macam mana kita hendak dapatkan itu tetapi saya ingin mencadangkan jugalah sekiranya cara ini yang sesuai untuk kita dapat penjelasan yang daripada orang kata daripada mulut kuda sendiri dalam Bahasa Inggeris *from the horse mouth*

lebih baiklah. Ini kerana kalau tidak dia akan jadi khabar angin dongengan sahaja yang mana dia akan menimbulkan pelbagai persepsi ataupun salah tafsir yang berbagai-bagai.

Ini kerana tanpa maklumat yang jelas daripada tuan punya maklumat, kita akan tertanya-tanya sampai bila benda ini akan berterusan. Jadi, saya harap dengan cara tersebut kita dapat meyakinkan daripada rakyat supaya maklumat yang ada dalam MySejahtera itu selamat. Gunakanlah MySejahtera untuk tujuan ini.

Jadi, rakyat akan yakin dan terus akan gunakan kerana tanpa keyakinan tersebut mungkin mereka akan- apa orang kata, orang kata cakap-cakap 'udong' orang kata persetankan MySejahtera kerana saya *check-in* pun tidak apa, tidak *check-in* pun tidak kata apa kerana rata-rata di kedai sekarang tidak ada siapa peduli pun.

Bila kita *check-in* itu tengok tidak ada siapa tengok pun. Ada yang tengok. Itu yang saya suka, ada yang tengok supaya pastikan mereka yang betul-betul layak untuk masuk kedai tetapi banyak yang tidak tengok sebab tidak ada siapa peduli pun buku itu kan?

Dengan comotnya tulis nama kerbau, lembu pun tidak apa. Nombor telefon tulis satu, dua, tiga sampai 10 pun tidak apa, tidak ada siapa peduli pun. Tidak ada siapa pergi semak pun sama ada betul tidak betul. Jadi, ini tidak ada kesan kepada usaha kita untuk mengekang penyebaran COVID-19.

Jadi saya harap dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri meningkatkan keyakinan kepada rakyat untuk kita terus gunakan MySejahtera demi kepentingan kesihatan kita dan juga ekonomi negara. Saya rasa itu sahaja yang saya boleh sampaikan. Dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

Sampai masa bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri menggulung dan manakala sampai masa atau had jam satu kita akan sambung pada 2.30 petang. Silakan.

**12.59 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya rakamkan ucapan terima kasih kepada lima orang Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Tambahan mengenai Akta Perbekalan 2021 Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2021.

Saya bagi pihak Kementerian Kewangan hargai semua cadangan dan pandangan yang disampaikan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab persoalan-persoalan yang utama dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan tadi.

Pertama-tamanya Tuan Yang di-Pertua ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini Bekalan Tambahan tahun 2021 adalah lebih kepada menguntukkan perbelanjaan lebih ke maksud berlainan dan tidak melebihi Anggaran Perbelanjaan Tahunan 2021 yang telah diluluskan oleh Parlimen semasa Belanjawan 2021.

Belanjawan yang telah diluluskan Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun 2021 adalah sebanyak RM307.5 bilion iaitu yang melibatkan RM236.5 bilion bagi perbelanjaan mengurus. Pada ketika itu juga Tuan Yang di-Pertua unjuran hasil adalah sebanyak RM236.9 bilion.

Walaupun Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama ini melibatkan RM8.4 bilion di bawah perbelanjaan mengurus, sebenarnya jumlah ini tidaklah melebihi jumlah yang diluluskan dalam Belanjawan 2021. Ini kerana jumlah perbelanjaan sebenar pada tahun 2021 hanya RM233.7 bilion berbanding RM236.5 bilion yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bukanlah melambangkan perbelanjaan yang melebihi apa-apa yang diluluskan mahupun keperluan tambahan akibat tidak cukup peruntukan tetapi lebih kepada menguntukkan lebih perbelanjaan daripada maksud yang mengalami ketidakcukupan peruntukan disebabkan perkara-perkara yang tertentu yang memerlukan peruntukan yang lebih tinggi daripada peruntukan asal.

Ahli-ahli Yang Berhormat, antara keperluan mendesak bagi peruntukan subsidi ekoran kenaikan harga minyak mentah dunia dan kenaikan harga komoditi sawit dunia pada tahun 2021. Maka, perlulah kerajaan menanggung kenaikan subsidi ini dan peruntukan yang diluluskan tidak cukup untuk menampung kenaikan berkenaan.

Selain itu berikutan bencana banjir yang berlaku, kerajaan juga perlu melaksanakan perbelanjaan tambahan terlebih dahulu bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang terlibat serta memperbaiki infrastruktur yang terjejas akibat banjir.

Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mengambil kira keperluan mendesak yang perlu dibuat serta mengambil kira kekangan masa untuk tambahan ini dibentangkan di Parlimen terlebih dahulu sebelum membuat kelulusan perbelanjaan tambahan ini diluluskan maka tindakan segera kerajaan adalah amat penting kerana sebarang kelewatan dalam menyediakan peruntukan kepada perkara-perkara mendesak ini akan memberi kesan langsung kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh kepada isu yang pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, hari sudah menunjukkan jam 1.02 minit. Saya menangguhkan persidangan dan kembali bersidang pada jam 2.30 petang.

Dengan sukacitanya dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kita hadir pada jam dan waktu tersebut.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]***

## ■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung jawapan. Dipersilakan.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab ketujuh-tujuh isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pada sidang sebelah pagi.

Isu yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad, Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff dan Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili, ada menyentuh soal minyak masak. Antaranya berhubung dakwaan terputusnya bekalan minyak masak bersubsidi yang tular disebabkan kelewatan kerajaan membayar subsidi kepada pihak pengilang sehingga memberi kesan kepada ramai pengguna khususnya B40.

Untuk makluman Dewan yang mulia, ketidakcukupan hasil bagi menampung kos subsidi berbangkit kerana kerajaan telah mengambil langkah untuk mengekalkan harga bersubsidi pek satu kilogram minyak masak pada kadar RM2.50 sedangkan harga sebenar kini telah mencecah RM7 sekilogram. Pun begitu, kelewatan bayaran ini bukanlah isu utama Ahli-ahli Yang Berhormat. Bekalan tidak mencukupi sebenarnya disebabkan oleh jurang harga yang sebenar antara harga bersubsidi dengan harga pasaran.

Apabila perbezaan ketara antara harga bersubsidi dan harga pasaran berterusan, ia telah mengakibatkan kesan langsung yang lain termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, penggunaan minyak masak bersubsidi oleh golongan bukan sasaran. Subsidi termasuklah sektor perniagaan seperti restoran. Inilah antara sebab utama golongan sasar iaitu isi rumah berpendapatan rendah ke hadapan ketidakcukupan minyak masak bersubsidi walaupun pengeluaran 60 ribu metrik tan sebulan iaitu jauh melebihi keperluan isi rumah B40.

Buat masa ini Ahli-ahli Yang Berhormat, KPDNHEP telah melaksanakan Operasi Ops Goreng sepanjang tahun 2021 melibatkan pemeriksaan premis-premis perniagaan dan setiap rantaian bekalan agar tidak berlaku ketirisan dan penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Bagi mengawal keberadaan minyak masak bersubsidi di pasaran, KPDNHEP telah menghadkan penjualan minyak masak paket sebanyak tiga paket bagi

setiap pelanggan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan bekalan minyak masak mencukupi untuk kesemua rakyat. KPDNHEP juga telah melaksanakan kerjasama bersama agensi penguatkuasaan yang lain untuk memastikan minyak masak tidak diseludupkan ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua berkaitan isu subsidi produk petroleum yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Seperti yang telah saya jelaskan tempoh hari semasa penggulungan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, harga minyak mentah *brand crude oil* telah meningkat dengan signifikan. Jika dibandingkan harga minyak mentah pada bulan Januari 2022 iaitu USD85 satu- tong berbanding Januari 2021 hanya sebanyak USD55 setong.

Dengan kenaikan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan terpaksa menanggung dan menampung peningkatan subsidi petroleum, subsidi petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) yang ketara sehingga 10 kali- ganda iaitu meningkat daripada RM20 juta untuk Januari 2021 kepada lebih RM2 bilion untuk Januari 2022. Ditambah dengan pergolakan antara Rusia dan Ukraine, harga minyak mentah telah naik mendadak ke paras melebihi USD100 setong, dijangkakan jumlah subsidi petrol, diesel dan LPG akan melebihi RM2.5 bilion sebulan. Ini bermakna jumlah subsidi keseluruhan bagi tahun 2022, dijangka mencecah RM28 bilion setahun berbanding RM11 bilion pada tahun 2021.

Kenaikan subsidi ini Ahli-ahli Yang Berhormat, juga akan menekan kedudukan fizikal negara kerana pertambahan kos subsidi sepatutnya boleh digunakan untuk manfaat pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pula, kerajaan tidak boleh meminjam untuk membiayai belanja mengurus seperti kos subsidi. Ya, benar. Kita merupakan negara pengeluar minyak dan berkemungkinan memperoleh peningkatan pendapatan ekoran kenaikan mendadak harga minyak mentah dunia.

Memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat, konflik Rusia dan Ukraine masih berada di peringkat awal. Kerajaan belum boleh mengunjur peningkatan pendapatan berbanding implikasi kewangan akibat kenaikan kos subsidi. Mengikut unjuran awal kerajaan masih perlu menanggung subsidi kerana harga runcit produk petroleum di pasaran yang terlalu rendah berbanding harga pasaran.

Melihat situasi ini, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan sedang mengkaji semula mekanisme subsidi produk minyak supaya dapat dilaksanakan dengan lebih bersasar. Pelaksanaan subsidi secara bersasar dijangka dapat mengoptimumkan sumber kewangan kerajaan dan penjimatan yang dicapai dapat diagihkan semula ke program yang lebih berkesan menyumbang kepada kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff dan Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin yang menyentuh berhubung perbelanjaan tambahan bagi pilihan raya negeri.



Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, DUN Melaka telah dibubarkan pada 4 Oktober 2021 iaitu PRN DUN Melaka yang ke-15 melibatkan 28 Kerusi DUN perlu dilaksanakan pada 20 November 2021 dengan anggaran kos berjumlah RM45.9 juta. Kos RM45.9 juta ini ditampung menggunakan peruntukan yang telah diluluskan untuk Pilihan Raya Negeri Sarawak pada tahun 2021 sebanyak RM138 juta. Kerajaan juga mengandaikan PRN Sarawak tidak sempat dilaksanakan pada tahun 2021 dan telah menyediakan peruntukan dalam Bajet 2022 sebanyak RM121 juta.

Namun demikian Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, selepas pengumuman bajet pada tahun 2022 dibentangkan pada Oktober 2021. PRN Sarawak diumumkan untuk diadakan pada Disember 2021 dan disebabkan itu, peruntukan tambahan diperlukan sebanyak RM67.7 juta. Lebihan kos perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh SPR pada tahun 2021 berjumlah RM67.7 juta ini merangkumi pembayaran kos pelaksanaan sebahagian PRN DUN Sarawak Ke-12 yang dilaksanakan pada Disember 2021 kerana peruntukan yang sedia ada sebelumnya telah didahulukan untuk PRN Melaka.

#### ■1440

Berkaitan cadangan *e-voting* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, SPR sedang menjalankan kajian mengenai penggunaan *e-voting*. Selain daripada aspek kebaikan dan keburukan perlaksanaan *e-voting*, SPR juga perlu menilai isu-isu kerahsiaan, keselamatan, kos dan pendidikan pengundi. SPR akan terus mengadakan libat urus dengan pihak yang berkaitan sebelum sebarang keputusan atau syor dikemukakan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad yang juga menyebut soal industri perkhidmatan Air Kelantan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Ogos 2007 telah bersetuju untuk penstrukturan semula industri perkhidmatan air dilaksanakan melalui pengambil alihan pinjaman kerajaan negeri daripada kerajaan Persekutuan berkaitan bekalan air oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Sebagai balasan-

- (i) kerajaan negeri akan menyerahkan, akan memajakkan aset air kepada PAAB;
- (ii) PAAB akan memajak semula aset air tersebut kepada operator air negeri dengan dikenakan bayaran sewa pajakan; dan
- (iii) semua kutipan hasil akan dimasukkan ke dalam sebuah akaun amanah yang akan diserahkan hak secara tidak boleh batal kepada PAAB sebagai jaminan untuk bayaran sewa pajakan.

Perlaksanaan keputusan ini Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah terpakai untuk semua negeri yang memasuki sistem penstrukturan semula air bagi memastikan tiada diskriminasi berlaku.

Isu yang kelima Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan Lembaga Peperiksaan Malaysia yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili yang inginkan penjelasan aktiviti kritikal yang dimasukkan bagi peruntukan tambahan pada Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator peruntukan tambahan sebanyak RM198 juta tersebut bertujuan untuk menampung aktiviti pentaksiran yang dirancang dan dilaksanakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Antaranya seperti:

- (i) pelaksanaan pemeriksaan Skrip Jawapan Peperiksaan (SJP) secara dalam talian menggunakan Sistem LP Skor berjumlah RM40 juta. Di samping itu juga tuntutan pemeriksa pentaksiran juga diuruskan secara digital dengan jumlah peruntukan RM30 juta;
- (ii) pelaksanaan dasar baharu untuk Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) berjumlah RM1 juta;
- (iii) pelaksanaan ujian bertutur Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, ujian mendengar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan ujian Amali Sains SPM 2021 berjumlah RM20 juta;
- (iv) format baharu Kokurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi pemeriksaan SPM, SPMU dan SVM serta keperluan memenuhi peperiksaan SGP menggunakan LP Skor berjumlah RM40 juta;
- (v) pendaftaran format baharu Pentaksiran Peringkat Sekolah Rendah mulai 2022 berjumlah RM1 juta;
- (vi) pembangunan dan penyelidikan aplikasi sistem yang digunakan oleh Lembaga Peperiksaan bertujuan pentaksiran berjumlah RM3 juta; dan
- (vii) penggantian dan penyelenggaraan peralatan bilik kebal berjumlah RM5 juta.

Manakala Yang Berhormat Senator kos-kos lain adalah meliputi menaik taraf premis Lembaga Peperiksaan di Kuala Lumpur dan pembelian kenderaan serta harta modal di Lembaga Peperiksaan Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keenam berkaitan masyarakat minoriti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook ada membangkitkan soal peruntukan khusus bagi masyarakat minoriti Siam.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Bajet 2022 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan telah memperluaskan manfaat komuniti minoriti lain dengan peruntukan tambahan RM5 juta melalui ketua masyarakat atau NGO untuk menggalakkan pembelajaran budaya dan bahasa. Selain mengeratkan ukhuwah komuniti dan mendorong pembangunan sahsiah remaja, pembelajaran ilmu bahasa, misalnya bahasa Thai berupaya menyumbang kepada manfaat ekonomi melalui hubungan dagangan dengan negara jiran serta perkhidmatan penyumberluaran serantau di Malaysia.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Senator, kerajaan tidak boleh menyediakan peruntukan tahunan kepada NGO atau badan yang terlibat secara setiap tahun. Namun cadangan ini akan diteliti dan dikaji dengan lebih terperinci agar mematuhi prosedur kewangan yang berkuat kuasa. Berkaitan dengan permohonan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator, permohonan tersebut sedang dalam penelitian oleh pihak Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, permohonan awal yang telah Yang Berhormat kemukakan pada Oktober 2021 yang lalu telah diambil sebagai input kepada inisiatif pengumuman Bajet 2022 yang telah saya sebutkan pada awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketujuh. Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia juga ketika berbahas turut membangkitkan soal aplikasi MySejahtera. Sebagaimana yang dijelaskan oleh kerajaan melalui Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 27 Mac 2022, kerajaan tidak pernah menjual aplikasi MySejahtera kepada mana-mana syarikat swasta. Kerajaan juga tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada syarikat KPI Soft Sdn. Berhad yang telah membangunkan aplikasi MySejahtera sepanjang tempoh penggunaan aplikasi ini bermula 31 Mac 2021 sehingga 27 Mac 2022. Perkara ini berdasarkan ketetapan syarikat yang telah menawarkan penggunaan aplikasi MySejahtera kepada kerajaan untuk tempoh setahun tanpa sebarang bayaran berdasarkan prinsip Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator semua, setelah tamat tempoh CSR tersebut, kerajaan pada 31 Mac 2021 bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera diteruskan. Aplikasi MySejahtera diguna pakai kerana keteguhan dan keupayaan dinamik teknologinya. Maka kerajaan meneruskan kerjasama dengan pihak syarikat dalam melaksanakan peningkatan fungsi MySejahtera sehingga apa yang digunakan pada hari ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan kerajaan pada 26 November 2021 turut menetapkan supaya kerajaan melalui Kementerian Kesihatan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Rundingan Harga dengan keahlian yang terdiri daripada agensi pemenang taruh berkaitan untuk melaksanakan rundingan harga perolehan dan pengurusan perkhidmatan MySejahtera dengan pihak syarikat untuk tempoh dua tahun selaras dengan tatacara perolehan kerajaan.

Seterusnya, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 28 Februari 2022 bersetuju meluluskan permohonan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melaksanakan perolehan bagi pengurusan aplikasi MySejahtera dan dimuktamadkan di peringkat Kementerian Kewangan. Proses rundingan ini Yang Berhormat telah dimulakan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kesihatan akan memastikan *due diligence* dilakukan bagi memelihara kepentingan kerajaan.

Saya juga ingin membuat penekanan di sini di Dewan yang mulia ini, kerajaan ingin menegaskan bahawa data MySejahtera adalah di bawah penyeliaan Kementerian Kesihatan Malaysia sejak ia digunakan. Segala pengurusan data akan melalui proses tadbir urus yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam hal ini penggunaan dan

pengurusan data MySejahtera perlu mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998, Akta Perubatan 1971 dan piawaian antarabangsa. Sehubungan dengan itu oleh Yang Berhormat, data MySejahtera tidak boleh dikongsi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun pihak swasta. Kerahsiaan data orang ramai adalah terjamin dan kerajaan akan sentiasa komited memastikan aspek ini tidak boleh diberi kompromi.

Tuan Yang di-Pertua itu sahaja ucapan penggulungan saya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator atas pandangan dan input-input yang dikongsi kan sepanjang tempoh perbincangan. *Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]*

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

#### **2.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta sokongan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga, dan diluluskan]*

■1450

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 2021****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kerja 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kerja 1955 selepas ini disebut sebagai Akta 265 merupakan undang-undang buruh utama yang mengawal selia hubungan antara majikan dan pekerja di sektor swasta melalui penetapan hak-hak pekerja dan standard minimum penggajian. Pada masa ini, Akta 265 memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja sektor swasta bergaji tidak melebihi RM2,000 sebulan. Pekerja-pekerja manual tanpa mengira had gaji dan lanjutan pemakaian kepada pekerja bergaji sehingga RM5,000 tertakluk kepada terma dan syarat kontrak perkhidmatan.

Objektif utama Akta 265 ini adalah untuk memberi perlindungan dan kebajikan kepada golongan pekerja melalui penetapan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan minimum. Akta ini berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 ini merupakan sebahagian langkah bagi merealisasikan komitmen kerajaan seperti dalam ucapan-ucapan belanjawan sebelum ini yang mana menyatakan bahawa kerajaan mengkaji semula undang-undang buruh bagi memperkasa pasaran buruh, kebajikan pekerja dan melarang amalan diskriminasi oleh pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menggubal pindaan kepada Akta 265, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh dengan pihak berkepentingan khususnya majikan, pekerja, kesatuan sekerja, pertubuhan majikan, pertubuhan pekerja dan agensi kerajaan sejak tahun 2015 lagi. Cadangan pindaan ini melibatkan 46 fasal yang merangkumi antara lain 28 fasal pindaan, 10 fasal baharu dan enam fasal yang dimansuhkan.

Objektif utama Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 kali ini adalah untuk meningkatkan dan menambah baik perlindungan dan kebajikan golongan pekerja di negara ini. Rang undang-undang ini juga bertujuan untuk memastikan peruntukan undang-undang perburuhan negara selari dengan standard perburuhan antarabangsa yang digariskan oleh dengan izin, *International Labour Organization* (ILO).

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dimaklumkan, rang undang-undang ini merangkumi pindaan kepada peruntukan sedia ada Akta 265, kemasukan peruntukan baharu dan pemotongan peruntukan sedia ada Akta 265.

Pindaan kepada peruntukan sedia ada. Antara peruntukan-peruntukan sedia ada Akta 265 yang dipinda melibatkan fasal-fasal yang berikut.

Fasal 2 – Takrif Baharu Dan Pindaan Takrif. Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 mengenai tafsiran dengan memasukkan takrif "*apprentice*", meminda takrif "*apprenticeship contract*", "*domestic servant*", dan "*foreign domestic servant*" ke dalam Akta 265.

Fasal 3 – Pelanjutan Tempoh Rayuan. Fasal 3 antara lain memperuntukkan pelanjutan tempoh rayuan bertulis kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja daripada 14 hari kepada 21 hari.

Fasal 6 dan fasal 7 – Pembayaran Gaji. Fasal 6 dan fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 25 dan 25A [Akta 265] berhubung dengan kewajipan majikan membayar gaji melalui akaun pekerja bagi menyelaraskan peruntukan di bawah Akta 265, dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759], dan Akta Institusi Pembangunan Kewangan 2002 [Akta 618].

Melalui fasal ini juga, subseksyen 25(4) baharu dimasukkan ke dalam Akta 265 bagi memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia untuk mengiktiraf pengeluar instrumen pembayaran ditetapkan yang diluluskan, dengan izin, *approved issuer of designated payment instrument* bagi maksud pembayaran gaji. Pindaan ini bertujuan untuk memudahkan Kementerian Sumber Manusia membuat pemantauan dan penguatkuasaan berhubung pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja.

Di samping itu, pindaan ini selari dengan pemodenan sistem perbankan pada ketika ini yang menggalakkan kepada, dengan izin, *cashless society* di mana transaksi kewangan boleh dilakukan melalui medium elektronik.

Fasal 9 – Keperluan Kontrak Bertulis- bagi kontraktor untuk buruh ataupun *contractor for labour*. Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 33A untuk memasukkan kehendak tambahan bagi kontraktor untuk buruh yang membekalkan pekerja kepada prinsipal, kontraktor atau subkontraktor untuk menyediakan kontrak secara bertulis. Had denda bagi kesalahan di bawah seksyen ini ditingkatkan daripada RM10 ribu, kepada RM50 ribu.

Fasal 12 – Pemanjangan Tempoh Cuti Bersalin. Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 37, Akta 265 bagi memanjangkan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari. Golongan wanita sokong saya yang ini... [Tepuk] Pada masa sekarang, Akta 265 memperuntukkan cuti bersalin tidak kurang daripada 60 hari untuk setiap kelahiran sehingga lima orang anak yang hidup.

Tempoh cuti bersalin ini tidak pernah ditambah baik sejak diperkenalkan pada tahun 1980. Cadangan untuk memanjangkan tempoh cuti bersalin ini adalah selaras dengan Konvensyen ILO mengenai *Maternity Protection Convention*, 2000 (No.183) yang

menyarankan supaya tempoh cuti bersalin ini hendaklah tidak kurang daripada 14 minggu bersamaan dengan 98 hari... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lelaki yang tepuk, perempuan tidak ada.

**Datuk Haji Awang bin Hashim:** Kita tidak bagi cutilah kalau tidak tepuk.

Fasal 20 dan fasal 21 – Pengurangan Waktu Kerja. Fasal 20 dan fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 60A dan 60C Akta 265 bagi mengurangkan waktu kerja dan waktu kerja syif daripada 48 jam seminggu kepada 45 jam seminggu.

#### ■1500

Selaras dengan dua konvensyen utama ILO berhubung waktu bekerja, iaitu dengan izin:

- (i) *Hours of Work (Industry) Convention 1919* (No. 1); dan
- (ii) *Hours of Work (Commerce and Offices) Convention 1930* (No. 30).

Pindaan ini juga memperuntukkan kuasa Menteri Sumber Manusia untuk membuat peraturan yang berkaitan dengan bekerja malam dan elaun syif.

Fasal 22 – Penambahbaikan Mengenai Cuti Sakit. Fasal 22 bertujuan untuk meminda seksyen 60F Akta 265 bagi mengasingkan cuti hospitalisasi daripada kelayakan cuti sakit minimum yang diperuntukkan kepada pekerja bagi memastikan kebajikan pekerja lebih terpelihara. Selama ini, cuti sakit maksimum yang diberikan ialah 60 hari setahun iaitu termasuk 14 hari, 18 hari atau 22 hari bergantung pada tempoh perkhidmatannya. Dengan pengasingan ini, diharap pekerja dapat menumpukan kepada pemulihan dan rawatan diri yang mencukupi sebelum mula bekerja semula setelah mengambil cuti sakit.

Fasal 24 – Penambahbaikan Mengenai Penggajian Pekerja Asing. Fasal 24 pula bertujuan untuk menggantikan seksyen 60K sedia ada dengan seksyen baharu bagi tujuan penambahbaikan Akta 265 agar pemantauan penggajian pekerja asing dapat dibuat dengan lebih berkesan. Melalui peruntukan baharu ini, majikan yang ingin menggaji pekerja asing hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Tenaga Kerja terlebih dahulu sebelum dibenarkan membuat permohonan pekerja asing.

Peruntukan yang sama telah pun diperuntukkan dalam Ordinan Buruh Sabah Bab 67 dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76. Mana-mana majikan yang menggaji pekerja asing tanpa kelulusan Ketua Pengarah Tenaga Kerja boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100 ribu, atau penjara tidak melebihi lima tahun. Di bawah peruntukan baharu ini juga, majikan yang memohon pekerja asing hendaklah mematuhi undang-undang perburuhan yang berkaitan.

Fasal 43 – Penalti Am. Fasal 43 bertujuan untuk meminda seksyen 99A, Akta 265 bagi menaikkan kadar penalti am di bawah Akta 265 daripada denda tidak melebihi RM10 ribu kepada denda tidak melebihi RM50 ribu. Cadangan ini dimasukkan bagi meningkatkan lagi di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan baharu yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam pindaan akta ini. Peruntukan-peruntukan baharu yang dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta 265 boleh dilihat dalam fasal-fasal yang berikut:

Fasal 4 – Pengiraan Gaji Untuk Bulan Kerja yang Tidak Lengkap. Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 18A ke dalam Akta 265 untuk mengadakan peruntukan bagi pengiraan gaji jika seseorang pekerja tidak dapat melengkapkan sebulan penuh perkhidmatannya.

Fasal 13 – Larangan Pemberhentian Wanita Hamil. Yang ini juga wanita kena sokong saya. Fasal 13- bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A ke dalam Akta 265 bagi menambah baik aspek kebajikan kepada pekerja dengan melarang majikan daripada memberhentikan pekerja wanita yang sedang dalam tempoh kehamilan atau sakit akibat kehamilan selaras dengan *The Convention on the Elimination of All Form of Discrimination against Women (CEDAW)*... [Tepuk]

Fasal 23 – Cuti Paterniti. Yang ini saya harap orang laki-laki memberi tumpuan sepenuhnya. Fasal 23 bertujuan, termasuk Tuan Yang di-Pertua- untuk memasukkan seksyen baharu 60FA ke dalam Akta 265 bagi memperuntukkan mengenai cuti paterniti bagi pekerja lelaki yang berkahwin. Yang Berhormat Senator Sr. Haji Mohamad Apandi pun terlibat.

Kementerian Sumber Manusia berpandangan adalah wajar pekerja lelaki yang berkahwin diberikan cuti paterniti supaya mereka dapat bersama-sama isteri menyambut kelahiran anak, menjaga isteri yang baru bersalin dan bayi yang baru dilahirkan serta menyelesaikan urusan tertentu seperti urusan pendaftaran anak. Perkara ini amat penting untuk menenangkan emosi isteri yang masih belum stabil selain peranan penting yang dimainkan sebagai suami atau bapa yang bertanggungjawab untuk menjaga keluarga.

Sehubungan dengan itu, pindaan ini mencadangkan pekerja lelaki yang berkahwin diperuntukkan cuti paterniti selama tujuh hari bagi setiap kelahiran tertakluk maksimum lima kelahiran. Tidak termasuk yang isteri lebih. Isteri tidak terikat dalam akta ini. Berapa pun tidak apa, tetapi tidak lebih daripada empat.

Cadangan ini bertujuan untuk memberi ruang kepada pekerja lelaki yang isterinya bersalin supaya dapat menguruskan urusan kelahiran anak dalam tempoh masa yang mencukupi. Cadangan ini juga selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, cerai SR.5.4.2 yang menekankan konsep mengutamakan keluarga, dengan izin, *family first* yang mana pegawai perkhidmatan awam lelaki boleh diberi cuti selama tujuh hari sebagai cuti tanpa rekod untuk membantu urusan ketika isterinya bersalin... [Tepuk]

Pegawai awam kena sokong. Melalui pindaan ini pekerja-pekerja lelaki sektor swasta akan turut menikmati faedah-faedah yang sama seperti mana penjawat awam. Jadi semua terlibat, keseluruhan secara holistik dalam pindaan akta-akta ini. Tidak lagi awam termasuk pihak swasta.



Fasal 25 – Penamatan Penggajian Pekerja Asing. Fasal 25 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 60KA ke dalam Akta 265 mengenai kewajipan majikan apabila berlaku penamatan penggajian pekerja asing. Di bawah seksyen baharu ini, majikan hendaklah dalam tempoh 30 hari memaklumkan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja mengenai penamatan pekerja asing mengikut cara yang ditetapkan.

Dalam hal ini, pekerja asing, menamatkan pekerjaannya atau melarikan diri, pemakluman tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pekerja asing itu menamatkan pekerjaannya atau selepas pekerja itu tiada.

Fasal 27 – Aturan Kerja Fleksibel, dengan izin, *Flexible Working Arrangement*. Fasal 27 bertujuan untuk memasukkan bahagian baharu XIIC ke dalam Akta 265 bagi membolehkan pekerja memohon kepada majikan bagi suatu aturan kerja fleksibel, dengan izin, *flexible working arrangement* bagi jenis pekerjaan yang sesuai bagi membenarkan pekerja melaksanakan pekerjaannya mengikut kesesuaian waktu kerja, hari bekerja atau tempat kerja.

Cadangan pindaan ini adalah bertepatan dan sesuai dengan budaya kerja hibrid atau, dengan izin, *hybrid working culture* yang diamalkan pada masa ini terutamanya dalam situasi pekerja digalakkan untuk membuat kerja dari rumah bagi mengawal penularan wabak termasuk COVID-19. Walau bagaimanapun, pekerja dan majikan masih lagi tertakluk kepada peruntukan lain di bawah Akta 265.

Fasal 30 – Larangan Diskriminasi. Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 69F bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk menyiasat sebarang aduan berhubung diskriminasi dalam pekerjaan berhubung isu-isu pekerjaan dan membuat apa-apa perintah atau keputusan berhubung dengan aduan itu selaras dengan Konvensyen ILO berkaitan, dengan izin, *Discrimination (Employment and Occupation) Convention 1958* (No. 111).

Fasal 36 – Notis Berhubung Gangguan Seksual. Fasal 36 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 81H bagi mengenakan kewajipan tambahan kepada majikan supaya mempamerkan notis pencegahan gangguan seksual di tempat kerja bagi meningkatkan kesedaran dan mencegah perlakuan gangguan seksual di tempat kerja.

#### ■1510

Fasal 40 perintah mahkamah untuk bayaran tertunggak kepada pekerja. Fasal 40 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 87(A) bagi memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan mana-mana majikan yang disabitkan kesalahan berkaitan dengan pembayaran gaji atau apa-apa bayaran lain supaya melunaskan semua bayaran tertunggak kepada pekerja. Mahkamah boleh atas permohonan pekerja mengeluarkan waran untuk melevi harta benda majikan bagi pembayaran gaji yang tertunggak tersebut.

Fasal 41 kesalahan buruh paksa- *force labour*. Fasal 41 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 90(B) ke dalam Akta 265 mengenai buruh paksa. Di bawah peruntukan ini mana-mana majikan yang mengugut, memperdaya atau memaksa pekerjaannya untuk

menjalankan sebarang aktiviti perkhidmatan atau kerja dan menghalang pekerjaanya daripada meninggalkan tempat di mana aktiviti perkhidmatan atau kerja tersebut dilakukan iaitu melakukan kesalahan buruh paksa di bawah Akta 265. Majikan boleh didenda sehingga RM100 ribu atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Fasal 44 anggapan mengenai siapakah pekerja dan majikan, *presumption as to who is as an employee and employer*. Fasal 44 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 101(C) ke dalam Akta 265 bertujuan untuk memperuntukkan mengenai keadaan-keadaan yang membolehkan anggapan yang dibuat mengenai siapakah pekerja dan majikan dengan izin, *presumption as to who is an employee and employer*. Dalam apa-apa prosiding jenayah di bawah akta ini sekiranya tiada kontrak perkhidmatan bertulis. Anggapan ini boleh digunakan dalam prosiding jenayah tersebut bagi menentukan sama ada seseorang itu digaji di bawah kontrak perkhidmatan- *contract of service*, atau kontrak untuk perkhidmatan- *contract for service*, dengan *Employment Relationship Recommendation, 2006 (No. 198)*.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang dimansuhkan. Berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan, dimansuhkan melalui pindaan ini, fasal-fasal yang berkaitan adalah seperti yang berikut. Fasal 10 penggajian wanita. Fasal 10 bertujuan untuk memotong Bahagian Lapan Akta 265 yang mengandungi peruntukan khusus mengenai wanita yang bekerja pada waktu malam dan bekerja di bawah tanah. Bahagian ini dicadangkan dimansuhkan bagi memberi layanan dan perlindungan saksama kepada pekerja wanita dan lelaki selaras dengan Konvensyen ILO berkaitan, dengan izin, *Discrimination (Employment and Occupation) Convention, 1958 (No. 111)*.

Fasal 26, siasatan terhadap aduan mengenai diskriminasi. Fasal 26 bertujuan untuk memotong seksyen 60(L) iaitu mengenai kuasa Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk menyiasat aduan diskriminasi dalam penamatan kerja antara pekerja tempatan dan pekerja asing. Fasal 15, fasal 29 dan 35 membatalkan klausa had gaji. Fasal 15, Fasal 29 dan Fasal 35 bertujuan untuk memotong seksyen 44(A), seksyen 69(B), 69(C), 69(D), 69(E), seksyen 81(G) Akta 265 masing-masing berhubung dengan pengendalian siasatan aduan daripada pekerja yang bergaji RM2,000 sebulan sehingga RM5,000 sebulan. Kita beri penekanan dalam bab ini.

Peruntukan ini dicadangkan dimansuhkan kerana akta ini akan diperluaskan liputan perlindungan kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji. Dengan perluasan liputan ini semua pekerja tanpa mengira had gaji di sektor swasta akan menikmati faedah-faedah yang ditetapkan di bawah Akta 265 tertakluk kepada syarat tertentu. Dalam perkara ini, pindaan akan dibuat kepada Jadual Pertama Akta 265 bagi membolehkan Akta 265 secara umumnya terpakai kepada semua pekerja dalam sektor swasta tanpa mengira had gaji.

Pindaan kepada Jadual Pertama tersebut akan dibuat melalui suatu perintah selaras dengan kuasa Menteri Sumber Manusia di bawah sub seksyen 2(2) Akta 265. Draf perintah

tersebut telah disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan akan dikuatkuasakan bersekali dengan kuat kuasa pindaan Akta 265 ini setelah ia diluluskan oleh Parlimen dan diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agong pada satu tarikh yang akan ditentukan kelak.

Fasal 42 menggugurkan kesalahan berkaitan penggajian pekerja wanita. Fasal 42 bertujuan untuk memotong seksyen 93 iaitu menggugurkan kesalahan yang dilakukan oleh majikan berkaitan penggajian pekerja wanita yang bekerja pada waktu malam di bawah tanah dan larangan-larangan lain yang ditetapkan oleh Menteri Sumber Manusia.

Kementerian Sumber Manusia turut mencadangkan pindaan-pindaan lain dalam rang undang-undang ini yang tidak diperkatakan secara khusus kerana ia merupakan pindaan kecil atau berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 ini merupakan suatu langkah pembaharuan undang-undang yang sangat signifikan bagi menambah perlindungan dan kebajikan golongan pekerja di negara ini. Secara keseluruhannya menunjukkan usaha dan komitmen kerajaan dalam memastikan Undang-undang Buruh Negara selaras dengan standard perburuhan dan instrumen sejagat bagi meningkatkan dan memudahcarakan penyertaan Malaysia dalam apa jua perdagangan antarabangsa.

Kerajaan berharap dengan pindaan dan cadangan baharu yang telah dibuat melalui rang undang-undang ini, aspek kebajikan, perlindungan dan pengurusan perburuhan negara akan menjadi bertambah baik ke arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kementerian Sumber Manusia turut berharap agar bilangan pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia yang kini hanya berjumlah 580 orang iaitu nisbah seorang pegawai kepada 24,207 orang pekerja ditambah bilangannya selaras dengan nisbah yang dicadangkan oleh ILO iaitu seorang pegawai bersamaan dengan atau nisbah kepada 20 ribu.

Menurut ILO, semua tempat pekerjaan perlu diperiksa setiap tahun. Jika dengan kapasiti Pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sedia ada, pemeriksaan berkanun hanya dapat dilakukan kepada 787,322 buah tempat pekerjaan setiap 11 tahun sekali yang meliputi 14.04 juta orang pekerja.

Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam menjayakan Rang Undang Kerja (Pindaan) 2021 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas permukaan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021. Ada sesiapa menyokong.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak)[Dato Hajah Hanifah Hajar Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Kerja 1955 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya menjemput pembahas yang pertama Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau. Dipersilakan. Saya tidak beri had masa terpulung pada Yang Berhormat. Silakan.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dalam ambil bahagian dalam sesi perbahasan bagi Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021.

■1520

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, penerangan yang begitu jelas dan komprehensif dan saya ingin memulakan perbahasan ini dengan ucapan tahniah kepada kementerian kerana berjaya membekalkan 98 hari cuti bersalin bagi wanita dan sebagai permulaan tujuh hari paterniti kepada warga suami pada petang yang mulia ini.

Saya pasti keputusan yang dicapai ini bukan senang. Pasti adanya kesatuan majikan yang membantah, merungut dan mungkin menggertak kepimpinan kementerian. Walau apa pun kementerian tetap dalam menjangakan hak pekerja. Syabas sekali lagi untuk mereka yang bertungkus-lumus membekalkan pindaan ini dan saya berharap kementerian akan sentiasa mengkaji keperluan asas seperti ini. Saya ulang, sentiasa kaji dan selidik dan membawakan perubahan yang komprehensif untuk rakyat dan demi rakyat. Janganlah sekali lagi naikkan cuti dan selepas itu tiada sebarang penambahbaikan.

Kekerapan kajian perlu ada. Saya cadangkan setiap dua tahun kementerian melaksanakan pembaharuan yang bersesuaian dengan keadaan pada masa itu. Berkenaan dengan cuti paterniti kalau kita ambil contoh syarikat antarabangsa atau pertubuhan antarabangsa yang berada di Malaysia seperti UN, IOM mereka memberi 30 hari cuti paterniti. Ini sebagai langkah memastikan para suami berada bersama dengan isterinya yang baru bersalin.

Tempoh masa tersebut amat penting untuk pembinaan institusi keluarga untuk pengenalan kepada peranan ibu dan bapa dan sebagainya. Walaupun tujuh hari yang tersebut bukanlah banyak mungkin tidak selari dengan keadaan semasa tetapi saya yakin bakal bapa akan menggunakannya secara bertanggungjawab. Saya cadangkan kepada kementerian untuk tambah baik cuti paterniti pada tahun-tahun yang akan datang.

Berkenaan dengan cuti bersalin *maternity*, saya memohon kementerian juga menambahkan klausa dalam membenarkan para ibu yang kembali bekerja selepas cuti 98 hari tersebut diberikan kelonggaran yang untuk balik sekurang-kurang dua jam awal dari waktu kerja yang sepatutnya sekurang-kurangnya untuk tiga bulan. Ia sebagai satu langkah menggalakkan ibu menyusukan bayinya, dengan izin, *to encourage breastfeeding*. Akan senang untuk ibu bekerja mereka seperti yang lain mereka perlu bangun awal, sesak dalam trafik, masuk kerja dan pikul amanah yang dipertanggungjawabkan.

Sebagai sebuah negara yang mengutamakan para wanita, saya memohon Kementerian mempertimbangkan klausa mewajibkan majikan untuk membenarkan para ibu yang mula bekerja selepas cuti bersalin 98 hari diberi kelonggaran untuk balik sekurang-kurangnya dua jam awal berbanding waktu yang sepatutnya... [*Tepuk*] Biarlah mereka balik awal ke rumah tengok bayi mereka. Saya berharap cadangan ini boleh dimulakan dalam sektor kerajaan dengan kadar yang segera.

Saya juga mempunyai satu soalan bagaimana Kementerian akan memastikan tiada elemen diskriminasi dalam proses pengambilan pekerja semasa seseorang itu atau wanita itu hamil. Dalam pindaan yang dimaksudkan, saya faham adanya perlindungan daripada pemberhentian semasa kehamilan. Akan tetapi, bagaimana pula jika permohonan seseorang itu secara tidak dalam rekod ditolak disebabkan pemohon tersebut hamil atau baru kahwin. Mohon penjelasan daripada Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada peruntukan gangguan seksual dalam pindaan ini. Selain menyiarkan notis bagi meningkatkan kesedaran tentang gangguan seksual dan meningkatkan denda bagi majikan, perkara-perkara seperti ini adalah asas. Apakah langkah teknikal yang Kementerian Sumber Manusia menekankan agar sesebuah tempat kerja itu selamat daripada sebarang bentuk gangguan seksual? Ini terpakai kepada wanita dan lelaki bukan wanita sahaja ini terpakai juga kepada kaum lelaki juga. Janganlah sekadar notis denda. Apakah langkah yang komprehensif diambil oleh Kementerian Sumber Manusia?

Juga, saya mohon penjelasan bagaimana Kementerian memastikan tiada elemen diskriminasi dalam perkara yang berkaitan dalam pengambilan kerja, kenaikan pangkat, gaji yang diberi dan sebagainya. Bagaimana kita dapat menghindari diskriminasi yang berkaitan dengan agama, keturunan, wilayah, warna kulit dan sebagainya dalam sebarang proses yang berkaitan dengan kerja? Bagaimanakah Kementerian akan melindungi rakyatnya daripada elemen yang tidak langsung ini?

Tuan Yang di-Pertua, beralihlah kepada isu buruh paksa dan usaha Kementerian dalam menanganinya. Seperti yang dibangkitkan pada pagi di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Senator Puan Noraini, di Amerika Syarikat mereka bermula menyekat kemasukan Kelapa Sawit Malaysia ke negara itu disebabkan dakwaan penggunaan buruh paksa oleh syarikat GLC seperti Sime Darby dan juga syarikat swasta IOI. Adakah juga masalah dengan Kesatuan Eropah dalam perkara yang sama?

Isu buruh paksa ini amat serius. Dakwaan seperti ini mencemarkan nama baik negara kita yang kita sayangi, Malaysia. Sejauh mana langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membendung isu yang dikaitkan dengan buruh paksa. Sejauh mana situasi buruh paksa di negara kita dan apakah inti pati dan pencerahan yang diharapkan atau diusahakan dengan mendeposit ratifikasi Protokol 29 Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau dalam bahasa Inggeris ILO yang berhubung buruh paksa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia ini kementerian yang agak dekat dengan masyarakat umum. Kerja mereka adalah secara langsung memberikan impak dan kepada penduduk-penduduk Malaysia. Saya berharaplah semua setiap pandangan, cadangan dan pertanyaan yang dilontarkan dapat diberikan perhatian dan penjelasan yang sewajarnya. Dengan ini, saya menyokong pindaan yang diusahakan. Sekian sahaja, terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

### 3.28 ptg.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi ruang dan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 pada hari ini. Terima kasih dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Datuk Haji Awang bin Hashim. Banyak perubahan yang akan dilakukan, *insya-Allah*.

Saya menyambut baik pindaan kepada Rang Undang-undang Kerja dan saya ucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana membawa perkara ini kepada Parlimen untuk diluluskan. Berdasarkan pengalaman korporat dan juga penglibatan saya bersama agensi-agensi kerajaan, saya melihat kepentingan undang-undang kerja dalam memastikan daya saing ekonomi negara kita sambil memastikan warga pekerja negara kita tidak tertindas.

Untuk Malaysia khususnya, kita memerlukan Undang-undang Kerja yang kondusif untuk memastikan penglibatan wanita sebagai tenaga kerja negara. Mengapakah saya berkata demikian? Ia berkaitan dengan trend penyertaan wanita di universiti yang semakin meningkat berbanding lelaki. Laporan *Global Gender Gap Index 2021* oleh *World Economic Forum* menyatakan bahawa di Malaysia lebih kurang 50 daripada 100 orang wanita akan memasuki universiti berbanding kepada 41 daripada 100 orang lelaki.

### ■1530

Akan tetapi kini, dalam laporan yang sama ia menyatakan cuma 56 daripada 100 orang wanita bekerja berbanding 81 daripada 100 orang lelaki. Kita perlu mewujudkan suasana yang kondusif untuk wanita bekerja jikalau kita tidak ingin kehilangan pekerja yang berpendidikan. Ini bukan merupakan isu wanita tetapi merupakan isu berkaitan kebolehsaingan ekonomi Malaysia yang perlu dipandang dengan serius.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan itu terdapat tiga aspek yang saya ingin sentuh berkaitan rang undang-undang ini. Pertama, pindaan berkaitan cuti ibu bersalin atau *maternity leave* dan *paternity leave* di bawah seksyen 37 dan seksyen 60F(a). Saya menyambut baik pindaan ini di mana para ibu mendapat peningkatan cuti bersalin sehingga 98 hari dan para bapa kini mendapat tujuh hari cuti apabila isteri bersalin. Ini merupakan langkah ke hadapan yang baik. Akan tetapi, saya merasakan bahawa terdapat juga pendekatan lain yang boleh dipertimbangkan oleh kementerian.

Saya ingin menyarankan kementerian untuk mempertimbangkan konsep cuti keibubapaan atau *shared parental leave*, dengan izin, yang diamalkan oleh sesetengah negara Eropah di mana cuti yang diberikan apabila anak dilahirkan boleh dikongsi di antara ibu dan bapa. Maksudnya, jikalau 98 hari cuti ditetapkan, ia boleh diambil oleh ibu ataupun bapa dengan syarat kegunaan mereka berdua tidak melebihi 98 hari. Saya ingin mengingatkan kepada semua bahawa tanggungjawab menjaga anak merupakan tanggungjawab bersama dan bukan ibu sahaja. Lebih-lebih lagi dengan trend pendidikan dan penglibatan pekerjaan wanita yang saya telah sebutkan seketika tadi.

Pelbagai kajian menunjukkan kewujudan penalti keibuan atau *motherhood penalty*, dengan izin, di mana seorang wanita akan mengalami diskriminasi di tempat kerja oleh sebab mengambil keputusan untuk melahirkan anak. Wanita tersebut akan diketepikan daripada projek yang penting dan juga peningkatan jawatan. Dengan adanya mekanisme perkongsian cuti ini, perkara ini dapat mengurangkan diskriminasi tersebut dan pada masa yang sama membolehkan para ibu dan para bapa untuk melibatkan diri dalam penjagaan anak. Kita tidak sepatutnya mewujudkan situasi di mana rangka kerja atau *framework*, dengan izin, undang-undang kerja kita menganggap tanggungjawab menjaga anak merupakan tanggungjawab ibu semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin utarakan adalah berkaitan pemotongan seksyen 44A Akta Ibu. Seksyen 44A menyebut bahawa aplikasi cuti bersalin dan elaun berkait ini akan dibuat kepada semua wanita tanpa mengira jumlah gaji. Saya difahamkan dengan pemotongan seksyen ini, Akta Kerja ini hanya akan diaplikasikan kepada wanita bergaji RM2,000 dan ke bawah.

Berdasarkan laporan media, pihak kementerian telah mengatakan bahawa ia akan membuat Peraturan Menteri untuk menangani perkara ini. Saya ingin mendapat jaminan daripada pihak kementerian yang peraturan ini akan dikeluarkan dengan secepat mungkin dan juga ingin memohon pihak kementerian untuk menyatakan dengan jelas, terang dan nyata tentang bilakah peraturan ini akan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga dan terakhir daripada saya adalah berkaitan liputan skop Akta Kerja kepada *gig* ekonomi. Saya mengambil maklum perkara ini telah disebut dengan panjang lebar di Dewan Rakyat. Akan tetapi saya juga merasakan keperluan untuk menyarankan kepada pihak kementerian untuk terus mengkaji perkara tersebut.

Kementerian perlu mempertimbangkan pindaan akta ini mahupun akta baru untuk melindungi para pekerja *gig* ekonomi. Dalam masa yang sama, pihak kementerian juga harus mengkaji cara untuk memastikan penglibatan rakyat kita dalam *gig* ekonomi yang bersifat kemahiran rendah seperti penghantaran makanan atau pengangkutan tidak didominasi oleh pekerja berpendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sentuh berkenaan rang undang-undang ini. Saya berharap agar kementerian dan semua agensi berkaitan dapat melaksanakan pindaan dan pembaharuan ini dengan baik. Rang Undang-undang Kerja merupakan benteng pertahanan bagi hak rakyat Malaysia untuk bekerja dengan bermaruah sambil memastikan kami boleh membangunkan keluarga kukuh demi masa depan negara. Sebuah pantun khas untuk Tuan Yang di-Pertua.

*Anak kecil suka dimanja;  
Dipeluk sayang ayahanda bonda.  
Keluarga kukuh membina bangsa;  
Negara makmur maju sejahtera... [Tepuk]*

Saya dengan ini menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa atas perbahasan yang diberikan. Maaf, saya tidak pandai pantun... *[Ketawa]*

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai untuk mengemukakan perbahasan, dipersilakan.

### **3.36 ptg.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa fasal yang bermakna yang akan dipinda patutlah disokong mengikut senario dan keadaan sekarang, terkini. Satu pindaan yang ramai mengalu-alukan ialah pindaan kepada fasal 12 untuk menaikkan tempoh cuti bersalin untuk kesemua pekerja wanita daripada 90 hari kepada 98 hari. Memanglah itu tidak cukup berbanding dengan ILO iaitu di antarabangsa, Australia sekarang memberi 126 hari untuk bersalin tetapi memang kita akan naikan nanti kepada setaraf dengan Australia. Saya setuju sekarang untuk naik kepada 98 hari dulu.

Menerusi pindaan fasal 23 juga, cuti paterniti suami- suami yang sah, daripada tiga hari kepada tujuh hari, khas untuk yang bekerja dengan majikan, yang bukan lagi terhad kepada yang bekerja dengan majikan sama dalam tempoh 12 bulan. Melalui pindaan ini,



pekerja sektor swasta juga turut menikmati faedah seperti penjawat awam. Kemudahan yang akan diluluskan ini akan bukan hanya untuk pekerja yang menerima gaji di bawah RM2,000 sebulan sahaja. Ini memang kita alu-alukan, yang mana ketika dulu hanya diberi kepada mereka yang bekerja dan berpendapatan kurang dari RM2,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan sahaja melibatkan pekerja di Semenanjung tetapi tidak melibatkan kami di Sarawak kerana Sarawak hari ini ada undang-undang sendiri ialah *Sarawak Labour Ordinance*. Kemungkinan pindaan seperti ini dapatlah dipakai masa sesuai ke hadapan di Sarawak. Dengan ini, saya menyokong penuh rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas perbincangan tadi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin, dipersilakan.

■1540

3.40 ptg.

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbincangan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021.

Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kakitangan Kementerian Sumber Manusia kerana berjaya membawa rang undang-undang ini yang membuktikan usaha dan komitmen kerajaan dalam memastikan Undang-undang Buruh Negara selaras dengan standard perburuhan dan instrumen sejagat. Rang undang-undang ini merupakan suatu langkah pembaharuan undang-undang yang signifikan bagi menambah baik perlindungan dan kebajikan golongan pekerja di negara ini serta meningkatkan imej dan menjadi pemudah cara penyertaan Malaysia dalam apa juga perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya sentuh ialah cuti bersalin. Bagi sektor swasta, cuti bersalin selama 90 hari merupakan perkara biasa bagi wanita yang bekerja di sektor awam dan dalam rang undang-undang ini telah memperuntukkan tempoh cuti 90 hari kepada para ibu yang bekerja di sektor swasta adalah sangat wajar. Mengambil contoh negara maju yang lain secara purata kebanyakannya memperuntukkan cuti bersalin sekurang-kurangnya 120 hari.

Negara jiran kita seperti Singapura telah memberikan cuti bersalin sebanyak empat bulan manakala Vietnam empat bulan hingga enam bulan kepada para ibu yang bersalin. Mungkin ada di kalangan majikan tidak bersetuju dengan pindaan terbaru ini. Sesetengah majikan berfikir kerugian besar bagi mereka mengambil pekerja wanita atas faktor cuti bersalin dan gaji tetap berjalan seperti biasa. Bagi meringankan bebanan majikan, adakah terdapat

sebarang inisiatif atau bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi mencapai matlamat utama pindaan rang undang-undang ini?

Pada masa hadapan, adakah pihak kerajaan berhasrat ingin mengkaji semula tempoh cuti bersalin yang lebih baik iaitu cuti sebelum dan selepas bersalin, memandangkan golongan ibu mengandung amat terdedah kepada sebarang risiko. Pemberian cuti ini amatlah penting bagi memastikan pekerja wanita memiliki rehat secukupnya kerana tempoh berpantang amat memenatkan. Ia ibarat serampang dua- mata yang mana dalam fasa seseorang wanita itu berhempas pulas menyembuhkan luka dan memulihkan badan sendiri di samping perlu peka kepada kesihatan dan kehendak bayi masing-masing. Penjagaan psikologi para ibu dan anak juga sangat penting dan harus dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik pemberian cuti paterniti kepada para bapa kerana ia adalah suatu yang perlu dan telah lama dinantikan oleh kakitangan swasta di seluruh negara. Pada 15 Mac lalu, terdapat satu desakan daripada lebih 50 buah badan bukan kerajaan yang menggesa semua Ahli Parlimen menyokong cadangan pelaksanaan cuti paterniti. Situasi di atas telah memberi contoh yang jelas kepada pihak kerajaan bahawa rakyat inginkan cuti paterniti sebanyak tujuh hari diberikan kepada para bapa.

Tempoh tujuh hari cuti bukanlah lama bagi para suami, Tuan Yang di-Pertua supaya mereka dapat bersama-sama isteri tersayang menyambut kelahiran bayi, menjaga isteri yang baru bersalin dan bayi yang baru dilahirkan serta menyelesaikan urusan tertentu, lebih-lebih lagi urusan pendaftaran anak. Pemberian cuti ini juga dapat membantu sedikit sebanyak psikologi ibu dan anak yang masih belum stabil, selain peranan penting yang dimainkan sebagai suami atau bapa yang bertanggungjawab menjaga keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan yang penuh terhadap pindaan dalam rang undang-undang ini dengan memasukkan seksyen baru 69(f) yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk menyiasat sebarang aduan berhubung diskriminasi dalam pekerjaan.

Diskriminasi di tempat kerja boleh memusnahkan semangat pekerja dan diskriminasi di tempat kerja bukan sahaja menyakitkan orang yang di diskriminasi tetapi juga boleh merosakkan seluruh organisasi. Tingkah laku diskriminasi secara beransur-ansur menghancurkan persekitaran tempat kerja, mewujudkan suasana di mana pekerja merasakan tidak bernilai dan mampu mengakibatkan gangguan emosi. Langkah yang diambil ini adalah bertepatan dan tepat pada masanya. Namun kerajaan perlu melihat dalam skop yang lebih besar apabila terdapat juga diskriminasi terhadap mereka yang mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, peluang melanjutkan pelajaran ke menara gading tidak lagi menjadi jaminan kepada mahasiswa untuk memperoleh pekerjaan selepas mereka tamat pengajian kelak. Diskriminasi yang berlaku ke atas pencari kerja dan juga pekerja bukan sahaja berdasarkan bangsa, malah juga berasaskan kepada jantina, agama, ketidakupayaan, status perkahwinan, kehamilan dan juga bahasa. Bagi memastikan para pekerja dan pencari

kerja yang di diskriminasi oleh individu ataupun organisasi mendapat keadilan yang sepatutnya, saya menyarankan agar pihak kementerian menyediakan satu buah platform yang lebih pantas, efisien dan mesra pengguna dibuat bagi memastikan setiap aduan dapat disalurkan dengan lebih mudah.

Jumlah penguatkuasaan dari agensi yang bertanggungjawab juga perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar segala bentuk diskriminasi dan salah laku dapat dibendung dan dibanteras habis-habisan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, rang undang-undang ini memang perlu disegerakan dan diluluskan dengan sebulat suara supaya dapat meningkatkan perlindungan dan kebajikan pekerja dengan beberapa penambahbaikan bagi memastikan para pekerja dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rendah diri, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

### **3.48 ptg.**

**Puan Noraini binti Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021. Tuan Yang di-Pertua, proses pemulihan ekonomi yang turut direncanakan bersama oleh Majlis Pemulihan Negara sudah menampakkan hasil yang positif.

Namun begitu, dalam keadaan pasaran kerja sedang aktif menawarkan peluang pekerjaan buat rakyat, aspek perlindungan pekerja wajar diberikan perhatian oleh kerajaan menerusi perundangan. Pindaan yang dimuatkan dalam Rang Undang-undang Kerja ini dilihat mampu mewujudkan kesinambungan baharu dalam membentuk persekitaran kerja yang sihat dan kondusif menerusi ketetapan-ketetapan baharu yang antaranya dimasukkan sebagai peruntukan tambahan iaitu seksyen 18(A).

Secara dasarnya pengwujudan kaedah pengiraan baharu bagi penggajian pekerja yang tidak cukup sebulan tempoh perkhidmatan yang disebut dalam seksyen tersebut amat diperlukan.

### **■1550**

Lebih-lebih lagi dalam keadaan ketidakpastian *survival* ekonomi bagi sektor-sektor kerja tertentu, khususnya yang berskala kecil. Hak serta keadilan buat golongan pekerja dalam aspek penggajian wajar digariskan dalam Rang Undang-undang Kerja ini. Golongan majikan wajar mematuhi formula pengiraan gaji bagi pekerja yang tidak sampai sebulan bekerja bagi

mengelakkan rasa tidak puas hati bekas pekerja mereka. Jangan hanya disebabkan pekerja kita tidak bekerja sampai sebulan, kita sebagai majikan sewenang-wenangnya menggunakan alasan pemberhentian mereka untuk melengahkan pembayaran gaji mereka.

Lebih teruk lagi, ada segelintir majikan yang tidak berhati perut, yang tidak langsung membayar gaji bekas pekerja biarpun selepas berbulan-bulan mereka berhenti. Tindakan melengah-lengahkan pembayaran upah pekerja ini, merupakan satu bentuk penindasan terhadap golongan pekerja yang memerlukan perhatian serius serta pembelaan Mahkamah Perusahaan yang dipertanggungjawabkan kepada kementerian.

Mendepani cabaran ekonomi era Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan merealisasikan pemberian gaji minimum RM1,500 bermula 1 Mei ini, Kementerian Sumber Manusia seharusnya mewujudkan pelan tindakan yang komprehensif bagi memastikan perihal penggajian yang digariskan dalam Akta Kerja, dipatuhi sepenuhnya oleh para majikan swasta.

Sesi libat urus yang akan direncanakan oleh pihak kementerian bersama pengusaha sektor PKS kelak, diharapkan dapat membentuk kefahaman daripada aspek perundangan serta prosedur tertentu yang membolehkan mereka menguruskan sumber manusia mereka dengan baik. Saya difahamkan, setakat 15 Februari lalu, Kementerian Sumber Manusia telah menerima aduan sejumlah 4,661 aduan berkaitan kelewatan dan keengganan pembayaran gaji oleh pihak majikan. Apa yang bagus, aduan tersebut disalurkan menerusi aplikasi dalam talian yang diberi nama *Working for Workers*.

Secara peribadi, saya menyambut baik inisiatif kementerian dalam mewujudkan aplikasi dalam talian tersebut yang relevan dan penting bagi golongan pekerja di negara ini, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi pekerjaan yang semakin getir hari ini. Kementerian seharusnya mengemas kini secara berkala aplikasi *Working for Workers* tersebut dengan pembinaan ciri-ciri baharu yang terkini dan relevan dengan senario pekerjaan semasa.

Dalam aspek pengaduan terhadap majikan, perincian yang *up-to-date* terkini akan memudahkan lagi pihak pengadu daripada kalangan pekerja merekodkan pemberitahuan aduan berkaitan apa-apa jua tuntutan gaji yang tidak dilangsaikan oleh bekas majikan. Sewajarnya, kemas kini yang dilakukan bagi aplikasi tersebut menyediakan kemudahan-kemudahan digital yang diperlukan oleh pihak majikan dan pekerja khususnya.

Aplikasi seperti *Working for Workers* tersebut seharusnya berfungsi sebagai pemudah cara bagi golongan majikan dan pekerja untuk memahami ketetapan-ketetapan terbaharu yang perlu dipatuhi oleh mereka, mengikut lunas perundangan yang digariskan dalam Akta Kerja ini. Selain itu, paparan-paparan terpenting seperti formula pengiraan gaji seperti yang dinyatakan dalam seksyen 18A harus dimuatkan dalam aplikasi tersebut. Paparan yang berkaitan dengan pematuhan-pematuhan Akta Kerja yang lain, mampu memudahkan golongan majikan dalam urusan penyediaan pendokumentasian bagi pengambilan dan penggajian pekerja, baik pekerja tempatan mahupun asing.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini juga turut meliputi perihal pekerja asing yang merupakan segmen penting bagi sektor 3D iaitu “*Dirty*”, “*Dangerous*”, and “*Difficult*” atau “kotor, bahaya dan sukar” di negara kita.

Tuduhan demi tuduhan yang dilemparkan oleh negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah ke atas industri kelapa sawit negara terutama tentang isu eksploitasi tenaga buruh asing memerlukan perhatian bersama daripada Kementerian Sumber Manusia. Biar pun isu yang melibatkan industri sawit ini terletak di bawah kendalian Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, namun Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab dalam perihal tenaga buruh asing, wajar melakukan siasatan industri atau *industrial investigation* terhadap pengurusan sumber tenaga pekerja asing dalam sektor minyak sawit tempatan.

Kementerian Sumber Manusia perlu mewujudkan ketegasan dalam aspek penguatkuasaan perundangan dalam soal pengambilan serta pemberhentian pekerja asing. Tiada ertinya jika kita saban kali meminda akta-akta berkaitan pekerjaan di Parlimen sekiranya pihak kementerian masih lemah dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan.

Penambahan seksyen 60K(a) dalam rang undang-undang ini membuktikan bahawa standard serta amalan buruh antarabangsa yang digariskan dalam pelan konsistensi buruh Malaysia, Amerika Syarikat dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa benar-benar menitik beratkan soal kemanusiaan global terhadap tenaga pekerja asing.

Oleh sebab itu, pematuhan perundangan yang digariskan dalam pindaan bagi seksyen 60K serta peruntukan tambahan iaitu seksyen 60K(a) yang disebut dalam rang undang-undang ini amat penting untuk pihak kementerian memantau aspek kebajikan dan pengurusan pekerja asing yang diambil bekerja dalam sektor-sektor kerja tempatan khususnya dalam sektor sawit.

Seperti gesaan saya tadi, tohmahan serta keraguan yang dilemparkan oleh pihak Amerika Syarikat terhadap amalan industri sawit kita perlu diselesaikan dengan segera. Jika tidak, ia boleh mendatangkan kesan domino terhadap eksport hasil sawit kita pada masa hadapan.

Berikutan kenaikan tarif import yang dikenakan oleh Indonesia terhadap eksport sawit mereka, Malaysia sudah menjadi negara pengeksport minyak sawit nombor satu ke India yang sebelum ini diungguli oleh negara republik tersebut. Sekiranya isu berkaitan dakwaan buruh paksa tersebut gagal ditangani dengan baik oleh kedua-dua kementerian berkaitan, Malaysia akan terdedah dengan pelbagai sekatan eksport atau *sanction* yang dikenakan oleh negara-negara luar yang sebelum ini banyak membeli minyak sawit keluaran negara kita.

Berkaitan isu tersebut, seperti insiden empat penghantaran minyak sawit keluaran negara kita yang disita oleh Jabatan Kastam dan Sempadan Amerika Syarikat pada Februari dan Mac baru-baru ini iaitu keluaran Sime Darby Plantation seperti yang telah disebut oleh rakan saya tadi Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau dalam ucapan beliau tadi.

Jadi penyitaan tersebut dikaitkan dengan perintah sekatan yang pernah dikeluarkan oleh CBP pada Disember 2020 terhadap minyak sawit keluaran syarikat tersebut.

Menerusi keprihatinan Kerajaan Keluarga Malaysia terhadap soal kebajikan pekerja asing yang dipamerkan menerusi pindaan rang undang-undang ini, saya mengharapkan agar siasatan terperinci dapat dilakukan terhadap Sime Darby Plantation serta mana-mana syarikat pengilang dan peladang sawit yang lain, yang disyaki terlibat dalam eksploitasi pekerja asing. Justeru, saya berpendirian bahawa kenaikan denda atau penalti daripada RM10 ribu kepada RM50 ribu yang dicadangkan dalam seksyen 57A dan seksyen 57B rang undang-undang ini amat wajar dan berpatutan.

Ia boleh menjadi iktibar kepada para majikan di negara ini untuk sentiasa akur dan menghormati segala prosedur perundangan dan tanggungjawab terhadap kebajikan pekerja asing yang mereka gajikan. Saya percaya dengan kejayaan rencana gaji minimum RM1,500 yang akan berkuat kuasa pada Mei nanti, kenaikan jumlah denda terhadap majikan yang diperuntukkan tersebut, mampu meningkatkan kesedaran umum terhadap betapa pentingnya soal kebajikan pekerja, khususnya pekerja asing dalam mematuhi piawaian Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, membawa suara wanita berkerjaya di Dewan yang mulia ini, saya menyambut baik pewujudan peruntukan seksyen 41A dalam rang undang-undang ini. Peruntukan tersebut akan berupaya menyekat perilaku diskriminasi terhadap pekerja wanita oleh pihak majikan. Seksyen 41A ini akan membawa dimensi baharu dalam aspek kebajikan pekerja wanita yang terdiri daripada golongan ibu. Ketiadaan peruntukan khusus yang menyentuh perihal pemberhentian pekerja wanita yang mengandung dalam Akta Kerja sebelum ini telah membuka ruang diskriminasi oleh majikan yang tidak berperikemanusiaan dalam soal hak perkhidmatan kerja atau *service soft employment* bagi golongan ibu berkerjaya.

#### ■1600

Pindaan rang undang-undang ini merupakan berita baik buat golongan ibu yang sentiasa mempunyai iltizam dan komitmen untuk menyara ekonomi keluarga menerusi rezeki yang diperolehi hasil daripada sumbangan mereka dalam bidang kerjaya mereka.

Apalah ertinya perjuangan seorang ibu tanpa sokongan suami tercinta. Pewujudan cuti paterniti berbayar selama tujuh hari buat suami kepada isteri berkerjaya yang mengandung merupakan satu tindakan prihatin Keluarga Malaysia yang dizahirkan menerusi peruntukan baharu Seksyen 60 FA rang undang-undang ini.

Di samping itu, pindaan bagi Seksyen 37 yang memperuntukkan kenaikan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari seperti yang dipersetujui oleh Majlis Dewan Rakyat tempoh hari membawa khabar gembira buat golongan ibu yang bekerja di negara ini.

Pindaan terhadap ketiga-tiga seksyen tersebut diyakini mampu meningkatkan lagi motivasi golongan wanita berkerjaya khususnya golongan ibu yang juga merupakan watak penting dalam pembinaan Malaysia sebagai negara maju.

Namun saya berharap hal ini tidak akan menjadikan pihak majikan berkira-kira ataupun berfikir dua tiga kali untuk mengambil pekerja wanita bekerja dengan mereka kerana mungkin mereka merasakan pekerja wanita menjadi *less competitive* ataupun kurang berdaya saing berbanding dengan pekerja lelaki oleh kerana cuti yang panjang boleh diberikan kepada pekerja wanita sekiranya mereka mengandung anak pertama, anak kedua, ketiga sehinggalah kelima.

Berbanding pekerja lelaki yang sudah tentu ini akan memberikan impak kepada produktiviti sesebuah syarikat dikhuatiri ini akan menjadikan timbulnya isu diskriminasi pengambilan pekerja di antara wanita dan lelaki begitu juga daripada segi kenaikan pangkat antara pekerja lelaki dan pekerja wanita.

Kemajuan negara tidak mampu dilestarikan bersama sekiranya sektor pekerjaan yang menyumbang kepada perolehan ekonomi negara masih gagal menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja. Sebagai seorang wanita yang peka terhadap isu gangguan seksual di tempat kerja, saya menyokong pewujudan Seksyen 81H yang mewajibkan majikan mempamerkan notis kesedaran gangguan seksual di tempat kerja.

Peruntukan baharu tersebut wajar diberikan perhatian serius oleh golongan majikan terutamanya majikan swasta seperti yang banyak diceritakan di media sosial. Ada di kalangan mereka tidak langsung mengendahkan aduan gangguan seksual yang pernah dilaporkan oleh pekerja mereka khususnya wanita.

Kenaikan amaun penalti kepada RM50 ribu yang dikenakan terhadap majikan yang gagal menyasat aduan gangguan seksual di tempat kerja merupakan kenaikan yang signifikan. Amaun baharu penalti tersebut diharapkan dapat dijadikan pengajaran berguna buat golongan majikan khususnya majikan yang pernah didakwa atas kesalahan jenayah gangguan seksual terhadap pekerja mereka.

Gangguan seksual merupakan antara punca kepada kemerosotan prestasi kerja pekerja terutamanya wanita. Lebih teruk lagi komunikasi kerja yang berbaur lucah di antara majikan dan pekerja juga harus ditangani dengan serius oleh Jabatan Pengurusan Sumber Manusia sesebuah organisasi kerja tanpa perlu berasa gentar terhadap sebarang ugutan tidak munasabah yang dibuat oleh pihak pengurusan tertinggi. Tuan Yang di-Pertua sekian sahaja ucapan perbahasan saya. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Kerja 2021. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

Dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee mengikut jadual masa.

**4.04 ptg.**

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 di Parlimen yang mulia ini.

Di sini saya ingin membangkitkan kekurangan pekerja asing di Malaysia. Adakah rancangan kerajaan yang sedia ada setakat ini untuk membawa masuk pekerja asing yang lebih banyak bagi merangsang ekonomi tempatan.

Sehingga kini sudah lebih daripada dua tahun semua sektor ekonomi di Malaysia menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja akibat daripada tiada sebarang kelulusan membawa tenaga kerja asing masuk ke Malaysia. Ini telah menyebabkan banyak pengusaha di negara kita tidak dapat menghasilkan sebarang seperti mana yang dijanjikan secara tidak langsung.

Pengusaha-pengusaha negara kita tidak dapat bersaing dengan negara lain dalam pasaran dunia. Seperti kita tahu pekerja asing amat penting kepada negara-negara membangun seperti Malaysia. Pekerja asing menawarkan kemahiran penting yang dapat membantu Malaysia menjadi negara ekonomi pendapatan tinggi.

Kekurangan pekerja asing akibat COVID-19 dan kekangan daripada kerajaan telah menimbulkan pelbagai masalah di ekonomi tempatan kita. Memang juga kerajaan membimbangkan isu pekerja asing daripada aspek keselamatan rakyat Malaysia daripada wabak COVID-19 terutamanya penyebaran virus *Omicron* yang muncul baru-baru ini.

Akan tetapi saya kekal yakin dalam kebolehan kerajaan dalam pengawalan wabak COVID-19 daripada golongan pekerja asing kerana Malaysia sudah ada SOP yang amat ketat daripada garis panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan setiap pekerja asing yang memasuki negara ini tidak membawa virus COVID-19 berbahaya itu.

Oleh itu saya berharap agensi dan kementerian yang berkenaan dapat mempercepatkan kemasukan pekerja asing biar pun SOP perlu dipatuhi. Isu ini bukan isu yang besar berbanding kesusahan sesetengah majikan dalam pendapatan pekerja asing untuk berniaga perniagaan mereka.

Negara kita dapat manfaat apabila kebanyakan sektor perniagaan kembali beroperasi dengan kapasiti pekerja yang cukup. Saya memang setuju dengan pendirian kerajaan bahawa peluang pekerjaan tempatan perlu diberikan keutamaan kepada pekerja tempatan.

Akan tetapi saya juga berpendapat bahawa dasar kerajaan mesti dapat berubah bila-bila masa dalam mengatasi isu-isu pekerja asing yang amat berdasar setakat ini.

Di sini saya juga ingin membangkitkan satu masalah dalam sistem pengambilan tenaga kerja asing di negara kita. Masa dahulu segala kelulusan pekerja asing adalah di



bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. Kini segala kelulusan adalah tertakluk kepada dua kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia. Ini telah menyusahkan ramai pengusaha dalam membuat permohonan pekerja asing.

Selaras dengan pembangunan negara dan teknologi, sepatutnya proses permohonan dapat dipermudahkan. Akan tetapi dukacitanya ia menjadi sebaliknya, ini bukan sahaja menyusahkan pengusaha-pengusaha semua sektor malah ia juga menunjukkan satu kelemahan dalam sistem pentadbiran negara.

#### ■1610

Sekiranya permohonan perlukan kelulusan daripada kedua-dua kementerian, saya cadangkan menubuhkan satu jawatan khas atau *one-stop centre* yang dianggotai terdiri daripada kedua-dua kementerian. Dengan ini, saya yakin sistem pameran pekerja asing di negara kita akan dapat mempertingkatkan demi kebaikan pengusahaan semua sektor.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia kerana komited mendepani isu buruh paksa dengan melaksanakan ratifikasi Protokol 29 kepada Konvensyen Buruh Paksa oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Ratifikasi ini merupakan pencapaian yang signifikan dalam sejarah pembangunan sumber manusia untuk negara. Usaha ini boleh dianggap sebagai sebahagian daripada langkah kerajaan menangani isu buruh paksa dan menunjukkan komitmen negara kita di peringkat antarabangsa. Akan tetapi, saya berharap selepas ini penguatkuasaan akan lebih ketat daripada segi tempat tinggal, penginapan pembayaran gaji dan tidak melibatkan hutang yang tinggi kepada pekerja.

Ini kerana juga hanya ada undang-undang dan akta semata-mata, namun ia akan menjadi tidak berguna sekiranya pihak majikan tidak mematuhi. Jadi penguat kuasa yang lebih ketat mesti dijalankan demi memastikan misi dicapai. Kejayaan ini sebenarnya bergantung kepada penglibatan semua pihak kerajaan, penguat kuasa dan juga pihak majikan.

Isu buruh paksa merupakan satu masalah yang serius dan ia akan menjejaskan semua sektor ekonomi di Malaysia. Sekiranya isu ini tidak diselesaikan maka negara kita akan menghadapi banyak halangan atau sekatan daripada eksport. Selain itu, negara kita juga akan menghadapi kesulitan dalam pengambilan pekerja asing. Saya yakin dengan melaksanakan ratifikasi protokol Protokol 29 kepada Konvensyen Buruh Paksa oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa maka negara kita akan dapat bersaing dengan negara lain di pasaran dunia.

Akhir kata, saya setuju dan sokong sepenuhnya Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee.

Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz.

**4.14 ptg.**

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Salam Keluarga Malaysia. Terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas berkenaan dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021.

Pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia yang benar-benar komited memberi perlindungan serta serius menjaga hak dan kepentingan pekerja-pekerja terutamanya sektor swasta yang dilindungi di bawah akta ini. Pindaan ini membuktikan komitmen kerajaan untuk mengkaji Undang-undang Buruh bagi memperkasa pasaran buruh. Kebajikan pekerja dan melarang amalan diskriminasi oleh pihak majikan.

Cuti paterniti Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya kira amat signifikan di dalam pindaan ini dan perlu perhatian Ahli Dewan yang mulia ini, adalah pindaan pada fasal 23 berkenaan dengan cuti paterniti bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 60FA ke dalam [Akta 265]. Saya menyambut baik usaha dan cadangan kementerian untuk memperuntukkan menambah cuti paterniti daripada tiga hari kepada tujuh hari bagi pekerja lelaki yang berkahwin.

Namun begitu, saya tidak bersetuju dengan syarat dicadangkan untuk melaksanakan pindaan ini iaitu cuti paterniti yang diberi tertakluk kepada maksimum lima kelahiran. Saya merasakan syarat ini tidak relevan kerana sepatutnya semakin ramai kelahiran, semakin tinggi keperluan untuk suami bercuti selepas isteri bersalin kerana lebih ramai anak yang perlu diuruskan... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima tidak boleh, ya Yang Berhormat?

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak tambah lagilah?

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Tambah lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** Selain itu, pindaan ini turut memerlukan pekerja yang telah bekerja dengan majikan selama 12 bulan sebelumnya bagi membolehkan mereka berhak untuk mendapatkan cuti paterniti.

Pada pandangan saya, keperluan ini adalah sangat tidak munasabah memandangkan secara hakikatnya si suami tetap perlu mendapatkan cuti berkenaan bagi membantu isteri mereka tidak kiralah sama ada mereka telah bekerja lebih atau kurang daripada 12 bulan dengan majikan yang berkenaan.

Keperluan ini membuatkan saya berasa seolah-olah wujud diskriminasi dalam aplikasi pindaan seksyen ini. Apabila pekerja iaitu suami yang bekerja kurang daripada 12 bulan sebelum tarikh permohonan cuti bergaji apabila isteri bersalin, tidak layak untuk memohon sedangkan mereka mempunyai keperluan bercuti yang sama iaitu untuk menjaga isteri yang baru bersalin, membantu menguruskan bayi dan rumah tangga serta menguruskan urusan

dokumentasi untuk pendaftaran anak. Oleh itu, saya pohon agar syarat ini dibuang daripada pindaan.

Perluaskan skop akta. Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pindaan pada fasal 15 dan fasal 29 yang bertujuan untuk memotong seksyen 44A, seksyen 69B, seksyen 69C, seksyen 69D dan seksyen 69E dalam [*Akta 265*] berbangkit daripada perluasan skop akta ini. Saya percaya melalui pindaan ini pekerja dibenarkan untuk membawa apa-apa pertikaian di hadapan Ketua Pengarah tanpa mengira amaun gaji yang diterima di bawah peruntukan sedia ada, yang dihadkan pada RM5,000. Pindaan ini akan membenarkan definisi yang luas kepada pekerja tanpa mengira tangga gaji untuk membuat aduan kepada Ketua Pengarah Buruh.

Namun begitu, saya lihat tiada pindaan susulan dalam Jadual 1 akta yang sama untuk mencerminkan pindaan baharu yang dicadangkan. Oleh itu, saya minta agar kesilapan ini dapat diperbaiki bagi mengelakkan pertindihan atau kekeliruan berkenaan dengan implikasi pindaan ini kelak.

Pengasingan cuti hospitalisasi daripada cuti sakit. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu berkenaan pindaan fasal 22 iaitu bertujuan untuk meminda seksyen 60F bagi mengasingkan cuti hospitalisasi daripada kelayakan cuti sakit yang diperuntukkan kepada pekerja.

#### ■1620

Saya amat menyokong pindaan ini kerana pengasingan cuti ini dapat memberi peluang kepada pekerja yang sakit berehat dan menumpukan kepada rawatan dan pemulihan yang mencukupi apabila ditimpa penyakit.

Namun begitu, saya ingin menarik perhatian Dewan agar kita cakna sama ada di dalam kita sedar atau tidak banyak majikan yang bertindak kejam kepada pekerja yang sakit apabila bertindak menolak KPI pekerja mereka apabila mereka mengambil cuti sakit.

Malah, keadaan pandemik ini sebenarnya banyak majikan yang menolak cuti atau pun gaji pekerja apabila mereka terpaksa menjalani kuarantin sama ada di rumah ataupun PKRC akibat positif COVID-19.

Jika perkara sebegitu asas mengenai kuarantin pun majikan tidak mahu berlembut, adakah kita boleh mengharapkan mereka untuk mengasingkan cuti hospitalisasi daripada Cuti Sakit. Saya harap kementerian tegas dan tindakan yang berat boleh dikenakan di atas majikan yang enggan bekerjasama dan tidak mahu mengikut undang-undang yang telah ditetapkan.

Diskriminasi di tempat kerja. Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin menyentuh soal diskriminasi di tempat kerja. Pindaan Fasal 30 bertujuan memansuhkan seksyen baharu 69F bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja untuk menyiasat sebarang aduan berhubung diskriminasi di tempat kerja.

Saya berpendapat fasal ini perlu lebih menyeluruh dan khusus supaya kita dapat menangani masalah diskriminasi yang berlaku di tempat kerja sementara kita menunggu satu akta yang baharu diperkenalkan.

Pindaan mengenai larangan diskriminasi dalam rang undang-undang ini, sedikit sebanyak dapat memberi keadilan kepada pekerja dan dalam masa yang sama menjadi satu bentuk perlindungan yang lebih jelas kepada pekerja di negara ini daripada sebarang bentuk diskriminasi di tempat kerja.

Masalah diskriminasi di tempat kerja meliputi masalah berkaitan dengan diskriminasi daripada segi jantina, gender, diskriminasi daripada segi aspek agama atau kepercayaan, diskriminasi daripada aspek bangsa, warna kulit dan keturunan, diskriminasi daripada segi umur, diskriminasi terhadap Orang-orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain lagi.

Segala masalah diskriminasi yang berlaku di tempat kerja ini akan memberi kesan negatif bukan sahaja terhadap diri pekerja itu sendiri malah turut menjejaskan reputasi dan produktiviti jabatan, organisasi atau syarikat yang terlibat dalam masalah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya amat bersetuju dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan. Saya yakin Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 adalah sangat diperlukan bagi menambah baik perlindungan dan memastikan kebajikan golongan pekerja di negara ini dipelihara selain memastikan undang-undang buruh negara selaras dengan standard perburuhan dan instrumen antarabangsa.

Pindaan-pindaan yang melibatkan buruh paksa, hak pekerja wanita terutamanya sedang hamil dan sebagainya adalah selari dengan standard yang dipersetujui melalui Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Pelan Penyelarasan Buruh Malaysia-US dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing.

#### **4.25 ptg.**

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang ini untuk saya turut bersama membahaskan Akta Kerja (Pindaan) Tahun 2021. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia sebab telah membuat pindaan ini.

Seperti mana kita difahamkan, pemindahan ini ia sudah untuk mematuhi standard dan amalan antarabangsa sebagai mana yang dikehendaki oleh Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, Pelan *Consistency* Buruh Malaysia-Amerika Syarikat, dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Tujuan pindaan ini antara lain untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan terhadap diskriminasi dan buruh paksa. Ada perkara-perkara yang saya ingin sentuh dengan pindaan ini.

Pertama, berkenaan dengan penalti yang dinaikkan dari RM10 ribu ke RM50 ribu. Ada orang berpendapat bahawa kenaikan ini adalah tinggi sedikit sebab, satu sebab penalti ini akan dikenakan kepada majikan yang tidak membayar gaji lebih masa atau gaji *overtime*.

Jika kita katakan seorang pekerja itu ada gaji RM1,500 sebulan, penalti RM50 ribu itu dikirakan sedikit tinggillah dan cadangannya adalah kalau penalti itu dinaikkan dari RM10 ribu yang ada sekarang ke RM20 ribu. Itulah satu daripada cadangan saya.

Saya menyambut baik cuti bersalin yang dinaikkan dari 60 hari kepada 98 hari iaitu 14 minggu. Ini saya merasa pindaan yang tepat dan saya ingin mencadangkan Kementerian mengambil kira jika yang bersalin itu diberi pilihan untuk bercuti sebelum bersalin. Akan tetapi, sama dalam lingkungan 98 hari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa hari sebelum bersalin baru hendak bagi cuti?

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Mengikut pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang Pegawai Perubatan, bila masanya kira seminggu sebelum tarikh yang ditetapkan dia akan bersalin, kebanyakan pekerja wanita itu memang tidak boleh bekerja 100 peratus.

So, kalau wanita itu diberi pilihan bukan semesti pilihan seminggu sebelum tarikh itu, saya ingat itu sesuai untuk yang mahu bersalin itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato Dr. Nuing Jeluing:** Akan tetapi, bukan semesti. Pilihan sahaja yang saya cadangkan.

#### ■1630

Mengenai cuti suami, saya juga menerima baik yang sudah dinaikkan daripada tiga hari kepada tujuh hari tetapi juga saya bertanya sama dengan rakan saya, mengapa lima kali sahaja. Apakah sebabnya? Apakah penjelasannya? Minta Kementerian kongsi mengapa tidak enam kali, tujuh kali atau sepuluh kali? Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kali ke hari?

**Dato' Dr. Nuing Jeluing:** Lima, enam, tujuh orang anak... *[Ketawa]* Berkenaan dengan pindaan ini dan yang sebelum ini, saya merasa pindaan yang bagus ini belum diserapkan ke negeri seperti Sarawak yang sendiri ada dia punya *labor ordinance* atau ordinan buruh. Pada 2008, pindaan semacam gangguan seksual dan pekerja sementara atau *part-time worker* belum diserapkan ke *Sarawak Labor Ordinance* dan saya berharap di masa akan datang, ini juga perlu diguna pakai di Sarawak sebab pekerja-pekerja di sana pun perlu dilindungi oleh Akta Kerja ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jeluing.

Saya persilakan Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Saya dapati beliau tak ada dalam Dewan. Ada? *Alhamdulillah*.

**4.32 ptg.**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih atas ruang yang diberikan untuk saya sama-sama terlibat dalam perbincangan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti rang undang-undang ini dan mendengar perbincangan baik di Dewan Rakyat mahupun yang telah pun dimulakan perbincangannya oleh rakan-rakan saya terdahulu, saya dapati bahawa pindaan Akta Kerja ini sangat progresif tetapi masih terdapat jurang dan juga isu-isu diskriminasi yang perlu kita lihat secara teliti dan terus komited untuk memastikan bahawa isu-isu yang terkait rapat dengan diskriminasi ini mestilah dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ini antara lain termasuk untuk memastikan rang undang-undang ini mematuhi amalan antarabangsa dan standard amalan terbaik khususnya yang digariskan di bawah Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Sekurang-kurangnya terdapat tujuh isu utama atau tujahan utama yang menjadi tumpuan kepada pindaan rang undang-undang ini yang saya kira ada beberapa isu yang perlu saya garis bawah secara kontakannya, implikasinya dan kepentingan yang terdesak untuk diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 12 seksyen 37. Walaupun pada mulanya rang undang-undang ini dalam perkara yang asal telah mencadangkan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari. Namun demikian, semasa perbincangan di Dewan Rakyat, bilangan 90 hari ini telah ditingkatkan kepada 98 hari, selaras dengan piawaian Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Tempoh ini Tuan Yang di-Pertua, sangat penting untuk memberikan sokongan, ruang dan masa bagi para ibu yang bekerja mempunyai masa yang mencukupi untuk kembali sihat dan bekerja.

Kalau dalam konteks kepimpinan Tuan Yang di-Pertua, kita ada *the first 100 days* atau 100 hari pertama. So, dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya percaya 98 hari yang pertama ini adalah sangat penting untuk pembesaran dan sokongan kepada bayi yang baru dilahirkan termasuklah partisipasi ibu bapa dalam memastikan perkembangan awal kanak-kanak dan juga memberikan hak yang terbaik kepada pekerja wanita.

Tuan Yang di-Pertua, tujuh hari paterniti yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan terdahulu juga telah menggamit banyak persoalan dan juga ruang dalam perbincangan awam khususnya fasal 23 berhubung cuti paterniti bagi pekerja lelaki yang telah pun berkahwin. Pada asalnya juga Tuan Yang di-Pertua, cuti paterniti ini dalam rang undang-undang yang asal iaitu tiga hari tetapi setelah dibahaskan dengan panjang, maka tujuh hari yang telah diberikan dan dipersetujui merupakan langkah awal yang baik. Langkah menambah cuti paterniti daripada tiga hari kepada tujuh hari ini adalah cukup signifikan dalam usaha menormalisasikan yang kita panggil sebagai peranan bapa dalam kehidupan awal kanak-kanak.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi fasal yang sangat penting iaitu fasal 13, seksyen 41A yang berkaitan dengan penamatan pekerja wanita yang mengandung. Rang undang-undang ini secara umumnya melarang majikan daripada memberhentikan pekerja yang hamil kecuali dalam konteks tertentu dan disebut secara khusus, adakah konteks-konteks tersebut dan beban bukti serta tanggungjawab majikan untuk membuktikan bahawa pemberhentian itu bukan disebabkan oleh kehamilan ataupun yang kita sebut, saya rujuk, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *ground of illness arising out of her pregnancy* ataupun apa-apa alasan sakit yang terbit daripada kehamilan tersebut.

Jadi, soalan saya kepada kementerian, apakah pendirian kerajaan berkaitan diskriminasi ke atas wanita yang mengandung semasa pengambilan kerja? Jadi, rang undang-undang ini hanya menyentuh bagi mereka yang sudah pun bekerja dan mempunyai majikan tetapi isu diskriminasi terhadap wanita hamil ini masih kita lihat dalam konteks semasa pengambilan kerja. Jadi, soalan saya itu khusus untuk bertanyakan, apa pendirian kerajaan berkaitan syarat-syarat yang dikenakan oleh majikan, khususnya terhadap wanita hamil?

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seterusnya yang saya rasa juga sangat penting adalah berkaitan pemansuhan dua seksyen yang cukup besar iaitu seksyen 44A, dan 81G yang sebenarnya mesti disegerakan. Dalam ucapan dan juga perbincangan-perbincangan yang berlaku dalam ruang awam, ada perkara yang perlu diberikan perhatian khususnya berkaitan melanjutkan faedah bersalin dan perlindungan gangguan seksual kepada semua pekerja tanpa mengira pendapatan.

Jadi, soalan saya kepada kementerian, apa garis masa yang perlu diberikan dan dikerjakan oleh kementerian bagi memastikan sekiranya perintah itu tidak dilaksanakan, akta ini tidak akan terpakai kepada pekerja yang berpendapatan melebihi RM2,000. Oleh itu, pihak kementerian mesti mengeluarkan perintah untuk penelitian dan penggubalan tanpa sebarang kelengahan.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada ruang yang cukup progresif dalam Rang Undang-undang Kerja ini yang telah melakukan pindaan-pindaan yang cukup besar khususnya yang terkait rapat dengan kekeluargaan, diskriminasi, gangguan seksual dan juga beberapa perkara yang saya fikir sangat penting untuk kita pastikan bahawa dalam keadaan Malaysia hari ini sedang menduduki satu Kerusi Hak Asasi Kemanusiaan yang cukup penting dan signifikan, maka langkah-langkah yang diambil melalui rang undang-undang ini cukup progresif dan diharap akan dapat memastikan hak asasi khususnya wanita dapat dimartabatkan.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

Pengucap yang kesepuluh. Harap berada dan terus memberi peranan- Yang Berhormat Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali.

#### 4.41 ptg.

**Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

Pertama saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberikan kesempatan kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan juga tahniah kepada pihak kerajaan kerana berjaya menambah bilangan hari cuti buat ibu-ibu yang bersalin bagi pekerja swasta di negara ini. Pada mulanya rang undang-undang ini mencadangkan supaya cuti bersalin dipinda daripada 60 hari ke-90 hari tetapi sewaktu perbahasan di Dewan Rakyat, kerajaan telah bersetuju menambah sehingga 98 hari. Hal ini selaras dengan piawaian oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di mana cuti bersalin yang dicadangkan oleh ILO tidak kurang daripada 14 minggu iaitu 98 hari. Selain itu, wujudnya pertambahan cuti ini juga sekali gus dapat membantu memastikan golongan ibu yang bekerja mempunyai masa yang cukup untuk pulih daripada proses bersalin dan juga dapat menjaga bayi yang baru dilahirkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana bukan saja ibu yang mengandung mendapat cuti, tetapi juga bapa kepada ibu yang melahirkan anak kerana kerajaan telah berjaya memperkenalkan cuti paterniti kepada golongan bapa yang bekerja di sektor swasta iaitu selama tujuh hari.

Rang undang-undang ini juga pada mulanya memperkenalkan tiga hari tapi selepas perbahasan, kerajaan setuju menambah sehingga tujuh hari. Syabas saya ucapkan. Apa yang kita lihat dengan wujudnya cuti paterniti ini merupakan satu pembangunan dasar yang penting dan satu langkah yang baik. Cuti paterniti akan membantu bapa-bapa untuk memainkan peranan yang penting dalam minggu yang pertama kepada keluarga mereka, dan *insya-Allah* dapat membantu mengubah norma bahawa lelaki memainkan peranan yang sama juga di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melakukan proses transformasi dan penambahbaikan kepada undang-undang negara, ia perlulah mengambil kira beberapa prinsip terutamanya prinsip keadilan semula jadi. Prinsip keadilan semula jadi ini agak subjektif bergantung pada prinsip keadilan, kesaksamaan dan juga keseimbangan.

Untuk mengelakkan diskriminasi terhadap pekerja berlaku, rang undang-undang ini telah memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Buruh untuk menyiasat pertikaian yang berlaku antara majikan dan juga pekerja mengenai diskriminasi. Walau bagaimanapun, terma diskriminasi tidak ditakrifkan dengan jelas. Diskriminasi perlulah ditakrifkan seperti



diskriminasi langsung dan tidak langsung dan alasan kepada diskriminasi perlulah dinyatakan termasuk gender, agama, kaum ataupun ketidak upaya.

Dalam kajian Universiti Malaya pada tahun 2013 oleh Dr. Lee Howk Aun dan Dr. Muhamed Abdul Khalid telah mendapati bahawa terdapat diskriminasi ketika temu duga di syarikat-syarikat korporat terutamanya milik Cina yang mana didapati bahawa 24 peratus pemohon berbangsa Cina dipanggil ke temu duga selepas *resume* dihantar berbanding hanya 6.8 peratus pemohon berbangsa Melayu diterima ke temu duga. Kajian juga mendapati hanya syarikat milik Melayu saja yang tidak mengamalkan diskriminasi di mana kebanyakannya boleh terima mana-mana calon sama ada Melayu, Cina ataupun India.

Menurut kaji selidik diskriminasi di tempat kerja oleh Pertubuhan Pertolongan Wanita, lebih 40 peratus daripada wanita yang ditinjau pernah mengalami diskriminasi pekerjaan kerana kehamilan mereka. Kaji selidik juga mendedahkan ada lima cara yang kerap dilakukan oleh majikan untuk mendiskriminasikan wanita hamil. Di antaranya menjadikan kedudukan mereka di dalam organisasi sebagai tidak relevan, menafikan kenaikan pangkat, meletakkan mereka dalam tempoh percubaan yang panjang, menurunkan pangkat dan yang lebih teruk lagi iaitu menamatkan terus perkhidmatan mereka. Terdapat juga majikan yang mendiskriminasikan wanita hamil ataupun yang berpotensi untuk hamil yang sedang mencari pekerjaan.

Ini bermakna majikan boleh mendiskriminasikan pekerja semasa proses pengambilan sama ada atas dasar kaum, agama, gender, ketidakupayaan ataupun status yang lain. Oleh itu saya mohon untuk semua pihak meneliti semula berkaitan perkara yang dibangkitkan dalam takrifan diskriminasi yang telah pun diluluskan dalam rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pekerja di Malaysia khususnya belia terpaksa bekerja lebih masa demi memenuhi keperluan kos sara hidup yang semakin tinggi di samping keadaan semasa disebabkan pandemik COVID-19. Perubahan budaya kerja akibat COVID-19 meningkatkan lagi tekanan kepada pekerja yang sebelum ini sudah pun terpaksa melakukan kerja lebih bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Trend bekerja lebih masa atau kerja sambilan ini sudah dilihat sebagai satu kebiasaan bagi pekerja di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk menambah pendapatan mereka dan keluarga. Tidak kita nafikan isu bekerja lebih masa atau kerja sambilan merupakan perkara yang benar-benar terjadi di dalam industri pekerjaan di Malaysia. Bukan sahaja melibatkan B40, tapi saya percaya golongan M40 juga turut terjejas.

Kebanyakan golongan ini merupakan golongan belia yang mana mereka terpaksa bekerja lebih masa kerana ada komitmen yang tinggi seperti baru berkahwin, baru menimang cahaya mata ataupun mempunyai anak-anak yang masih bersekolah. Selain itu, mereka yang melakukan kerja sambilan atau lebih masa ini merupakan golongan pekerja yang tidak dinaikkan gaji mereka walaupun telah bekerja lebih dari tiga tahun ke atas di sesebuah syarikat. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu seksyen yang

khas di mana para majikan wajib menaikkan gaji pekerja mereka setiap tahun dalam satu kadar di antara 10 peratus hingga 15 peratus.

Dengan cara ini, golongan pekerja yang terpaksa melakukan kerja lebih masa untuk menampung kos sara hidup mereka ini tidak perlu melakukan hal sedemikian kerana ada pendapatan tambahan setiap tahun dan mereka akan mempunyai masa yang lebih bersama keluarga sekali gus menggalakkan *work, life balance* mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu kesihatan mental di tempat kerja seharusnya tidak dipandang ringan oleh mana-mana organisasi. Ia dilihat sebagai isu global yang memberikan impak yang besar kepada produktiviti sesebuah syarikat. Kini, penyakit mental menjadi masalah kesihatan yang kedua terbesar di Malaysia selepas penyakit jantung dan kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia menunjukkan penyakit mental suatu hari nanti bakal menggantikan penyakit kardiovaskular sebagai penentu utama sama ada seseorang itu mampu untuk terus bekerja ataupun sebaliknya.

Realitinya, laporan statistik mengenai penyakit mental di negara ini sangat membimbangkan. Pada tahun 2008, kira-kira 400,227 orang pesakit negara ini mendapatkan bantuan psikiatri di hospital-hospital kerajaan dan jumlah itu terus meningkat dengan 2,000 kes baru Skizofrenia yang dilaporkan setiap tahun.

Antara punca utama penyakit mental di tempat kerja adalah kerana bebanan kerja yang melampau, tempoh masa bekerja yang panjang, kurangnya kawalan, kerja rutin, konflik antara individu dan kurangnya ganjaran dan masalah organisasi. Isu kesihatan mental di kalangan pekerja di negara ini telah menelan kos RM14.4 bilion atau satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2018. Kebanyakan pekerja sukar menangani masalah yang dihadapi di tempat kerja dan gagal mengatasi masalah ini.

Stigma umum telah menjadi punca masyarakat kita gagal bersikap jujur jika mereka mengalami kemurungan. Justeru, majikan perlu menyediakan langkah yang berkesan untuk menanganinya. Jika gagal ia akan merugikan syarikat kerana masalah mental di tempat kerja ibarat pembunuh senyap kepada tenaga kerja yang berkualiti. Kesimpulannya, majikan perlu prihatin terhadap kesihatan mental pekerja kerana ia merupakan satu pelaburan jangka panjang kepada syarikat. Pekerja sejahtera akan menghasilkan mutu kerja yang tinggi dan mengurangkan kos syarikat dalam menguruskan masalah salah laku pekerja di pejabat.

#### ■1650

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan membabitkan psikologi dan *counsel* di tempat kerja memandangkan penyakit mental bakal menjadi pembunuh utama bidang pekerjaan pada masa hadapan. Di sini saya juga ingin mencadangkan supaya pada pindaan yang akan datang untuk RUU Kerja ini, kerajaan akan mewujudkan juga satu seksyen baharu di bawah RUU di mana setiap syarikat wajib mewujudkan satu bahagian atau jabatan kaunselor dan bimbingan dalam syarikat mereka untuk memantau kesihatan mental pekerja.

Itulah perbincangan yang saya ingin bawa pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali.

Sekarang kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

**4.50 ptg.**

**Dato' Haji Husain bin Awang:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya mengambil bahagian dalam perbincangan RUU Kerja (Pindaan) 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini mengenai peranan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia yang berfungsi sebagai jabatan yang mengurus, mengendali dan menyelesaikan tuntutan pemulihan kerja semula oleh pekerja yang dibuang terhadap majikannya. Pada waktu ini, segala urusan yang melibatkan pembuangan kerja secara tidak adil oleh sektor swasta akan menggunakan segala prosedur yang termaktub di dalam Akta Perhubungan dan Perusahaan 1967.

Seksyen 20 dalam akta ini telah menyatakan dengan jelas bahawa seseorang pekerja yang ditakrifkan di bawah akta ini yang menganggap bahawa beliau telah dipecat tanpa sebab dan alasan yang munasabah dan menuntut untuk dipulihkan ke jawatan asalnya sahaja, perlu membuat representasi dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pemecatan. Ia juga menyatakan representasi ini perlu dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia (KPPPM).

Soalan saya ialah apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam memberikan pendedahan secara komprehensif kepada para pekerja di luar sana bahawa mereka mempunyai jabatan yang senantiasa bersedia untuk memberi keadilan kepada mereka, sekiranya mereka merasakan dibuang kerja oleh majikan atau diberhentikan secara tanpa sebab yang munasabah secara tidak adil?

Kedua, apakah pihak kementerian mempunyai sebarang bentuk bantuan untuk para pekerja yang dibuang kerja ini bagi tujuan membantu segala bentuk persiapan serta persediaan ketika mereka berada dalam proses mediasi antara pekerja dan majikan sebelum memasuki mahkamah?

Ketiga, apakah pihak kementerian merancang untuk mewujudkan pakej bantuan guaman kepada para pekerja yang dibuang kerja ini sekiranya kes dibawa ke peringkat Mahkamah Perusahaan?

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua mengenai tekanan mental di tempat kerja. Saya juga ingin menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia ini mengenai isu mental buat pekerja dalam negara kita. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ipsos, tinjauan menunjukkan bahawa

terutamanya pekerja wanita yang berumur 35 tahun dan golongan berpendapatan rendah lebih cenderung untuk merasa resah dan tertekan berhubung situasi pekerjaan.

Pada kala negara kita masih lagi menuju ke arah pemulihan ekonomi selepas pandemik, banyak sektor ekonomi bergelut untuk memastikan mereka berdaya tahan pada waktu ini. Situasi ini seterusnya membawa kepada tekanan hebat oleh majikan kepada para pekerja. Soalan saya ialah apakah program yang dijalankan oleh pihak kementerian dalam memupuk semangat serta rasa tanggungjawab dalam kalangan para majikan bagi memastikan agar mereka lebih cakna kepada keadaan kesihatan mental pekerja mereka?

Kedua, saya juga ingin membangkitkan di Dewan yang mulia ini mengenai isu pekerja yang diberikan tugas atau bebanan kerja yang tidak setimpal serta tidak munasabah dengan nilai gaji serta kapasiti kemahiran mereka. Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan majikan ini tidak mengambil tindakan di luar kemanusiaan sehingga memberikan tugas yang membebankan sekali gus memberikan tekanan mental kepada para pekerja mereka? Seperti kita sedia maklum, kesan kepada kesihatan mental di tempat kerja ini pastinya akan memberikan kesan sampingan kepada produktiviti kerja di tempat kerja mereka serta akan menjejaskan kesejahteraan keluarga mereka di rumah masing-masing. Saya berharap, pihak kementerian akan mengambil tindakan yang tuntas terhadap isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga mengenai dengan gaji minimum RM1,500 bermula 1 Mei 2022. Saya juga tertarik dengan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia, pada awal bulan ini yang mengumumkan kadar gaji minimum baharu RM1,500 sebulan mulai 1 Mei 2022 di seluruh negara. Saya berpendapat, ia merupakan satu berita yang gembira buat pekerja.

Namun, majikan akan mengalami peningkatan kos operasi mereka pada masa kurang dua bulan. Faktanya, para majikan di Malaysia pada waktu ini hanya mempunyai masa kurang dua bulan untuk menyiapkan diri mereka untuk melaksanakan gaji minimum ini. Pada waktu ini, antara kerisauan para majikan iaitu mereka juga terpaksa menerima realiti untuk menaikkan bukan sahaja gaji pekerja di bawah RM1,500, namun pekerja yang menerima gaji atas RM1,500 juga bagi berlaku adil kepada semua pekerja.

Oleh itu saya ingin mengemukakan persoalan iaitu: pertama, apakah pekerjaan pada waktu ini akan terus memperkasakan program-program yang bertujuan membantu para majikan dalam membayar gaji pekerja secara konsisten selepas ini seperti Program Subsidi Upah di bawah Pakej PEMERKASA bagi memastikan mereka berdaya tahan selepas ini?

Kedua, bagi memastikan syarikat-syarikat melaksanakan gaji minimum pada 1 Mei 2022 ini, apa bentuk penguatkuasaan dan insentif yang efektif, yang mungkin dilaksanakan oleh kementerian selepas ini?;

Ketiga, bagaimanakah kementerian melaksanakan kerjasama rentas kementerian dan agensi kerajaan yang lain dalam memastikan kenaikan gaji minimum ini tidak akan

menyebabkan majikan menaikkan harga barang dan perkhidmatan yang berkaitan? Contohnya, sektor perhotelan kepada orang ramai.

#### ■ 1700

Semoga apa yang saya bantah ini mendapat perhatian daripada kementerian. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang telah menyampaikan pandangan dan kupasan beliau. Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Selepas itu Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Jika ada apa-apa alasan untuk menukar giliran boleh, tetapi sila notakan kepada kami. Silakan.

#### 5.00 ptg.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya ruang pada hari ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 yang mana pada pandangan saya rang undang-undang ini hadir pada masa yang paling sesuai untuk dibahaskan dan seterusnya diluluskan di Dewan Negara yang mulia ini. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 ini sebenarnya telah membolehkan perundangan Malaysia mengatasi semula 11 indikator buruh paksa yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Tuan Yang di-Pertua, kita sering mendengar kisah yang sangat menyayat hati yang berlaku kepada pekerja di Malaysia tidak kiralah sama ada ia melibatkan warga tempatan atau warga asing. Namun apa yang penting Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati perlulah menunjukkan sikap yang baik dan bertamadun. Saya berikan beberapa tajuk berita yang tidak elok kita dengar dalam isu ini.

Dalam surat khabar *Berita Harian* dikatakan bahawa pada 17 Mac 2022 dikatakan bahawa, "*Buruh Diberi Bilik Daif, Tiada Kemudahan.*" Seramai 21 orang pekerja kilang proses jubin batu marmar dikesan mengingap dalam bilik sempit dan daif. Diperbuat daripada kepingan zink yang disediakan majikan di Kampung Kepayang, Simpang Pulai di sini.

Dalam surat khabar *Berita Harian* juga pada 17 Mac yang lalu, hanya empat buah tandas untuk 104 orang pekerja. Hanya menyediakan empat buah tandas untuk kegunaan 104 orang pekerja itu antara kesalahan majikan yang dikesan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dalam operasi bersepadu di dua buah lokasi berasingan. Berita seumpama ini sebenarnya telah mencalarkan imej negara. Walaupun ia dilakukan oleh sebahagian daripada majikan yang tidak bertanggungjawab namun ia tetap mencalarkan nama baik negara.

Ini belum lagi dikaitkan dengan isu tidak membuat pembayaran gaji, isu kontrak, isu gaji minimum dan isu kemudahan atau *benefit*, dengan izin, yang sepatutnya diterima oleh pekerja-pekerja ini. Bercakap tentang buruk paksa, Kerajaan Malaysia sedia bekerjasama erat

dengan Amerika Syarikat dan *United Kingdom* dalam menangani isu buruh paksa menerusi kerangka Pelan Tindakan Nasional Mengenai Buruh Paksa.

Ini bukan perkara kecil kerana ia melibatkan pelbagai pihak dan negara. Oleh itu, Kementerian Sumber Manusia perlulah mengeluarkan pelan tindakan ini untuk dilaksanakan di semua peringkat. Saya mengharapkan agar tidak timbul lagi isu penahanan dokumen pengenalan diri, isolasi kerja lebih masa peralihan, keganasan fizikal dan seksual, penahanan gaji, penipuan dan penghambaan hutang. Imej negara di mata dunia perlu dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 untuk diterima. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Adakah hendak mengambil bahagian sekarang atau esok? Tiada jawapan. Saya notifikasikan di sini sebagai tidak bereaksi.

Ke-15 Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Giliran saya adalah di nombor 14. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Jadi saya tanyakan dahulu sama ada Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bersedia.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

#### **5.05 ptg.**

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 [Akta 265].

Akta 265 merupakan undang-undang buruh utama yang mengawal selia hubungan antara majikan dan pekerja di sektor swasta melalui penetapan hak-hak pekerja dan standard minimum penggajian. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 ini dibuat untuk merealisasikan komitmen kerajaan untuk mengkaji semua undang-undang buruh bagi memperkasa pasaran buruh, kebajikan pekerja dan menghalang amalan diskriminasi oleh pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang saya harap kementerian atau kerajaan boleh pertimbangkan. Pertama, pekerja ekonomi gig. Pekerja ekonomi *gig* merupakan individu yang bekerja sendiri dan bebas tertumpu kerana skop kerja dan tempoh masa yang ditetapkan dengan bayaran yang dipersetujui. Sistem bekerja dan ciri-ciri *gig* memberi kebebasan kepada organisasi dan pekerja menjalankan kontrak yang lebih terbuka dan bekerja secara fleksibel tanpa terikat kepada pekerja sepenuh masa dan persekitaran pejabat.

Pekerja ekonomi gig di negara ini tidak termasuk di bawah definisi pekerja seperti yang dinyatakan di bawah Akta 265, Ordinan Buruh Sabah Bab 67 dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76. Setakat ini tiada rekod atau pemfailan kes buruh berkaitan golongan pekerja gig yang boleh digunakan sebagai penanda aras iaitu, dengan izin, *test case* yang membolehkan pekerja ekonomi gig menikmati manfaat seperti pekerja di bawah definisi undang-undang buruh di Malaysia.

Sistem pekerjaan *gig* dan *contract for service*, dengan izin, yang dipersetujui menjadikan pekerja ekonomi *gig* tidak tertakluk di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] dan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2020. Walau bagaimanapun, begitu Akta Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 [Akta 789] menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada orang bekerja sendiri termasuk pekerja ekonomi *gig* seperti penghantar makanan dan perkhidmatan *e-Hailing* sekiranya mencarum di bawah akta itu. Pekerja ekonomi gig wajar dilindungi dan tidak diskriminasi di negara ini. Kementerian perlu mencari jalan untuk memastikan pekerja ekonomi *gig* turut dilindungi di bawah akta ini.

Kedua, gaji minimum RM1,500. Pengumuman penetapan paras gaji minimum yang baharu iaitu sebanyak RM1,500 sebulan bermula 1 Mei 2022 ini merupakan pemacu yang penting untuk menyusun semua struktur ekonomi Malaysia ke arah yang lebih baik bagi mencapai negara yang berpendapatan tinggi.

Tidak dapat dinafikan bahawa pelaksanaan kadar baharu gaji minimum ini akan meningkatkan tekanan kepada syarikat perusahaan kecil dan koperasi yang masih terkesan daripada impak pandemik COVID-19.

#### ■1710

Namun begitu, kerajaan turut memutuskan untuk menangguhkan terlebih dahulu pelaksanaan kadar baru gaji minimum ini kepada syarikat perusahaan kecil dan koperasi yang tidak mampu membayar RM1,500 kepada pekerja mereka. Persoalannya, apakah ukuran yang boleh digunakan untuk menentukan sama ada sesebuah syarikat itu layak mendapat penangguhan ini? Oleh yang demikian, saya harap perbincangan yang lebih teliti perlu diadakan antara kementerian dengan pihak berkaitan perlu diadakan dalam masa terdekat sebelum sesuatu ketepatan dapat dicapai bagi pelaksanaan perintah gaji minimum ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Kita ada dua orang lagi pengucap.

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Kalau selesai, kita boleh sempurnakan tugas kita pada jam 5.30 petang tetapi ada dua orang lagi. Sila.

#### 5.11 ptg.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan sahabat Yang

Berhormat Senator sekalian. Saya bangun di sini untuk menyokong pindaan kepada Akta 265 yakni Akta Kerja 1955.

Sesungguhnya pada 10 Mac yang lepas, wanita seluruh dunia telah menyambut Hari Wanita dan pada petang ini saya nampak bahawa di peringkat negara kita merupakan hari kemenangan wanita dalam sektor pekerjaan kerana banyak fasal yang dipinda melibatkan kepada kebajikan wanita itu sendiri.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya pada Manifesto Pilihan Raya PAS 2008 terlibat untuk memberi pandangan dan cadangan kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada ketika itu yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Antara cadangan yang saya kemukakan kepada Jawatankuasa Parti PAS pada ketika itu untuk diserahkan kepada kerajaan negeri untuk dilaksanakan sekiranya menang dalam pilihan raya 2008 ialah memberi cuti kepada wanita bersalin daripada dua bulan kepada tiga bulan.

*Alhamdulillah* hari ini kerajaan telah menjadikannya daripada dua bulan kepada 98 hari. Cuma di Kelantan kita mencadangkan daripada 60 hari ke-90 hari untuk wanita bersalin dibenarkan bercuti bagi kakitangan kerajaan negeri. Ia telah dilaksanakan sebelum daripada PRU-12 yakni sebelum daripada 2013. Kerajaan negeri semasa pimpinan Yang Amat Berhormat Almarhum Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kita telah laksanakan. Cuma akhirnya *alhamdulillah* pada petang ini saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan Putrajaya, akhirnya membentangkan rang undang-undang ini untuk diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada awal 2022.

Pada masa yang sama juga, saya mencadangkan di dalam jawatankuasa tersebut sebagai salah satu manifesto pilihan raya ialah suami diberikan cuti tujuh hari untuk menjaga isteri yang bersalin. Jadi, Kerajaan Negeri Kelantan juga telah melaksanakan hal yang sama sebelum dari tahun 2013 semasa Kerajaan Negeri Kelantan dipimpin oleh Almarhum Yang Amat Berhormat Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Jadi *alhamdulillah* hari ini perkara yang sama akan dilakukan apabila pindaan akta ini diluluskan oleh kedua-dua Dewan untuk dilaksanakan oleh kerajaan di peringkat seluruh negara kita.

Cuma Kerajaan Negeri Kelantan kuasanya terhad dan tertakluk, ia tidak boleh mengganggu-gugat syarikat-syarikat swasta yang beroperasi di negeri Kelantan, cuma ia terhad kepada kakitangan kerajaan negeri kerana ia di bawah penguasaan, di bawah enakmen-enakmen negeri yang dalam bidang kuasa yang dibenarkan. Jadi tahniahlah, saya rasa inilah doa wanita-wanita daripada pelbagai agama supaya tuntutan mereka, kebajikan mereka diberi perhatian dan kerajaan 'Keluarga Malaysia' ini amat bijak kerana mengambil kesempatan sebelum daripada Pilihanraya Umum Ke-15 yang bakal diadakan tidak lama lagi. Ini kerana jumlah pekerja kesemuanya tidak kurang dari 14 juta orang dan kakitangan Kerajaan Persekutuan tidak kurang daripada 1.5 juta.

Jadi ia merangkumi satu angka yang besar sekiranya akta ini diluluskan. Oleh sebab itu, bilamana kita memberi peluang kepada wanita bersalin untuk dibenarkan cuti oleh



kakitangan kerajaan, kakitangan syarikat swasta yang berdaftar di Malaysia, *Insyallah* hubungan ibu dengan anak yang dilahirkan itu akan lebih mesra dan lebih intim kerana suasana kebersamaan itu lebih panjang. Oleh sebab itu saya merasakan bahawa untuk wanita yang bersalin, kemudiannya selepas tempoh 98 hari, kalau kerajaan boleh fikir supaya dia tidak dibebankan satu beban kerja yang berat kerana dia masih dalam keadaan yang belum betul-betul sihat untuk mengendalikan kerja-kerja yang berat.

Di samping itu juga dengan kelulusan fasal, ia dalam fasal 12 yang saya sebutkan tadi. Manakala dalam fasal 23 yang melibatkan suami di mana peruntukan yang melibatkan cuti paterniti kepada suami yang menjaga isterinya yang baru bersalin. Yang ini kita minta para suami memainkan peranan yang jujur. Kita tidak mahu seperti mana kita dengar kebanyakan suami yang diberikan cuti ini tetapi mengambil waktu tersebut untuk mengail ikan, memburu dan sebagainya. Ini banyak kita dengar.

Oleh sebab itu mesti ada satu mekanisme supaya cuti yang kerajaan ikhlas berikan dan akta yang kita betul-betul ikhlas luluskan untuk suami mempunyai hubungan yang lebih mesra, bersifat tanggungjawab dan memikirkan tentang kepenatan, keperitan, kesusahan isteri yang melalui proses bersalin ini benar-benar mengambil tugas tanggungjawab tersebut dengan betul-betul, dengan benar.

Ini kerana kita tidak mahu ia disalahgunakan sehingga menyebabkan timbul suara-suara satu masa nanti yang mendesak dan akhirnya merugikan. Akta ini yang akan diluluskan bilamana masyarakat dan sebagainya, *public*, dengan izin, masyarakat umum mengetahui bahawa ramai para suami menggunakan kesempatan ini bukan untuk menjaga dan bersama isteri yang baru bersalin tetapi lebih kepada mengisi aktiviti-aktiviti yang tidak ada kaitan dengan cuti yang dibenarkan melalui akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa *Alhamdulillah* satu istilah yang lebih mesra telah diberikan kepada rakyat Malaysia bilamana kalau dulunya dalam fasal 16 dan 17 itu kita telah memasukkan satu perkataan menggantikan perkataan yang lama. Dalam akta ini masih menggunakan *vocabulary*, dengan izin, Inggeris yakni *servant*, ia menggantikan perkataan "*servant*" dengan perkataan "*employee*". Jadi *servant* ini kalau diterjemahkan ada rendah sedikitlah kategorinya itu, bawah macam abdi lebih kurang tetapi sekarang diiktiraf sebagai pekerja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Abdi, *slave*.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Slave*, maknanya *servant* atas sedikit pada *slave*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadam.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Ya jadi kadam.

Jadi saya fikir perkataan yang digunakan sekarang ini perkataan pekerja. Bila menggunakan pekerja itu, statusnya berbeza. Jadi saya ucapkan tahniahlah, mungkin kerajaan memikirkan bahawa tidak ada kasta-kasta dan kelas-kelas dalam kalangan

masyarakat. Masalah sebab-sebab tertentu maka orang-orang tertentu mungkin tidak dapat menjadi berada di tahap-tahap tertentu tetapi bilamana kita mengangkat martabat dan kedudukan yang dulunya dinamakan kadam- *slave*, atau *servant* ini kepada pekerja, *insya-Allah* itulah penghormatan yang diberikan kepada pekerja sesuai dengan sambutan 1 Mei, Hari Pekerja tersebut.

#### ■1720

Jadi, kalau masih digunakan perkataan *servant* seolah-olah ia tidak masuk dalam iktiraf pekerja dan seolah-olah macam kena adakan hari yang lain pula kerana mereka tidak layak menyambut Hari Pekerja pada 1 Mei kerana mereka tidak dikategorikan sebagai pekerja.

Jadi, tahniahlah kepada kerajaan walaupun ia lebih daripada 10 tahun lewat daripada apa yang diamalkan dan diluluskan oleh Enakmen Negeri Kelantan tetapi setidaknya-kerajaan memberanikan diri juga pada waktu ini kerana kita tahu, kerajaan hendak buat ini, kena fikir tentang majikan-majikan. Fasal majikan ini tidak suka kalau pekerja-pekerjanya mengambil cuti terlalu lama.

Cuma, saya berpandangan kita jangan mengehadakan lima. Ini kerana pada suatu ketika dahulu semasa Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri...

[Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima orang anak ya?

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Oleh sebab itu, saya tidak berapa setuju Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi sebut lima sahaja. Lima apa?

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Lima orang anak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima orang anak.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Lima orang anak. Jadi kita tak nak hanya dihadkan kepada lima orang anak Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana dahulu semasa zaman Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, pada kali pertama. Beliau telah bercadang, beliau telah memberi satu gagasan supaya penduduk Malaysia pada ketika itu 70 juta kerana kita mahu penduduk yang ramai supaya kita boleh berdikari dari sudut ekonomi kita. Memadai sekiranya diboikot dan sebagainya, kita mampu dengan produk-produk kita untuk berniaga dan dirangsang oleh bilangan penduduk seramai 70 juta pada ketika itu.

Jadi, sebab itu saya berasa bilangan ini tidak boleh dijadikan *limit* ataupun tahap sekiranya kalau dia mampu lebih, lebih. Lebih daripada lima. Jadi, kita jangan mengehadakan setakat lima orang. Ini kerana lima orang- sasaran penduduk yang ramai ini Tuan Yang di-Pertua tidak dicapai. Kita mahu penduduk yang ramai kerana banyak faktor kuasa membeli tinggi.

Jadi, kalau sesebuah negara itu hendak melahirkan ramai penduduknya, pekerjaanya berpendapatan tinggi, jadi dengan 70 juta itu kalau peratusan penduduk yang kelas

menengahnya, kelas tingginya, maknanya purata pendapatan RM10 ribu maka negara akan mendapat pendapatan lebih besar dan kegiatan ekonomi akan berpusar dan berkisar dengan lebih rancak.

Oleh sebab itu, saya pada petang ini dalam menyokong pindaan kepada Akta 265 ini, saya memohon kerajaan pada masa-masa mendatang supaya tidak mengehadkan kepada angka lima dan membiarkan cita rasa pasangan suami isteri itu untuk memperoleh anak seramai mungkin yang mereka mampu. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *the more the merrier*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok satu lagi Fasal yang nampaknya menggembirakan saya mungkin kerana wanita-wanita Islam barangkali banyak dalam solat 17 kali sehari itu ada satu ayat... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "*Kepada Engkau kami sembah, dan kepada Engkau kami meminta pertolongan.*" Jadi, oleh sebab doanya yang bertubi-tubi, Allah memperkenankan doa tersebut dengan *insya-Allah* negara kita, Parlimen kita, Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan meluluskan rang undang-undang untuk kebajikan dan kepentingan wanita semua.

Satu lagi cadangan saya kalau boleh kerajaan memikirkan kerana kita tahu bahawa sekiranya pekerja datang ke pejabat dengan gembira, *insya-Allah* produktiviti dia akan naik. Dia gembira, dia akan bekerja dengan bersungguh-sungguh. Kita tak nak dia datang bekerja dalam keadaan paksa. Apabila dia gembira, produktiviti dia akan naik. Oleh sebab itu antara rancangan-rancangan, aktiviti-aktiviti dan program yang kerajaan letakkan dalam akta ini pada masa akan datang ialah supaya majikan-majikan ini menyediakan tempat anak-anak kecil, bayi dan anak-anak di bawah tadika. Bayi supaya menggembirakan mereka, anak yang masih memerlukan susuan dada dan susuan itu dekat dengan mereka.

Saya mempraktikkan hal ini di pejabat saya. *Alhamdulillah*, walaupun saya memberi peluang kepada *work from home* sudah lima tahun, enam tahun, 10 tahun yang lampau tetapi mereka masih gembira untuk datang ke pejabat kerana anak-anak mereka berada di depan mata mereka.

Jadi, kalau kerajaan boleh meminda akta ini supaya syarikat-syarikat yang berskala tertentu ataupun mana-mana syarikat berskala mana-mana supaya mengadakan tempat. Sekiranya ada 10 orang atau lima orang pekerja wanita yang sudah berumah tangga, maka pihak majikan hendaklah mengadakan sebuah tempat-ruang dan bilik untuk tempat anak-anak ini dijaga.

Mungkin boleh memotong sedikit daripada gaji mereka ataupun merupakan satu khidmat sosial syarikat-syarikat tersebut. Kalau ini dapat dilaksanakan, *insya-Allah* imej negara kita dilihat sebagai imej yang benar-benar menjaga wanita. Ini kerana kita kena ingat Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang hebat sekarang ini, pemimpin nombor satunya wanita. Umpamanya, Jerman sehingga sekarang ini orang tidak boleh nafikan bahawa pemimpin Jerman yang hebat iaitu Angela Merkel, seorang wanita.

Begitu juga dunia sangat terpengaruh dengan Perdana Menteri New Zealand seorang wanita yang melahirkan anak sewaktu memegang jawatan Perdana Menteri. Bukan hanya Benazir Bhutto sahaja yang melahirkan anak semasa memegang jawatan Perdana Menteri bahkan Jacinda Ardern daripada New Zealand merupakan seorang Perdana Menteri yang hebat, diakui di seluruh dunia.

Jadi, sebab itu saya hendak melihat bahawa kita negara Malaysia ini biar dilihat benar-benar walaupun kita tidak mempunyai Perdana Menteri wanita tetapi kita dilihat persepsi yang positif, negara kita benar-benar memberi peluang, menjaga wanita. Ini kerana wanita merupakan ibu kepada anak-anak yang bakal menjadi pemimpin-pemimpin dunia pada masa depan.

Ini kerana kita ingat, tangan yang membuai anak itu merupakan tangan yang boleh menggoncangkan dunia. Tuan Yang di-Pertua, antara benda yang saya nampak, saya sangat tertarik adalah satu lagi pindaan yakni pindaan kepada seksyen 42 dan dipinda daripada nota bahunya Tuan Yang di-Pertua. Maknanya ia menggunakan perkataan *dismissal*, dengan izin, *instead of termination*.

Lembut bahasa itu. Kalau dahulu *terminate*. Kalau dahulu *dismissal*, dahulu guna perkataan *dismissal*. Sekarang digunakan perkataan *termination*. Jadi, *terminate* itu perkataannya lembut sedikit berbanding *dismiss* ini tidak ada budi bicara, pecat terus tetapi *terminate* ini macam gantung.

Satu lagi saya tengok bahawa dalam Fasal 46 ada memasukkan seksyen baharu 81(H) ke dalam Akta 25 mengenai kewajipan majikan untuk mempamerkan suatu Notis untuk meningkatkan kesedaran terhadap gangguan seksual. Saya fikir yang ini negara-negara maju memang sangat ke depan dalam bab ini kerana banyak kita tengok senator-senator sendiri, calon-calon naib presiden, calon-calon presiden Amerika bahkan presiden sendiri pun terperangkap dengan isu gangguan seksual ini.

Ini kerana penghormatan yang tinggi diberikan oleh akta negara masing-masing diberi kepada wanita ini kerana tidak boleh menggunakan perkataan lucah, tidak boleh menunjukkan simbol lucah kepada wanita. Jadi, *insya-Allah* peraturan ini banyak kita boleh dapati di negara-negara maju.

*Insya-Allah* kita boleh peraturan yang terdapat di negara-negara itu untuk kita bawa ke mari ke negara kita dan kita mungkin ringkaskan. Kerajaan buat satu standard, satu piawaian tertentu tampal di semua pejabat. Mungkin saya rasa di pintu masuk, di ruang lobi syarikat-syarikat boleh letak tentang hinanya gangguan seksual ataupun menentukan hukuman kepada gangguan seksual ini.

Jadi, *insya-Allah* saya rasa kita tidak hendak dengarlah negara kita keluar akhbar-akhbar di mana ahli-ahli politik terutama ahli politik kita sendiri, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat yang dipalitkan dengan isu-isu gangguan seksual ini.

**■1730**

Jadi, biarlah kita menjadi model kepada rakyat terbanyak dan juga sebab itulah kita hendak dengan model yang ditunjukkan oleh kita, kita boleh memberi tekanan yang kuat kepada syarikat-syarikat ini supaya mempamerkan, di banyak ruang tempat, di kantin-kantin pejabat tersebut terutama di lobi utama, hendak masuk di pejabat itu, itulah notis awal supaya jangan ada gangguan seksual ini. Ini kerana kalau ada gangguan seksual ini, malu kita dan saya tak nak terlibat sebagai kumpulan yang malu kerana gangguan seksual ini.

Jadi, saya ucap terima kasih kerana peluang yang telah diberikan kepada saya Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya rasa alangkah baiknya Malaysia, satu lagi kita fikir untuk memberi keutamaan kebajikan kepada semua pekerja khususnya wanita. Kita mula kena memikirkan kaedah standard, kaedah piawai menggaji pekerja mengikut mingguan. Sekiranya itu dapat dilakukan, aktiviti ekonomi pun bertambah rancak. Jadi, dengan secara tidak langsung, pekerja akan mendapat imbuhan yang lebih banyak sekiranya gaji atau upah dibayar mengikut mingguan. Sepertimana diamalkan oleh negara-negara maju.

*Insyah-Allah*, kita akan perhatikan bahawa kegiatan ekonomi bukan minggu pertama rancak, minggu kedua perlahan, minggu ketiga perlahan, minggu keempat rancak balik. Akan tetapi, apabila gaji ini dibayar pada setiap minggu, setiap minggu akan berlaku kerancakan ekonomi. Jadi, sudah waktunya negara kita memikirkan supaya gaji, sama ada pekerja kerajaan, pekerja swasta dibayar kan secara mingguan. Sekian, terima kasih. *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

Akhirnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah. Akhirnya, 10 minit barangkali. Silakan, sebab bagi Yang Berhormat Menteri selepas ini untuk membuat penggulangannya esok. Silakan.

**5.32 ptg.**

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, baginda Rasulullah SAW ada bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari... [*Membaca sepotong hadis*] Bermaksud, "*Janganlah kamu membebaskan mereka dan jika kamu memberikan tugas kepada mereka, bantulah mereka*". Oleh itu saya berpandangan bahawa Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 yang dibentangkan pada hari ini untuk membuat pindaan ke atas Akta Kerja 1955 amat wajar dan perlu. Ia memastikan hak-hak dan kebajikan pekerja lebih dititikberatkan sesuai dengan saranan hadis yang telah saya bacakan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dan meneliti jawapan Menteri dalam sesi penggulungan sewaktu perbahasan di Dewan rakyat pada minggu lepas. Justeru, saya mempunyai beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan dalam sesi perbahasan pada kali ini. Pertama, mengenai cuti *paternity* selama tujuh hari dan cuti bersalin yang dinaikkan daripada 90 hari kepada 98 hari yang telah dipersetujui sebulat suara di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Sebagai seorang wanita yang telah melalui pengalaman bersalin dan berpantang, saya mengandungi 13 orang anak dan anak hidup seramai 10 orang... *[Tepuk]* Seramai 10 orang anak saya, *alhamdulillah*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Wah! Itu suara- beri sokongan, 13 orang anak. Tahniah!

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Saya amat-amat menyambut baik pindaan akta ini kerana tempoh selepas baru bersalin, merupakan tempoh yang amat kritikal. Di mana wanita amat memerlukan sokongan emosi dan fizikal daripada suami. Hal ini demikian kerana, dalam tempoh-tempoh awal fasa berpantang itulah di mana kesihatan si anak dan isteri masih belum benar-benar stabil.

Selain itu, urusan pendaftaran anak juga perlu diuruskan oleh suami, belum lagi ditambah dengan urusan anak-anak yang lain termasuklah urusan sekolah, urusan transitnya, urusan penyediaan makanan dan sebagainya. Jika kita senaraikan apa yang perlu dilakukan oleh suami dalam fasa isteri baru bersalin ini, kita akan rasa bahawa cuti *paternity* selama tujuh hari itu tidak mencukupi sebenarnya. Saya sokonglah dengan apa yang disebut oleh Senator-senator yang lain tentang cuti tujuh hari ini.

Namun, setidaknya ia lebih baik daripada cuti selama tiga hari yang diperuntukkan sebelum ini dan bakal memberi sedikit kelegaan dan senyuman kepada pasangan suami isteri di luar sana. Namun begitu, saya mohon penjelasan mengenai cara pengiraan cuti ini yang lebih jelas daripada pihak kerajaan. Adakah cuti selama tujuh hari yang diberi dikira bersekali dengan cuti hujung minggu atau cuti umum lainnya sekiranya berkebetulan atau kiraannya hanya melibatkan hari bekerja sahaja, mohon penjelasan daripada pihak kementerian.

Selain itu, untuk cuti bersalin yang ditambah sehingga 98 hari, saya ingin bertanya, apakah pindaan akta yang mewajibkan cuti bersalin 98 hari ini turut diwajibkan ke atas syarikat-syarikat PMKS? Apakah implikasi daripada segi undang-undang sekiranya terdapat majikan yang tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk mematuhi akta ini? Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya sama ada kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan cuti *ihdad* selama 30 hari iaitu kepada isteri yang kematian suami. Seperti yang kita maklum, bagi wanita yang bersalin, paling kurang telah diberikan cuti selama 60 hari. Namun bagi wanita yang kematian suami, hanya cuti selama tiga hari sahaja yang diperuntukkan kecuali di beberapa buah negeri yang telah melaksanakan cuti ini iaitu Kelantan dan Terengganu. Tahniah! Sedangkan kita maklum, apabila berlakunya kematian suami,

banyak urusan yang perlu diselesaikan oleh si isteri termasuklah urusan anak-anak, urusan pusaka dan sebagainya.

Oleh itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan cadangan pemberian cuti *ihdad* selama 30 hari ini selari dengan cuti *idah* selama empat bulan 10 hari yang ditetapkan dalam Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh berhubung dengan hak wanita bertudung dalam negara kita yang masih dipandang enteng oleh sesetengah pihak. Sebaik-baik pakaian wanita Islam itu menutup aurat dan menjaga maruahnyanya. Setiap pekerjaan yang dilakukan dalam mencari rezeki yang halal lagi berkat, ia perlu selari dengan tuntutan Islam. Mana-mana majikan dari pelbagai sektor, sama ada perkhidmatan, penerbangan, perhotelan dan sebagainya yang melarang wanita agama Islam untuk mengenakan tudung suatu perkara yang bertentangan dengan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan, mengenai hak kebebasan asasi beragama.

Di negara ini, diskriminasi wanita Muslim sama sekali tidak boleh diterima, kita sepatutnya bersyukur berada di bumi Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Dapat melakukan ibadah dan corak pemakaian mengikut agama masing-masing tanpa perlu dihalang oleh sesiapa. Dapat hidup dengan penuh keharmonian. Tidak seperti di India, yang kita pun sudah tahu, terutama di Karnataka di Selatan India yang telah tercetus ketegangan apabila kerajaan Perdana Menteri Narendra Modi di India telah melarang wanita Muslim memakai tudung di beberapa buah institusi pendidikan.

India menggelar dirinya sekular dan liberal tetapi hak asasi manusia dicabuli di negara itu terutamanya terhadap orang Islam. Berbalik kepada negara kita, isu majikan perhotelan sebelum ini yang melarang pekerja wanita Islam memakai hijab dan syarikat penerbangan terutama pramugari-pramugari yang dinafikan hak mereka untuk berhijab tidak sepatutnya berlaku.

#### ■1740

Sehubungan itu, kerajaan perlu mempunyai pendekatan yang efektif untuk aduan dan melakukan pemeriksaan berkanun ke atas sektor pekerjaan, sama ada kerajaan mahupun swasta bagi menangani isu diskriminasi hak wanita Islam untuk bertudung. Senang sahaja bertudung itu ringan sahaja pakai sebenarnya.

Hakikatnya, Akta Pekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan sedia ada tidak mencukupi untuk melindungi wanita Muslim daripada didiskriminasikan. Akta khusus seperti Akta Kesamarataan yang sesuai dengan undang-undang domestik dan sensitif kepada agama dan budaya perlu digubal bagi memastikan hak ekspresi beragama wanita, baik Muslim mahupun bukan Muslim terus terbela.

Saya menzahirkan sokongan terhadap usaha kerajaan dalam pindaan RUU Kerja (Pindaan) 2021 bagi menjaga kebajikan rakyat dalam pelbagai aspek, termasuk perlindungan ke atas pekerja-pekerja wanita yang memakai tudung.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir saya ingin menyentuh isu berkenaan sesetengah majikan yang mengganggu cuti rehat mahupun cuti hujung minggu pekerja dengan urusan kerja. Walaupun perkara ini dilihat remeh namun begitu ia nya boleh memberi kesan daripada segi produktiviti dan emosi seseorang pekerja.

Majikan tidak kira penjawat awam mahupun swasta tidak boleh sewenang-wenangnya menghubungi pekerja dengan menggunakan medium apa sekalipun dengan tujuan berkaitan urusan kerja selepas waktu pejabat. Majikan mahupun syarikat perlu menghormati waktu rehat dan masa bersama-sama keluarga di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya lihat hak dan kebajikan pekerja-pekerja *gig* ekonomi iaitu *e-hailing* dan *p-hailing* langsung tidak disentuh dalam pindaan akta ini, sedangkan hampir 99.9 peratus pekerja yang terlibat dalam sektor ekonomi *gig* ini merupakan warganegara Malaysia. Tiada warga asing. Saban hari, kita dengar ada sahaja kemalangan melibatkan *riders*, dengan izin, penghantar makanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerja dalam sektor ekonomi *gig* ini kerjanya berat. Perlu berpanas, ada ketikanya berhujan, berjam-jam menunggang motosikal dari pagi kadang-kadang sampai malam dengan terpaksa hadapi risiko kemalangan yang mengancam nyawa setiap hari.

Justeru, saya hendak selitkan sedikit dalam poin saya ini, sebenarnya anak-anak muda kita bukannya malas untuk memilih pekerjaan namun sekiranya upah yang diperoleh sesuai dengan pekerjaan berat yang diusahakan, hatta sektor 3D sekalipun pasti akan dimonopoli oleh anak muda kita, *insya-Allah*. Berbalik kepada jaminan hak pekerja ekonomi *gig* ini, seingat saya dari tahun lepas lagi kita berbahas mengenai isu yang sama.

Namun sehingga kini, masih belum menemukan satu titik temu yang boleh memberikan manfaat kepada kedua-dua antara majikan dan pekerja. Oleh itu saya amat berharap agar kerajaan sesegera mungkin dapat mewujudkan suatu akta atau polisi yang boleh menjamin hak-hak pekerja *gig* ini. Pada masa yang sama, tidaklah terlalu merugikan majikan.

Namun, saya ingin memohon penjelasan kementerian, sejauh mana sesi libat urus dilakukan antara pihak-pihak berkepentingan dalam sektor ekonomi *gig* ini dalam usaha untuk mewujudkan akta atau polisi khusus untuk sektor tersebut. Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2021 ini, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Wassalamualaikum*, tahniah Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah. Alangkah baiknya jika berhujah sedemikian dikurangkan sedikit bacaan, maka dilebihkan lagi cara berdebat. *Alhamdulillah*, kita cuba lain kali.

Ya Berhormat Ahli-ahli Senator yang dikasihi sekalian, kita sudah sampai ke akhir sesi dan saya suka mengumumkan bahawa Yang Berhormat Menteri bolehlah menggulung menjawab esok, tidak pada masa sekarang.



Oleh sebab lanjutan jadual yang telah kita alami telah sampai ke jam 5.45. Dengan itu, ditangguhkan sidang Dewan Negara ke jam 10 pagi, besok.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang]***